

**"DOKUMEN INI BELUM DISEMAK!"**  
[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]  
[Kandungan dilampirkan]

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 7 Mac 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa bagi mengatasi masalah saham CLOB, adakah pihak kementerian bercadang menggalakkan satu perbadanan kerajaan atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengambil alih semua saham yang terlibat supaya keuntungan yang akan diperolehi tidak jatuh kepada tangan beberapa individu sahaja.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Teluk Intan bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Nibong Tebal yang dijadualkan pada 21 Mac 2000 dan Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa pada 29 Mac 2000 secara serentak kerana ketiga-tiga pertanyaan iaitu penyelesaian saham Centre Limit Order Books system ataupun yang dikenalkan dengan CLOB. Pendirian kerajaan mengenai isu saham CLOB adalah jelas dan konsisten di mana penyelesaiannya terletak kepada pihak Singapura, pelabur-pelabur terlibat, pihak swasta yang berminat dan di antara Bursa Saham Singapura dengan Bursa Saham Kuala Lumpur.

Walau bagaimanapun, pada 25 Februari 2000 satu persetujuan telah dicapai untuk mengatasi masalah saham CLOB di antara Bursa Saham Singapura dan Bursa Saham Kuala Lumpur. Persetujuan ini terkandung dalam dua perjanjian yang ditandatangani di antara Bursa Saham Kuala Lumpur, Bursa Saham Singapura dan Central Depository Private Limited (CDP), Securities Clearing Automated Network Services Sdn. Bhd. (SCAN). Adalah

diharapkan dengan termetrainya perjanjian-perjanjian ini pelabur-pelabur CLOB membuat pilihan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah mereka. Dengan itu, tindakan Singapura untuk merujuk isu CLOB kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tidak berbangkit lagi.

Maklumat mengenai pegangan sekuriti dan jumlah yang terlibat tidak dapat didedahkan kerana dilindungi oleh peruntukan rahsia di bawah Akta Perindustrian Sekuriti Depository Pusat 1999 dan mengikut rekod Malaysia Centre Depository Saham, CLOB dipegang melalui satu akaun sahaja.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa ada strategi untuk menyelesaikan masalah CLOB ini dengan memberi kepada skim A dan juga skim B. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah skim A dan skim B dan apakah penyelesaian di antara skim A dan skim B boleh diterima oleh pelabur CLOB?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi dalam isu CLOB yang telah berjaya ditandatangani pada 25 Februari 2000 di mana pihak BSKL dan Bursa Saham Kuala Lumpur telah menandatangani perjanjian bagi menyelesaikan saham tersebut. Jadi, dalam perjanjian tersebut terdapat dua skim atau dua tawaran. Skim A yang dilaksanakan oleh Effective Capital Sdn. Bhd. (ESCB) ini pertamanya tempoh awal tiga bulan bermula pada 31 Mac 2000 bagi memeriksa maklumat dan membuka akaun sekuriti individu dengan sistem depository pusat oleh pelabur CLOB. Keduanya, ialah mengenai 13 bulan perpindahan secara berperingkat-peringkat saham CLOB itu. Dan yang ketiga, yuran pemindahan sebanyak 1.5% berasaskan harga tutup 15 Februari 2000 yang akan dibayar oleh pelabur CLOB.

Skim B juga pertamanya jika saham CLOB akan diurusniagakan oleh BSKL selepas 33 bulan, jadi tawaran ESCB ini, iaitu yang dikatakan Effective Capital Sdn. Bhd. yang ditutup pada 31 Mac 2000. Keduanya, sembilan bulan perpindahan saham secara berperingkat-peringkat bermula dari tempoh 33 bulan. Dan yang ketiganya, yuran pentadbiran 1% berasaskan harga purata sekuriti untuk lima hari dagangan. Jadi, penyelesaian saham CLOB boleh diselesaikan dalam tempoh 13 bulan jika 100% pelabur CLOB bersetuju menerima tawaran skim A dan jika 100% pelabur CLOB tidak bersetuju,

mereka perlu pula menunggu 33 bulan untuk memindahkan saham ke akaun masing-masing. Sungguhpun begitu, ia bergantung sama ada kerajaan akan memindahkan saham tersebut kepada Menteri Kewangan sebagai saham yang dituntut. BSKL mendapati bahawa Effective Capital Sdn. Bhd. yang mengemukakan cadangan lengkap pada 31 Disember 1999 berbandingkan dengan cadangan-cadangan yang lain.

**Tuan Mah Siew Keong:** Tadi Timbalan Menteri telah memberitahu bahawa dalam cadangan yang diluluskan pemegang saham CLOB akan diberi kebenaran untuk menjual saham mereka secara berperingkat mulai bulan Julai ini. Oleh kerana ini melibatkan saham yang bernilai berbilion-bilion ringgit, bolehkah ini menjejaskan stability Bursa Saham Kuala Lumpur dan apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, semalam kalau tidak silap saya ada dalam ruangan akhbar – satu ruangan akhbar tempatan mengenai pelabur-pelabur CLOB yang diminta oleh Price Water Coopers yang telah pun dilantik oleh Effective Capital Sdn. Bhd. untuk menyelesaikan dan men'facilitate' saham-saham berkenaan.

Pusat yang dijalankan oleh Price Water House akan berada di Singapura, di Kuala Lumpur dan juga di Johor Bahru dan dimulakan pada hari Rabu, 8 Mac hingga hari Ahad, 26 Mac 2000 pada pukul 10.00 hingga 8.00 malam tiap-tiap hari termasuk hari Sabtu dan juga hari Ahad dan juga hari kelepasan am. Mengikut IRA semua pelabur CLOB yang ada di Singapura akan memindahkan, melalui pengisian borang-borang berkenaan dan kita hendakkan kalau boleh sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi mengikut skim IRA ini. (Skim IRA ialah Irrevocable Request and Authority of Suspension Scheme). Ini kerana skim IRA ini lebih menarik kepada pelabur-pelabur CLOB kerana boleh mempercepatkan pemindahan ke akaun pelabur dan dapat didagangkan di BSKL secara berperingkat-peringkat. Yang penting di sini ialah secara berperingkat-peringkat (staggered) supaya tidak menjejaskan BSKL kita.

2. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan negara-negara manakah yang Petronas ada

membuat pelaburan dan apakah bentuk pelaburan tersebut dan sehingga kini sejauh mana telah mencatat kemajuannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Petronas melabur di luar negara bagi mempelbagaikan sumber perolehannya sesuai dengan wawasan syarikat untuk menjadikannya sebagai sebuah syarikat minyak dan gas multinational. Setakat ini Petronas telah membuat pelaburan antara lain di Afrika Selatan, Argentina, Australia, Britain, China, Filipina, India, Kemboja, Myanmar, Sudan, Thailand dan Vietnam di dalam aktiviti pembangunan dan pengeluaran petroleum, penghantaran, pemasaran dan pengedaran gas LPG dan produk petroleum. Hampir keseluruhan aktiviti-aktiviti tersebut sedang beroperasi. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1999 operasi antarabangsa Petronas telah menyumbang RM14.3 bilion atau 33.7% kepada pendapatan kumpulan Petronas.

**Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah kepada Petronas kerana dapat mengembangkan perniagaannya di peringkat antarabangsa. Kita sedar bahawa Amerika mempunyai extra territorial law, dengan izin, di mana menghalang syarikat minyak melabur di dalam beberapa buah negeri termasuk Sudan. Soalannya, sejauh manakah undang-undang ini tidak menghalang bagi syarikat Petronas kita untuk mengembangkan pelaburan di peringkat antarabangsa.

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, tindakan Amerika Syarikat ini adalah satu tindakan unilateral dan bukannya satu tindakan yang telah diambil dengan restu United Nations. Jadi, pihak Petronas tidak akan mengambil kira tentang larangan daripada Amerika Syarikat ini oleh kerana Petronas sendiri adalah satu syarikat yang beroperasi seperti juga syarikat yang lain. Saya ingin mengumumkan kepada Dewan ini bahawa dalam negara Sudan dan Iran ini juga terdapat beroperasi syarikat-syarikat lain daripada negara-negara lain. Jadi, Malaysia tidak terkecuali daripada beroperasi dalam keadaan untuk mencari business.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih. Saya hendak bertanya, berapa exchange loss ataupun kerugian yang dialami oleh Petronas akibat

daripada susutan nilai mata wang negara daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat di luar negara, dan keduanya ialah sama ada Petronas akan membawa peniaga-peniaga tempatan untuk pergi bersama-sama mereka di mana mereka melabur dalam membuat kerja-kerja yang mereka jalankan di luar negara?

**Tan Sri Bernard Giluk Dompok:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat yang terperinci tentang kerugian yang dialami oleh Petronas atas kemerosotan Ringgit kita baru-baru ini. Tetapi saya ingin maklumkan di Dewan ini bahawa harga minyak petroleum setong telah 'menaiki' hampir US\$30 setong.

Jadi bila Petronas telah membuat pelaburan di negara-negara asing, saya difahamkan bahawa harga minyak itu adalah di lingkungan AS\$18 hingga AS\$20 setong, jadi kalau pun ada kemerosotan daripada segi pendapatan Petronas akibat kemerosotan nilai wang Malaysia, saya fikir semua ini mungkin sudah *dineutralised* oleh kenaikan harga minyak setong yang kita nikmati sekarang.

Soal tentang syarikat-syarikat tempatan ataupun pengusaha-pengusaha tempatan untuk menjadi rakan kongsi dengan Petronas di negara-negara di mana Petronas beroperasi, saya fikir pihak Petronas tidak mempunyai halangan untuk mereka melabur dengan Petronas di mana Petronas ini mempunyai kepentingan dalam syarikat-syairkat ataupun dalam penerokaan minyak di luar negara.

3. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai pertemuan rasmi beliau dengan rakan sejawatannya dari Israel, David Levy di US baru-baru ini dan adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk mengadakan hubungan diplomatik serta meningkatkan hubungan dagang yang sedia ada antara kedua-dua negara.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah pun saya jawab pada 18 Oktober 1999 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertemuan saya dengan Menteri Luar Israel adalah di atas permintaan Israel dan ianya dilakukan dalam konteks Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB.

Semasa pertemuan saya telah mengulangi pendirian tegas Malaysia mengenai isu Palestine dan juga proses damai Asia Barat. Antara lain:

- (i) kita mahukan Israel mematuhi sepenuhnya resolusi 242 1997 dan 338 1973 Majlis Keselamatan PBB;
- (ii) menyelesaikan isu sempadannya dengan Lebanon dan Syria; dan
- (iii) menyelesaikan isu Al-Quds Al-Syariff iaitu Baitulmuqaddis.

Seperti yang saya nyatakan dahulu Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik mahupun dagangan dengan negara Israel.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin merujuk kepada *Haras* Israel bertarikh 27 September 1999. Antara lain akhbar ini menyatakan bahawa pertemuan Yang Berhormat Menteri adalah, dengan izin, 'the first official meeting', pertemuan rasmi yang pertama antara Malaysia dan Israel.

Yang keduanya, saya ingin penjelasan ataupun saya ingin bertanya tentang bilateral committee yang telah di set up, di dalam ini ia menyatakan bilateral committee is to be set up to study with to draw the country closer. Jadi, saya ingin penjelasan tentang bilateral committee yang dikatakan ataupun yang disebut dalam akhbar *Haras* bertarikh 27 September 1999.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerana kita tidak mengiktiraf Israel, kita tidak menggunakan akhbar Israel sebagai bahan rujukan. [*Tepuk*] Walau bagaimanapun, untuk menjawab persetujuan saya untuk bertemu dengan David Levy adalah di atas asas bahawa pertemuan itu adalah tidak rasmi, tetapi terpulang kepada akhbar mereka untuk memberi takrif. Semalam Ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan pandangan Amerika bagi pihak Amerika bila mempersoalkan berkenaan EAEC, hari ini Yang Berhormat bercakap bagi pihak Israel pula. [*Tepuk*]

Jadi, saya ingin mengatakan bahawa tidak ada kebenaran di dalam tohmahan bahawa ada bilateral committee, tidak ada jawatankuasa dua hala di antara Malaysia dan Israel.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, kita ada dasar kita tentang dengan Israel dan apakah pandangan Yang Berhormat yang sebenarnya di belakang Israel ini ialah Amerika. Tetapi yang belah sana, nampaknya mereka tidak menyokong supaya apa jua hubungan yang kita ada dengan Israel tetapi dia juga penyokong kuat kepada Amerika yang dalang kepada Israel, ini adalah satu dasar yang tidak konsisten, parti belah sana. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Menteri.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sikap dan tindakan parti pembangkang, lebih-lebih lagi PAS dalam pelbagai isu adalah tidak konsisten, itu biasalah amalan ini.  
[Tepuk]

4. **Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan jumlah aduan yang diterima berkaitan dengan kecurian akaun Internet yang dikendalikan oleh TM Net. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu mangsa-mangsa dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengembalikan keyakinan terhadap operasi TM Net.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada aduan khusus yang berkaitan dengan kes kecurian akaun Internet, tetapi antara langkah-langkah yang diambil oleh TM Net untuk mengelakkan berlakunya kes kecurian dan untuk tujuan mempertingkatkan keyakinan terhadap operasi TM Net adalah seperti berikut:-

- (i) Pelanggan telah diberitahu menerusi syarat dan terma bahawa kata laluan tidak boleh dikongsi atau diedarkan kepada mana-mana pihak.
- (ii) Pelanggan sentiasa dinasihati untuk menukarkan kata laluan mereka dari masa ke semasa untuk mengelakkan penggunaan yang tidak sah.
- (iii) Pelanggan telah dinasihatkan supaya tidak menyimpan kata laluan di dalam komputer peribadi mereka.

- (iv) Pelanggan juga diberitahu dan diperingatkan bahawa melalui e-mail mengenai kes abuse dan akhirnya penyediaan laman web khusus di *http.www.tnnet.my* yang menunjukkan cara untuk menukarkan kata laluan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah aduan-aduan yang lain yang diterima oleh TM Net selain dari kecurian dan apakah penyelesaian yang telah dijalankan kepada aduan-aduan yang lain lagi.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat yang saya ada di sini, di antara aduan-aduan lain yang tidak berkaitan dengan kecurian akaun TM Net adalah seperti berikut. Kebanyakan aduan ini adalah tertumpu kepada aktiviti hacking atau penyalahgunaan Internet. Di antara aktiviti-aktiviti adalah Internet Relay Chat (IRC), abuse, mail 'spam' atau mail bomb, probe dan akhirnya 'probagation' of virus.

Sejak bagi tempoh Ogos hingga Disember 1999, terdapat 870 kes dan daripada Januari tahun ini cuma 14 kes sahaja.

**Tuan Mah Siew Keong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. adakah kementerian bercadang membuat arahan kepada TM Net dan Jaringan untuk memberi lebih diskaun atau konsesi kepada murid-murid sekolah dan kelab-kelab belia untuk menggalakkan mereka belajar menggunakan Internet.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian selalu menggalakkan penggunaan Internet di kalangan orang ramai khususnya murid-murid sekolah dan kajian pun sedang dijalankan dan keputusan akan dibuat tidak lama lagi. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah kejayaan yang dicapai sejak Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP-2) diperkenalkan sehingga 31/12/1999; dan
- (b) adakah perubahan akan dibuat terhadap IMP-2 untuk memperkukuhkan lagi ekonomi negara kita.



**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun dan Bentong yang perlu dijawab pada 23 Mac tahun ini dan 5 April kerana ketiga-tiga soalan ini adalah berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP-2) setakat ini boleh dilihat daripada pencapaian sektor perkilangan dalam tempoh tahun 1996 hingga 1999 seperti berikut:-

- (i) Jumlah pelaburan tempatan dan asing diluluskan sebanyak RM103.4 bilion iaitu melebihi 3.4% daripada sasaran IMP sebanyak purata RM25 bilion setahun.
- (ii) Pertumbuhan purata tahun eksport barangan perkilangan sebanyak 17.1% iaitu melebihi sasaran IMP sebanyak 16%.
- (iii) Pertambahan peluang pekerjaan sebanyak 313,614 orang.

Kegawatan ekonomi yang dihadapi dua tahun yang lepas, pada keseluruhannya tidak menjejaskan pencapaian matlamat IMP-2.

Sektor perkilangan mengalami pemulihan yang ketara dalam tahun 1999 hasil daripada peningkatan permintaan luar dan dalam negeri dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan positif yang tinggi sebanyak 30.5% pada tahun 1999 berbanding dengan pertumbuhan negatif sebanyak 13.7% pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian merupakan pelan jangka panjang negara yang menggariskan dasar, strategi, program dan pelan tindakan untuk membangun sektor perkilangan supaya terus berdaya saing dan mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Bagi memperkukuhkan lagi pembangunan sektor perkilangan selaras matlamat yang digariskan dalam IMP-2 beberapa langkah khusus telah diambil antaranya:-

- (i) Kelonggaran dasar ekuiti dan eksport bagi menarik pelaburan.

- (ii) Pemberian galakan dan bantuan kewangan bertujuan mempertingkatkan pelaburan industri berteknologi tinggi dan berintensifkan maklumat. Mempertingkatkan keupayaan mengeksport pemasaran dan pengedaran. Pembangunan industri kecil dan sederhana.
- (iii) Kajian semula galakan-galakan sedia ada bagi merangka satu pakej insentif yang lebih kompetitif.
- (iv) Mengurangkan kos perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian semula pelaksanaan IMP-2 di peringkat kelompok industri akan berterusan dengan memberi tumpuan kepada usaha bagi mengatasi isu dan cabaran yang mempunyai impak ke atas daya saing industri serta mengenal pasti bidang baru yang berpotensi untuk pembangunan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. saya ucapkan tahniah kepada kementerian atas kejayaan yang telah dicapai dalam IMP-2 ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan antara pelaburan yang diluluskan, berapa peratus adalah pelabur asing dan berapa peratus adalah pelabur tempatan?

Setakat mana tahap pemindahan teknologi telah pun dilakukan selama ini dan kerajaan negeri ada juga menyediakan pelan perindustrian mereka masing-masing di setiap satu negeri, adakah perancangan mereka ini selaras dengan teras pembangunan industri di bawah IMP-2 ini, kalau tidak apakah tindakan kementerian selanjutnya? Terima kasih.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tahun 1996 hingga 1999, peratusan projek-projek perkilangan yang diluluskan untuk pelabur asing adalah 52.2%, pelaburan tempatan ialah 47.8%.

Pemindahan teknologi mengikut industri. Industri yang canggih itu maka pemindahan teknologi itu adalah lambat sedikit kerana kita mesti mempunyai keupayaan dalam human resources dan juga kapital untuk menerima teknologi itu dan berkenaan dengan negeri-negeri, kita memang mempunyai strategi-strategi yang istimewa atau unik untuk tiap-tiap negeri itu. Negeri di Selatan, negeri di Utara, tiap-tiap negeri mempunyai competitive

advantage yang berlainan. Oleh sebab itu strategi yang berlainan pun dirangkakan untuk negeri-negeri itu. Itulah sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi sangatlah merunsingkan kita kerana begitu banyak kelebihan termasuk lebih RM100 bilion pelaburan asing dan tempatan dan kelebihan asinglah dan bolehkah Yang Berhormat terangkan, iaitu daripada lebih RM100 bilion ini, berapakah yang benar-benar wujud di negara ini sama ada itu dijanjikan sahaja ataupun sebagai setakat angka tetapi tidak berlaku di negara ini.

Dan juga Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada usaha untuk mempertingkatkan teknologi terutamanya teknologi maklumat dan daya bersaing. Apakah penyesuaian yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menyahut dasar terbuka Badan Perdagangan Dunia (WTO). Saya tidak nampak, Yang Berhormat tidak begitu peka ataupun prihatin kepada Dasar Terbuka WTO nya dan memang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penting sekalilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu soalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah. Soalan satu sahajalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Lepas itu, sambungannya tu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Sila, sila. *[Ketawa]* Sila, sila jawab ya.

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996, pelaburan tempatan adalah RM17.2 bilion, manakala pelaburan asing adalah RM17.1 bilion. Ini bermakna hampir-hampir sama pelaburan di antara tempatan dan asing dan seterusnya tahun 1997, pelabur tempatan ialah RM14.3 bilion, pelaburan asing RM11.5 bilion. Ini merupakan lebih pelaburan tempatan. 1998, pelaburan tempatan ialah RM13.3 bilion, pelaburan asing RM13.1 bilion, pelaburan tempatan itu pun melebihi pelaburan asing tetapi dalam tahun 1999 kerana impak daripada kemerosotan ekonomi, kegawatan kewangan, pelaburan tempatan menjadi RM4.6 bilion dan pelaburan asing meningkat menjadi RM12.3 bilion. Itulah yang menyebabkan 50.2% untuk pelaburan asing. Elaun-elaun, galakan-galakan dan juga insentif-insentif yang

baru untuk menarik bukan sahaja pelaburan-pelaburan asing, juga untuk pelaburan tempatan.

Berkenaan dengan teknologi tinggi dan WTO, Malaysia sudah boleh dikatakan salah satu negara yang cuba melaksanakan usaha-usaha untuk menarik teknologi tinggi ke Malaysia. Malaysia adalah salah satu negara di antara lima negara di dalam dunia yang boleh menarik pelaburan-pelaburan teknologi tinggi ke Malaysia termasuk di dalam MSC. Di dalam WTO, Malaysia memang memahami semua isu di dalam WTO itu.

Jadi, kita sudah selalu memainkan satu peranan yang penting di dalam perundingan WTO di dalam semua peringkat dan selalunya negara-negara sedang membangun memandang Malaysia untuk menjadi pemimpinya. Sekianlah sahaja.

6. **Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan bercadang memberi rebet cukai pendapatan untuk tujuan perkhidmatan pengasuhan anak berumur bawah 7 tahun kepada ibu-ibu bekerja; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk memberi peruntukan kepada badan bukan kerajaan untuk mengendalikan pusat-pusat asuhan kanak-kanak bagi mereka dari keluarga berpendapatan rendah.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini kerajaan sedang untuk memberi lebih cukai untuk tujuan perkhidmatan pengasuhan anak berumur bawah tujuh tahun kepada ibu-ibu yang bekerja. Namun demikian, sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan rakyat, dalam Belanjawan 2000 kerajaan telah mengurangkan jumlah cukai yang perlu dibayar oleh individu dengan mengurangkan kadar cukai pendapatan individu sebanyak satu mata peratusan bagi semua kumpulan bercukai dan meningkatkan pelepasan individu daripada

RM5,000 kepada RM8,000. Langkah-langkah tersebut dapat meningkatkan pendapatan yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk pembayaran perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak.

- (b) Mengenai cadangan untuk memberi peruntukan kepada badan bukan kerajaan untuk mengendalikan pusat-pusat asuhan kanak-kanak bagi mereka dari keluarga berpendapatan rendah, buat masa ini kerajaan tidak bercadang memberikan peruntukan untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, mulai tahun taksiran 1997, perbelanjaan oleh badan-badan bukan kerajaan untuk menyediakan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak dibenarkan sebagai elaun modal. Di samping itu, perbelanjaan berkaitan dengan pusat penjagaan kanak-kanak dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan perniagaan.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, bukankah kerajaan selalu mengatakan bahawa ini sebuah kerajaan yang prihatin, yang penyayang, yang mementingkan nilai keluarga. Dalam masa sekarang, banyak keluarga di mana ibu bapa kedua-duanya yang bekerja dan anak-anak mereka memerlukan pusat-pusat asuhan. Apa salahnya untuk kerajaan memberi rebet untuk tujuan ini atau kerajaan memberi peruntukan untuk memulakan perkhidmatan ini kerana memang dalam pilihan raya beberapa kali yang lalu, kerajaan telah berjanji akan mengadakan pusat-pusat asuhan kanak-kanak. Mengapa sampai sekarang belum buat lagi dan dikatakan di Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan tempat asuhan di tempat kerja tetapi itu pun tidak jalan dan untuk kementerian yang menjaga kepentingan keluarga dan wanita pun kita tidak nampak usaha dan sekarang di Kementerian Kewangan pun juga kita tidak nampak satu 'keusahaan' yang gigih untuk menjaga anak-anak kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Untuk kita semua, apakah kerajaan buat tak serupa, bikin tak serupa cakap. [*Ketawa*] Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang cukup prihatin. Oleh kerana itu dalam Belanjawan 2000 kita telah meningkatkan pelepasan individu daripada RM5,000 kepada RM8,000. Ini untuk dinikmati untuk semua rakyat di Malaysia, bukan untuk segolongan sahaja termasuk mereka ibu-ibu yang bekerja, mereka juga dapat menikmati daripada langkah-langkah ini. Kita bukan jaga satu golongan sahaja tetapi semua rakyat.

Di samping itu, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kerajaan memang telah mengambil langkah-langkah juga untuk memberikan perkhidmatan yang sangat mencukupi untuk anak-anak yang di bawah tujuh tahun. Untuk makluman Yang Berhormat dari Bukit Mertajam khususnya, tiga kementerian kerajaan Malaysia iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli - di bawah ketiga-tiga kementerian dan jabatan yang saya sebutkan tadi sejumlah 9,064 buah pusat pengasuhan kanak-kanak telah pun diwujudkan di seluruh Malaysia. Bukankah ini merupakan satu langkah yang sangat-sangat membayangkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah satu kerajaan yang prihatin. [*Tepuk*]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana kanak-kanak merupakan peringkat awal kelahiran manusia dan kita memperhatikan bahawa di bandar-bandar besar terutama Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh dan Johor Bahru dan sebagainya, seolah-olah satu kewajipan bagi suami dan isteri kedua-duanya bekerja kerana di dalam bandar-bandar ini untuk pendapatan sekeluarga yang kurang daripada RM2,000 adalah terlalu susah untuk hidup. Jadi, apakah rancangan-rancangan kerajaan untuk membantu golongan-golongan berpendapatan rendah yang kurang daripada RM2,000, bukan yang lebih daripada RM2,000, yang kurang daripada RM2,000 dari segi hal hendak meninggalkan anak-anak kecil mereka, di bandar-bandar besar. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memang telah dijawab oleh saya sebentar tadi. Kerajaan sudah pun mewujudkan

sebanyak 9,000 lebih buah pusat pengasuhan kanak-kanak untuk menjaga kanak-kanak di seluruh Malaysia dengan caj yang begitu minimum sekali – antara RM20 sampai RM30. Ini memang merupakan satu langkah yang sangat-sangat mencukupi. Kalau sekiranya jumlah pusat ini didapati tidak mencukupi, pihak Kerajaan Barisan Nasional sedia untuk menubuhkan lebih banyak pusat untuk menjaga anak-anak kita.

7. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa Georgetown tidak diiktirafkan sebagai bandaraya dan apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah membuat permohonan untuk mendapatkan taraf bandaraya bagi Georgetown.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, berikutan penyusunan semula pihak berkuasa tempatan, berasaskan Laporan Athi Nahappan dan berkuatkuasanya penyusunan semula tersebut melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Bandaraya Georgetown dan Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang telah digabungkan menjadi Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Dengan itu maka Majlis Bandaraya Georgetown (City Council of Georgetown) tidak wujud lagi.

Setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi menerima permohonan untuk menaikkan taraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang kepada taraf bandaraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan pihak kerajaan negeri sedang membuat persediaan berbagai aspek supaya Majlis Perbandaran Pulau Pinang dapat dinaik-taraf sebagai Majlis Bandaraya tidak lama lagi. Sekian.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan Tambahan. Baru-baru ini menteri berkenaan telah mengumumkan bahawa syarat-syarat untuk mendapat taraf bandaraya akan dikaji semula sebab syarat-syarat ini pun sudah dipakai buat satu tempoh yang begitu lama. Jadi, saya ingin tahu sama ada syarat-syarat yang dikaji semula ini terlibat juga satu aspek seperti mana Yang Berhormat katakan tadi Laporan Athi Nahappan iaitu pemilihan kerajaan tempatan dijadikan sebagai satu syarat untuk memberi taraf bandaraya kepada mana-mana bandar yang membuat permohonan untuk mendapat taraf ini sama ada pemilihan city council secara langsung akan

disyorkan sebagai satu syarat seperti mana ditekankan di dalam Laporan Athi Nahappan ini.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Jawapan pendeknya, tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jelutong.

**Tuan Lee Kah Choon:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah faedah berlebihan yang akan diperolehi Georgetown dengan taraf bandaraya yang Georgetown tidak nikmati sekarang.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya Majlis Perbandaran Pulau Pinang sudah layak untuk ditimbang-menakutkan menaikkan taraf bandaraya. Dari segi hasilnya, dari segi jumlah penduduknya hanya pihak kerajaan negeri hendak mempertingkatkan lagi taraf kemudahan-kemudahan yang belum dirasai cukup mantap supaya apabila Majlis Perbandaran Pulau Pinang ini dinaiktarafkan sebagai bandaraya, bandaraya itu akan mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi dan juga setanding dengan satu bandaraya tarafnya setanding dengan satu bandaraya yang besar seperti yang sedia ada di Kuala Lumpur, Ipoh, Bandaraya Kuching Utara dan juga baru-baru ini Kota Kinabalu.

**8. Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan rancangan lima (5) tahun untuk mewujudkan masyarakat yang 'pandai bersyukur' dari sudut pembinaan kerohanian, sekalipun pelbagai usaha telah dibuat oleh kerajaan, tetapi kenapa masih wujud fenomena rakyat tidak tahu berterima kasih.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah melaksanakan pelbagai aktiviti dakwah ke arah pembinaan kerohanian masyarakat Islam di Malaysia sama ada secara bersemuka, media elektronik, media cetak, program tahmil masjid atau kelas fardu ain. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan dalam bentuk jangka panjang dan jangka pendek dan akan diteruskan sebagai salah satu aktiviti penting JAKIM.

Matlamat kerajaan dalam usaha aktiviti dakwah ialah untuk memberi kefahaman kepada rakyat jelata bahawa syariat Islam terbahagi kepada fardu ain dan fardu kifayah. Fardu ain ialah perbincangan hubungan manusia dengan



Allah dan fardu kifayah ialah perbicaraan hubungan manusia dengan alam dan makhluk-makhluk lain. Kerajaan menjalankan usaha pembangunan, pembasmian kemiskinan dan mewujudkan kestabilan politik dan keamanan adalah terlingkung di dalam fardu kifayah yakni tuntutan Islam yang mesti ditunaikan. Malangnya, masih ada segolongan umat Islam belum memahami hal ini dan lebih malang lagi parti politik pembangkang yang mendakwa bahawa mereka memperjuangkan Islam sengaja kelirukan rakyat jelata supaya rakyat terus tidak faham mengenai fardhu kifayah bagi kepentingan politik mereka. Inilah yang selalu disebut sebagai menggunakan Islam untuk kepentingan politik sehingga sanggup menanamkan budaya tidak berterima kasih di kalangan rakyat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang akan membuat kaji selidik sebab-sebab masyarakat kita ini tidak bersyukur atau apakah kurangnya dengan negara kita ini sehingga mereka tidak bersyukur dan apakah program yang dirancang untuk menangani fenomena ini? Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sipitang. Seperti yang saya nyatakan tadi, kita telah pun merancang program jangka pendek dan jangka panjang supaya kita melahirkan rakyat yang berdisiplin, rakyat yang seimbang dunia dan akhirat, dan lebih-lebih lagi rakyat yang tahu berterima kasih.

Mengenai budaya tidak berterima kasih ini, kita pun merasa bimbang, budaya yang disebarkan oleh parti pembangkang bahawa tidak perlu berterima kasih kerana semata-mata menjadi tanggungjawab kerajaan, dasar yang disebarkan ialah oleh kerana menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membuat pembangunan di negara kita, untuk menjaga keamanan di negara kita maka kita tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan tetapi hanya bersyukur kepada Allah. Kalau ini budaya yang ditanamkan kita bimbang esok bukan sahaja anak kita, termasuk anak-anak ahli pembangkang akan timbul budaya tidak berterima kasih kepada ibu bapa, kerana anak-anak akan berkata mengapa harus saya berterima kasih kepada ibu bapa sedangkan menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menjaga anak-anak, mendidik anak-anak [*Tepuk*]. Jadi, inilah budaya yang songsang yang kita bimbang akan

menyebabkan generasi akan datang menjadi generasi yang tidak berbudaya dan berterima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut bangun.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberikan. Cuma saya hendak menambah sedikit di sini berhubung dengan tindakan-tindakan yang akan diambil [*Disampuk*] Ada soalan, taraf JKK tu, lambat sikitlah. [*Tepuk*] Taraf JKK pun kita tidak ada di sini. Tentang bantuan diberi terutama kita hendak lihat orang-orang kampung yang dulu tidak celik, sekarang celik, saham-saham, kakitangan kerajaan hendak naik pangkat, kemudahan-kemudahan lain, ini termasuklah ahli pembangkang, kalau di sini berkereta besar. Dan yang kita bimbang ada pengaruh-pengaruh, campur tangan dari negara asing untuk melihat keadaan huru-hara yang boleh tercetus, lebih-lebih lagi di kalangan pelajar-pelajar kita dan kita berharap supaya penjelasan dan penerangan seterusnya dapat sampai ke bawah terutama di kalangan orang kampung berhubung dengan soal-soal apa yang telah dilakukan oleh kerajaan pada hari ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Tadi Yang Berhormat ada menyentuh dan ingin menanyakan tindakan yang kita ambil. Tindakan-tindakan yang kita ambil, kita akan mengikut peraturan dan undang-undang. Jika ada undang-undang atau peraturan yang membolehkan kita mengambil tindakan kita akan mengambil tindakan, sebagaimana yang saya nyatakan semalam bahawa bukan sahaja kepada parti pembangkang, kepada semua orang, apabila disebut undang-undang kita tidak kira kerajaankah, pembangkangkah, saya sendiri pun boleh diambil tindakan.

Soal yang ditimbulkan mengenai budaya tidak berterima kasih dan pengaruh-pengaruh asing ini, saya rasa pihak pembangkang sengaja tidak mahu faham. Sebagai contoh, sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi, pelajar-pelajar membuat demonstrasi, adakah pihak pembangkang sedar bahawa media-media asing menyiarkan berita-berita tersebut sejam sekali, kadang-kadang setengah jam sekali, itulah yang diulang-ulangkannya, seolah-olah menggambarkan negara kita ini dalam keadaan huru-hara, seolah-olah menggambarkan seluruh rakyat negara kita sedang berdemonstrasi, sudah tentu

ini akan menghalang pelancong-pelancong datang, menghalang pelabur-pelabur datang. Inilah yang dikehendaki oleh pihak-pihak asing. Bila pelancong tidak datang, pelabur tidak datang, ekonomi kita akan ranap, bila ekonomi kita akan ranap, mereka akan terus masuk mencampuri hal politik negara kita seperti yang berlaku di sebuah negara. Terima kasih.

9. **Tuan Chang See Tan [Gelang Patah]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah tindakan yang lebih berkesan untuk mewujudkan ketelusan dan kecekapan dalam pentadbiran kerajaan di semua peringkat sejajar dengan kehendak-kehendak alaf baru.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kecekapan dan ketelusan dalam jentera pentadbiran kerajaan di semua peringkat sejajar dengan kehendak-kehendak alaf baru. Keutamaan sentiasa diberi terhadap usaha-usaha membentuk sebuah jentera pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah yang sebenarnya telah merangkumi pelbagai aspek positif yang dirujuk seperti memberi perkhidmatan yang berkualiti, berproduktiviti, profesional, utuh dan telus.

Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan sentiasa mengubal dan melaksana pembaharuan pentadbiran. Di antara usaha-usaha pembaharuan adalah pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), penanda aras (bench marking) dan pelaksanaan MS ISO 9000. Untuk memastikan kecekapan dan keluhuran dalam pentadbiran awam, Kerajaan Barisan Nasional telah menubuhkan jawatankuasa keutuhan, pengurusan pentadbiran kerajaan di semua peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. JKPPK telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Januari 1998. Ketua-ketua jabatan kerajaan di semua peringkat dikehendaki menubuh jawatankuasa keutuhan pengurusan masing-masing agar usaha-usaha memperkemaskan jentera pentadbiran yang cekap, berkesan dan berintegriti dapat diselaras dan diseragamkan daripada peringkat pusat ke peringkat negeri.

Semua usaha-usaha penambahbaikan dan pemantapan jentera kerajaan yang telah dilaksanakan selama ini adalah merupakan antara strategi berterusan kerajaan. Walau bagaimanapun, perlu diambil maklum bahawa

walaupun bagaimanapun kaedah yang digunakan kerajaan hanya berupaya membentuk dan mewujudkan sebuah persekitaran yang dapat mendorong kepada peningkatan, kecekapan, keberkesanan, keutuhan dan ketelusan di dalam dasar, polisi serta sistem dan prosedur kerja yang diamalkan dalam sesebuah jentera pentadbiran.

Prinsip asas yang menyokong kepada kejayaannya sesuatu strategi, program dan aktiviti itu sebenarnya adalah lebih bergantung kepada kerjasama yang erat di antara pihak penjawat awam dan pihak pelanggan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan, dapat pandangan daripada Yang Berhormat tentang – saya ingin mengambil peluang ini bawa dua misal seperti masa yang panjang lebih dua tahun untuk mengganti balik pasport terhad terutama pasport antarabangsa kerana bencana alam seperti kebakaran atau dicuri dan ambil masa yang panjang ada kah dikira ada sampai satu tahap kecekapan.

Kedua, sudah 15 tahun pindaan seksyen 102 (s) dalam Akta Kerajaan Tempatan, Akta 171, hingga masa sekarang masih ada 70 pihak berkuasa tempatan daripada semua 94 pihak berkuasa tempatan, masih belum pinda Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan itu selaras dengan pindaan seksyen 102 (s) pada tahun 1983 di Parlimen ini dan arahan diberikan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberitahu semua pihak berkuasa tempatan supaya pinda undang-undang kecil itu yang berkaitan dengan Akta ibu ini hingga masa sekarang belum dilaksanakan dan telah mendatangkan satu pelaksanaan undang-undang penguatkuasa yang tidak sempurna di kalangan pihak berkuasa tempatan yang saya sebutkan tadi. Adakah ini satu pengukuran yang kerajaan sudah mencapai tahap kecekapan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah soalan spesifik, jadi saya tidak hendak jawab untuk kedua-dua kes spesifik itu tetapi secara umumnya memang inilah satu tugas JKPPK tadi adalah untuk mengesan, di mana sistem prosedur dan usaha untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat ada lambat atau tidak licin dan ini yang harus dilicinkan, sebab itulah kerajaan sekarang melaksanakan MS ISO 9000 kerana

dengan cara itu kita berharap segala prosedur, segala peraturan dan segala sistem yang digunakan untuk menjalankan satu saluran perkhidmatan kepada pelanggan akan didokumentasikan, oleh itu ianya akan lebih jelas, lebih nyata dan lebih diketahui oleh umum. Jadi, apabila satu pegawai datang untuk menggantikan tempat itu dia senang kerana sudah ada satu dokumentasi yang tepat. Oleh itu kita berharap dengan cara itulah kita dapat menentukan bahawa mutu perkhidmatan-perkhidmatan awam kepada umum dapat ditingkatkan.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, saya ada satu soalan tambahan. Ini berkaitan dengan kecekapan pentadbiran kerajaan. Masalah ini adalah kerana orang ramai dan wakil rakyat yang menulis surat kepada jabatan-jabatan kerajaan serta kementerian tiada jawapan, satu. Dengan cara biasa mereka menjawab jika surat dikirim secara biasa dijawab bahawa tidak menerima surat tersebut. Dengan cara AR Berdaftar dijawab juga tidak menerima surat tersebut. Jika melalui telefon orang itu tidak boleh disampaikan kepadanya. Dengan serahan tangan juga diberi jawapan bahawa surat ini belum sampai kepada saya.

Jadi, saya ingin memohon satu penjelasan atau menanya kepada Timbalan Menteri apakah cara yang paling effective bahawa jawapan diterima daripada [*Tepuk*] jabatan kerajaan ini kerana wujud kerjasama kepada pihak jabatan kerajaan tetapi tiada kerjasama daripada jabatan serta kementerian kerajaan. Di sini saya mempunyai lapan salinan surat kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak masih tiada jawapan, dihantar dengan serahan tangan. Jadi, saya ingin memohon satu penjelasan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang Yang Berhormat mengambil peluanglah untuk mendedahkan kelemahan itu tetapi, Tuan Yang di-Pertua, nasihat saya kepada Yang Berhormat, apabila kita menghantar surat memang kalau kita kirim cara pos ataupun kirim cara menggunakan Register Letter, mungkin tidak sampai tetapi kalau kita hantar dengan pakai tangan, nasihat kepada Yang Berhormat [*Disampuk*] - sabar dahulu, dan kalau Yang Berhormat menghantar kakitangan Yang Berhormat untuk pergi menghantar surat itu kepada satu pejabat, .....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** .....kalau Yang Berhormat sendiri, Yang Berhormat perlu ambil signature siapa yang mengambil surat itu *[Disampuk]* dan dengan itu.... saya akan beri taklimat kepada dia – dia tidak faham. *[Ketawa]*

Jadi, kalau berlaku dia kata tidak jawab, jadi senang kepada Yang Berhormat untuk mengadu kerana kita ada Biro Pengaduan Awam. Biro Pengaduan Awam ini adalah ditubuh untuk menerima segala aduan yang dibuat oleh masyarakat umum termasuk Yang Berhormat kalau ada ini berlaku kerana kita tidak hendak, tidak mahu surat yang kononnya telah diterima dan kemudian tidak dilihat dan tidak diterima oleh pegawai. Ini kita tidak boleh terima.

Jadi, oleh yang demikian saya berharap selain mengadu kepada Parlimen ini, Yang Berhormat boleh mengadu kepada Biro Pengaduan Awam dan kita akan mengambil tindakan ini dengan tegas bersama-sama surat yang ada dengan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, cukuplah.

10. **Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah murid yang masuk alam persekolahan pada tahun ini di seluruh negara, pecahan mengikut negeri. Dari jumlah ini, nyatakan bilangan yang tidak pernah masuk ke kelas prapersekolahan. Mengenai cadangan beliau untuk mewajibkan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak berusia lima tahun, sila nyatakan perkembangan mutakhir mengenainya.

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah murid yang memasuki alam persekolahan iaitu tahun satu pada tahun 2000 ialah seramai 521,989 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 190,687 orang atau lebih kurang 35% tidak mengikuti pendidikan prasekolah sebelum memasuki sekolah rendah. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memasukkan pendidikan prasekolah ke dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan memandangkan kanak-kanak yang telah melalui pendidikan prasekolah di dapati lebih bersedia untuk mengikuti pendidikan formal. Kajian mendalam sedang dijalankan untuk membolehkan tiap-tiap pelajar mendapat tempat dalam kelas prasekolah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi pujian kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada kali pertamanya menjawab soalan di Dewan yang mulia ini [*Tepuk*] dan juga ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menawarkan satu kursus pengurusan di bekas universitinya kepada saya.

Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan murid yang masuk alam persekolahan pada tahun ini. Saya ingin merujuk kepada satu jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Menteri sendiri kepada rakan saya dari Kota Melaka pada beberapa hari dahulu yang dikatakan masalah kekurangan SRJK(C) itu tidak benar tetapi apa yang berlaku ialah ekoran jawapan bertulis itu Timbalan Menterinya iaitu Yang Berhormat bagi Seremban memberi satu penjelasan hari kelmarin bahawa jawapan itu tidak benar dan beliau mempersalahkan jawapan yang tidak betul itu adalah kerja-kerja pegawai-pegawai yang menyediakan jawapan.

Saya tidak faham kerana jawapan bertulis itu dikeluarkan di bawah nama Menteri sendiri, maka saya ingin tanya sama ada masalah ini timbul kerana wujudnya masalah antara Menteri dan Timbalan Menterinya [*Ketawa*] dan memandangkan satu jawapan oleh Menteri di lobi pada hari yang sama saya menyoalkan kegagalannya menjawab soalan dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri kata, saya memerlukan kursus pengurusan kerana ini adalah delegation of duty, maka masalah yang ditimbulkan oleh saya tadi adakah ini buktikan delegation of duty antara Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sudah gagal [*Tepuk*] .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....sebab Timbalan Menteri menjelaskan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, panjang sangat soalan itu Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....jawapan yang diberi oleh Menteri itu tidak benar, tidak betul.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah, cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....Menteri ‘mempercayakan’ *[Disampuk]* pegawai-pegawainya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....tetapi Timbalan Menterinya mempersalahkan pegawai-pegawai. Tidak ada keyakinan terhadap pegawai pegawai yang diberi keyakinan oleh Menteri .....

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]* Tetapi dalam perkara ini Timbalan Menteri yang betul.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, maka dalam perkara ini adakah Timbalan Menteri yang betul atau Menteri yang betul atau kedua-dua pun salah. *[Ketawa] [Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, sila duduk.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya beliau dalam sekelip mata sahaja sudah berkursus di USM. Sebenarnya, soalan ini tidak ada kaitan dengan prasekolah. Soalan ini adalah soalan yang berlainan dan oleh itu saya rasa mungkin tidak perlu saya menjawabnya. *[Sorak] [Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, soalan-soalan bagi jawab lisan sudah cukup, ya.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 22 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGUATKUASAAN KONVENSYEN PERIUK API PEMBINA ANGGOTA 2000**



### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menguatkuasakan Konvensyen Tentang Larangan Penggunaan, Pengumpulan Stok, Pengeluaran dan Pemindahan Periuk Api Pembina Anggota dan Tentang Pemusnahannya dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya ; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertahanan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan.” *[6 Mac 2000]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon Yang Berhormat bagi Sri Aman menyambung ucapan.

**11.08 pagi.**

**Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah memulakan ucapan saya dengan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menggalakkan penglibatan rakyat dalam ilmu IT dan saya telah mengatakan iaitu kita jauh di hadapan Thailand dan Philippines dan jauh di belakang negara-negara seperti Taiwan, Korea, Singapura, Hong Kong, Jepun, Australia dan New Zealand.

Namun begitu, Kerajaan Hong Kong, Taiwan dan Korea baru-baru ini telah melancarkan kempen menggalakkan lebih ramai orang menggunakan komputer dan Internet. Di sini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia di atas inisiatif beliau melancarkan Kempen Pemilikan Komputer di negara kita ini. Ini adalah kena pada masanya.

Untuk menentukan hasrat kerajaan berjaya, saya bercadang agar kerajaan menentukan sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti mengemaskinikan kurikulum-kurikulum dan sukatan-sukatan pelajaran yang diajar supaya kita tidak ketinggalan dalam bidang ilmu ini. Misalnya, kita harus menerapkan mata pelajaran e-commerce di sekolah menengah atas dan di peringkat universiti. Memang perkembangan ini akan membawa keuntungan kepada penjual-penjual komputer ataupun computer vendor. Jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan juga akan lebih senang dan juga menguntungkan mereka.

Saya ingin tanya apakah strategi kerajaan untuk membimbing dan membantu anak-anak muda kita atau peniaga bumiputera yang ingin menceburi bidang ini. Setakat yang saya ketahui, Tuan Yang di-Pertua, setiap kali jabatan ataupun agensi kerajaan memanggil tender untuk pembekalan komputer, mereka memang minta komputer yang berjenama ataupun branded computer. Maksud mereka ialah komputer ini haruslah Del, Acer, Getway, Toshiba, Sharp, Canon ataupun IBM ataupun brand-brand yang lain.

Kita tahu bahawa pada masa sekarang computer parts, dengan izin, adalah highly interchangeable dan boleh dipasang atau diassemble oleh orang-orang tempatan yang berpelajaran dalam bidang ini, kerana itulah kita nampak di setiap komputer perkataan 'Intel Inside' ataupun 'Designed by Microsoft'. Untuk mewujudkan usahawan komputer tempatan ataupun untuk membantu anak-anak bumiputera tempatan, saya cadangkan kementerian membantu mereka apabila mereka meminta mendaftarkan jenama komputer mereka.

Saya juga cadangkan syarikat-syarikat bumiputera boleh menggunakan klon apabila mereka ingin mengikut urusan tender ataupun sebut harga yang dijalankan oleh badan-badan berkanun ataupun jabatan-jabatan kerajaan. Kita sedar bahawa setiap pembelian adalah ada masa jaminan dan apabila kita menimbangkan sebut harga-sebut harga kita berpandukan jaminan-jaminan yang diberi mereka dan bukan oleh kerana mereka menghantar branded komputer itu tadi. Kalau kita tidak awas, Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang baik oleh kerajaan ini hanya akan membantu syarikat multinational dan membantutkan kemajuan golongan bumiputera dalam bidang ini.

Saya juga minta jasa baik kerajaan untuk menentukan masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam ilmu IT ini. Pertama, saya minta setiap sekolah dijadikan Sekolah Pintar ataupun Smart School. Saya juga minta Kementerian Pendidikan menentukan setiap sekolah rendah di seluruh Malaysia dibekalkan dengan komputer yang cukup. Kalau tidak, mereka akan jadi lebih jauh ketinggalan. Ini tidak wajar dan tidak adil oleh kerana merekalah yang menyokong kita dan mengharapkan kita membela nasib mereka.

Saya juga cadangkan semua komputer di sekolah dibekalkan dengan kemudahan Internet. Dengan adanya Internet murid-murid dapat bekerjasama dengan semua bilik darjah yang berlainan di seluruh dunia. Mereka juga dapat berhubung, berkongsi dan menghormati pandangan dan pendapat satu sama lain. Mereka dapat belajar macam mana mencari penyelesaian kepada masalah-masalah dan menghantar soalan-soalan melalui e-mail.

Dalam proses ini mereka dapat menggunakan minda mereka untuk memperkembangkan kemahiran berfikir. Melalui Internet, pendidikan dapat

disampaikan dengan cara yang menyeronokkan dan menarik. Ini adalah satu bantuan yang besar terhadap guru-guru di luar bandar ataupun di pedalaman. Biasanya sekolah mereka kecil, bilangan guru tidak banyak, mereka juga tidak ada perpustakaan atau pusat rujukan. Saya juga minta Kementerian Pendidikan menyediakan guru-guru yang dapat menyesuaikan diri mereka dengan kemahiran teknologi IT apabila semua sekolah rendah dan menengah yang berjumlah 8,000 buah menjadi Sekolah Pintar kelak. Semua guru harus diberi latihan teknologi untuk menyediakan mereka kepada konsep baru ini. Sekurang-kurangnya mereka harus tahu cara menggunakan web dan Internet sebagai pusat sumber.

Bercakap tentang Internet, saya ingin merujuk kepada ISP atau Internet Service Provider yang digunakan kita sekarang adalah Jaring dan TMNet biasanya. Satu kejadian yang sering berlaku sekarang ialah kecurian talian ataupun *stealing of lines and account*. Kadang-kadang Malaysia is made famous for the wrong reason, dengan izin. Saya tidak mahu Malaysia terkenal kerana penduduknya pandai mencuri talian, pandai membuat *access* kepada akaun ataupun *password*. Jadi, ini adalah *trade mark* negara ketiga – mencuri *password* ataupun *third world country*. Kita mesti menegakkan imej negara kita yang ingin dikenali sebagai negara maju. Kalaulah ada sesuatu yang tidak betul yang dilihat berlaku, saya minta *response time*, TM Net dan Jaring yang serta- merta. Kalau ada kompelin, kompelin itu harus diselesaikan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Ya.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan daripada sahabat saya dari Sri Aman. Yang saya lihat sendiri, beliau ini memang mahir dengan IT ini. Beliau sendiri pergi ke pejabat BBC, beliau sendiri menaip, beliau sendiri print, beliau sendiri buat editing, jadi cara penyampaiannya cukup *up-to-date*, kemas kini. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kalau kehendak Yang Berhormat tadi menyarankan agar negara kita sebagai sebuah negara maju,

tidak mencuri *password*, tidak menjadi negara yang tidak menghormati harta intelek ataupun *intellectual properties*.

Apakah langkah-langkah yang seharusnya dibuat – adakah melalui sistem pendidikan, adakah melalui perundangan atau melalui satu cara di mana ada satu kaedah yang tertentu yang mengharuskan agar penguatkuasaan dari segi pengeluaran, dari segi pencurian, dari segi penerobosan memperoleh maklumat ini dapat dipertahankan agar integriti kita sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem yang terbaik, terancang di rantau ini dapat dipertahankan dan sekurang-kurangnya di Sri Aman sendiri, di setiap sekolah itu adalah sekolah bestari. Terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kawan baik saya, Yang Berhormat tadi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di sekolah kita, kita hendak mewujudkan insan yang baik, insan yang seimbang, insan yang berakhlak mulia. Dan saya haraplah semua sekolah kita cuba mewujudkan sikap yang bertanggungjawab kepada sendiri, kepada masyarakat, kepada negara. Dan saya juga setuju dengan Yang Berhormat kawan baik saya tadi supaya ini juga disokong oleh undang-undang yang tertentu supaya negara kita dihormati sebagai negara yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada pelanggan yang minta akaun mereka dihentikan, akaun itu harus dihentikan dengan segera. Ini yang saya minta dari TM Net ataupun dari Jaring. Di sini saya minta menteri yang menjawab, menyatakan apakah perlindungan-perlindungan yang diberi kepada pelanggan supaya akaun mereka selamat dan tidak dapat disalahgunakan oleh orang luar ataupun orang dalaman. Dan jika akaun telah dicuri ataupun *password* telah ditembusi, apakah cara yang akan diguna untuk membantu mangsa-mangsa yang malang itu. Oleh kerana, kadang-kadang TM Net dan Jaring, kita hanya bercakap dengan komputer dan komputer itu tidak dapat membuat keputusan yang membina.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak beralih kepada program pembasmian kemiskinan kawasan luar bandar lebih-lebih lagi kawasan saya di P176, Sri Aman. Kemiskinan Tuan Yang di-Pertua, merupakan masalah warisan yang begitu sinonim dengan penduduk luar bandar dan kawasan

pedalaman di daerah Sri Aman iaitu daerah saya, konstitusi saya. Pembangunan ekonomi negara yang begitu pesat beberapa tahun sebelum ini masih gagal menyumbang secara berkesan untuk menggugurkan status mereka dalam senarai golongan miskin ataupun termiskin. Senario persekitaran dan budaya hidup yang berlanjutan daripada zaman penjajahan, selepas merdeka, musim peralihan pembangunan sehingga negara betul-betul di ambang kejayaan keadaan dan kedudukan mereka tetap kekal seperti sebelumnya.

Adalah sesuatu yang wajar, Tuan Yang di-Pertua jika masalah golongan miskin, termiskin dan daif itu menjadi agenda utama negara agar golongan berkenaan tidak hanya menjadi penghuni pasif dalam sebuah negara yang merdeka dan membangun. Di kawasan saya, kawasan P176 (Sri Aman) masih terdapat golongan miskin dan termiskin termasuk yang belum berdaftar di Pejabat Daerah. Mereka adalah dianggarkan 2,000 keluarga yang termiskin. Pecahan kategori rakyat termiskin adalah seperti berikut:

Kumpulan II:

- i. Yang tidak produktif
- ii. Dewasa, yang berkeluarga, ibu tunggal, yang cacat
- iii. Remaja, yang bersekolah dan tidak bersekolah, yang tercicir dan yang buta huruf.
- iv. Kanak-kanak yang bersekolah ada yang tidak bersekolah, tercicir ataupun belum sekolah.

Faktor di kawasan saya ataupun di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, faktor penyebab kemiskinan, beberapa faktor konkrit sebagai penyebab mengapa golongan tersebut menjadi miskin dan terus miskin adalah ekoran daripada keadaan persekitaran yang tidak berubah sejak dulu lagi. Faktor persekitaran ini telah membiakkan elemen-elemen yang boleh memberi tekanan yang serius sehingga golongan ini tiada ruang untuk mengubah dan membentuk satu corak budaya hidup yang lebih baik.

Berikut adalah faktor-faktor konkrit yang perlu diambil oleh kita semua oleh kerajaan untuk merapatkan jurang golongan ini daripada golongan yang telah membangun.

- i. Satu kesedaran terhadap betapa pentingnya pendidikan, *formal* dan *non formal*

- ii. Geodemography yang banyak mempengaruhi budaya hidup mereka.
- iii. Tidak mempunyai sumber yang boleh dieksploitasikan sebagai pendapatan.
- iv. Pengurusan keluarga yang tidak *economic*.
- v. Kesan sampingan ekoran perbezaan fahaman politik.

Saya cadangkan program ataupun aktiviti-aktiviti seperti berikut, Tuan Yang di-Pertua.

Perlaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang dijalankan oleh beberapa agensi kerajaan bermula pada tahun 1989 hingga sekarang kurang menampakkan hasil yang produktif. Ia harus dikaji semula dari segi perlaksanaannya. Walaupun kerajaan telah membelanjakan peruntukan berjuta ringgit namun ianya kurang memberi faedah jangka panjang kepada golongan termiskin. Perlaksanaan PPRT yang telah genap 10 tahun secara *conventional* didapati ianya tertumpu kepada golongan tua yang lebih berbentuk kebajikan, sara hidup dan semestinya tidak akan memberi pulangan yang baik pada kerajaan dan negara.

Penyertaan golongan dewasa yang sihat, aktif dan produktif kurang mendapat perhatian dan kerana didapati untuk melaksanakan sesuatu program kepada golongan ini memerlukan perancangan rapi, kaedah perlaksanaan berkesan dan aktiviti-aktiviti pemantauan yang berjadual dan sistematik. Golongan dewasa ini kalau diberi perhatian yang lebih optimis, ianya akan mempengaruhi segala perubahan-perubahan remaja dan kanak-kanak yang menjadi anggota-anggota golongan termiskin ini.

Sebagai langkah yang lebih efektif, berikut disenaraikan jenis-jenis program dan aktiviti untuk golongan termiskin ini:

- i. Penempatan golongan termiskin secara *multi-dimensional*
- ii. Program ekonomi usahasama korporat ataupun dan golongan termiskin
- iii. Bakti siswa
- iv. Tubuhkan jawatankuasa perunding pembasmian kemiskinan yang terdiri daripada badan politik, NGO, ba dan korporat,

agensi kerajaan berkaitan dan sukarelawan yang dilatih dan dibiayai oleh kerajaan.

- v. Program latihan kemahiran, motivasi, keusahawanan dan kepimpinan.
- vi. Minta Kementerian Luar Bandar menggunakan kepakaran luar untuk memberi ceramah motivasi kepada penduduk-penduduk luar bandar.

**Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Ya, Lubok Antu bangun. Sila.

**Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah diperkatakan oleh kawan saya di Sri Aman banyak – beberapa - hampir 2,000 orang termiskin di kawasan dia dan saya tahu di kawasan-kawasan lain pun banyak rakyat termiskin, tetapi yang termiskin itu bukan dari segi benda. Saya tahu orang-orang termiskin ini telah mempunyai tanah begitu banyak, tanah yang begitu luas sekali.

Jadi, tidak ada disebutkan apakah pandangan Yang Berhormat Sri Aman, mereka yang termiskin ini telah mempunyai tanah begitu luas. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Sri Aman sama ada usaha untuk membangunkan tanah tersebut boleh juga membasmi kemiskinan yang dihadapi oleh mereka.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju sangat dengan kawan saya dari Lubok Antu yang begitu senior di Parlimen ini, penggal yang keempat, saya rasa beliau haruslah duduk dekat sana, *[Menunjuk ke arah barisan hadapan]* bukan di belakang sini *[Ketawa]*. Ini bukan satu penghargaan dan saya minta apabila Datuk bercakap tentang tempat kedudukan Ahli Parlimen nanti, letakkan dia dekat Datuk Peter Tinggom sana dari Seratok.

Jadi, saya memang setuju Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak begitu luas begitu banyak tanah yang terbiar dan dengan izin, *the aim thing now* Tuan Yang di-Pertua, *is to plant oil palm*, kita tanamkan kelapa sawit dan saya harapkan kerajaan akan mengubah sedikit dasar supaya orang-orang yang memiliki tanah di kampung diberi keistimewaan, bukan sahaja menanam



kelapa sawit boleh juga menjual hasil mereka tanpa meminta lesen dari kementerian ..... apa itu. Kementerian .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Kementerian Perusahaan Utama.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** ..... Perusahaan Utama, terima kasih kerana membantu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Biasalah itu. *[Ketawa]*

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Yang di-Pertua adalah dicadangkan agar program-program pembasmian kemiskinan ini dilaksanakan dengan melibatkan golongan dewasa, remaja dan kanak-kanak secara pakej keluarga. Golongan-golongan ini perlu diberi peluang untuk mengeluarkan idea, kreativiti dan usul-usul yang produktif yang dibincangkan bersama Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan peringkat kawasan Parlimen agar kedua-dua pihak sama terlibat untuk menentukan aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan kemahiran, persekitaran dan sumber yang ada dengan mereka.

Perlaksanaan program dan aktiviti secara *conventional* sebelum ini telah menampakkan hasil yang mengecewakan walaupun pihak kerajaan begitu yakin masalah kemiskinan ini telah berkurangan. Anggota jawatankuasa yang akan ditubuhkan hendaklah terdiri daripada mereka yang faham, mengetahui dan mampu untuk memikirkan masalah-masalah kemiskinan. Begitu juga peruntukan yang disalurkan kepada agensi kerajaan yang terlibat dengan program ini. Ianya harus ditambah untuk membantu pegawai-pegawai yang menjalankan tugas yang berkaitan.

Kita harus jadikan alaf baru sebagai satu alaf yang boleh menjanjikan sesuatu yang *optimistic* kepada golongan yang miskin dan daif ini. Perhatian dan tindakan serius dan komitmen dari pihak yang berkaitan dalam usaha pembasmian kemiskinan ini sesungguhnya merupakan tuntutan perjuangan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Kementerian Pendidikan khususnya di Sarawak. Tentang guru. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana pada masa sekarang 97% dari guru di sekolah rendah adalah guru yang terlatih dan di sekolah menengah 83% adalah terlatih.

Namun begitu saya mengharapkan kementerian mengambil langkah yang segera untuk mengisi kekosongan 17% itu iaitu dengan sejumlah 1,663 orang guru.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penempatan guru, saya merayu supaya guru yang kahwin ditempatkan di sekolah yang sama. Pada masa sekarang, saya selalu menerima permohonan supaya saya membantu mereka, minta mereka di tempat dengan suami ataupun isteri mereka. Dan kadang-kadang nampaknya Kementerian Pendidikan tidak peka dan tidak endah. Dan saya tahu guru ini adalah guru yang baru keluar dari maktab dan mereka harus ditempatkan di pedalaman. Tetapi saya rasa apabila mereka sudah kahwin, kita haruslah mendengar permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tentang keciciran. Di Sarawak kadar keciciran dari Tahun Satu hingga Tahun Enam adalah dalam lingkungan 8% dan kadar keciciran dari sekolah rendah ke menengah adalah dalam lingkungan 11%. Ini adalah satu angka yang membimbangkan oleh kerana ia akan mencerminkan jumlah warganegara yang tidak akan mempunyai apa-apa kemahiran, tidak akan memberi sumbangan yang tinggi kepada ekonomi negara dan mungkin akan menjadi rakyat yang bermasalah. Saya minta Kementerian Pendidikan mengolah satu strategi yang berkesan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tentang rumah guru. Begitu banyak rumah guru di Sarawak adalah daif dan usang. Saya minta satu program yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah ini. Rumah guru yang tidak cukup, misalnya di sekolah menengah kita mempunyai 9,866 orang guru dan 2,373 staf bukan guru. Bilangan rumah guru yang sedia ada adalah 2,421 buah dan bilangan keperluan adalah 3,126. Di sekolah rendah bilangan guru ialah 15,876 dan staf bukan guru ialah 2,754. Bilangan rumah guru yang sedia ada adalah 3,288 dan bilangan keperluan adalah 4,892.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin guru kita memberi pendidikan bertaraf dunia, iklim di mana mereka berkhidmat juga harus bertaraf dunia.

Tentang pemilikan komputer di sekolah-sekolah. Saya memuji langkah kerajaan yang hendak membantu guru untuk memberi pinjaman untuk membeli komputer. Saya berharap semua yang memohon akan diberi

pinjaman secara automatik. Tetapi saya juga mengesyorkan semua sekolah mempunyai pusat sumber yang dilengkapi dengan bilangan komputer yang dapat memenuhi permintaan semua guru dan kakitangan sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah satu sesi. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana berhasrat hendak mengendalikan sekolah satu sesi. Tetapi saya bercadang perkara-perkara yang seperti berikut mestilah diambilkira dan diselesaikan. Bilik guru mesti cukup, makmal mesti cukup dan peruntukan untuk membeli alat-alat makmal juga mesti cukup. Stor untuk digunakan murid-murid dan guru-guru juga mesti cukup. Staf sokongan juga perlu ditambah.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya berdiri, sila.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Sri Aman. Soalannya, kadang-kadang yang menimbulkan disiplin bagi murid-murid di sekolah sebab bilangan murid dalam kelas itu 45-50. Jadi, adakah kementerian mencadangkan bahawa mengurangkan jumlah atau bilangan murid-murid dalam kelas itu, saya fikir daripada 30-35 sebab kalau ramai murid dalam bilik atau darjah itu mungkin susah sedikit bagi guru-guru untuk membuat kawalan atau kawal selia bagi mereka? Adakah Yang Berhormat setuju bahawa mengurangkan bilangan murid-murid yang belajar dalam kelas supaya disiplin dapat diketatkan sebab inilah punca bagi murid-murid kita – kelemahannya yang ada? Terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih kepada kawan saya.

Tuan Yang di-Pertua, memang saya minta Kementerian Pendidikan mengubah nisbah antara guru dan murid oleh kerana kalaulah 50 orang murid, saya rasa seorang guru itu tidak larat, tidak mampu untuk menjaga dan memberi pendidikan yang berkesan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila gulung, Yang Berhormat.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tuan Yang di-Pertua, okay saya akan gulung.

Satu lagi saya minta pemusatan sekolah-sekolah yang kecil juga diambilkira. Sebagai 'gulungan' saya ingin merujuk kepada projek yang ketinggalan, projek yang tertangguh dari Rancangan Malaysia Ketujuh. Oleh kerana tidak lama lagi kerajaan akan membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, projek yang tertangguh, yang ketinggalan di Sarawak, pendidikan rendah; projek baru: bilangan projek -13; yang sudah siap: 100% - tidak ada; 80% pun tidak ada; 51% pun tidak ada; 1-10% - 2 sahaja.

Untuk projek gantian tambahan; bilangan projek - 23; yang sudah siap 100% - tidak ada; yang siap 1% hanya 7; 11% - 3.

Pendidikan menengah: bilangan projek baru - 6; yang sudah siap 100% tidak ada; 70% pun tidak ada; 50% pun tidak ada; 11% pun tidak ada hanya 10% yang sudah siap.

Asrama di Sarawak; projek baru 2; yang siap 100% tidak ada; 11% pun tidak ada; hanya yang siap 1% - 1 sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, panjang.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Tidak lama lagi, dua minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Uhhh! dua minit banyak, Yang Berhormat !

**Tuan Jimmy Lim Donald :** Okay satu minit, Tuan Yang di-Pertua

Projek gantian, kerana ini teruk betul. Projek gantian -13; yang siap 100% tidak ada; siap 1% - 4 sahaja.

Pejabat Pendidikan (bahagian): projek baru - 1; yang siap 1% pun tidak ada - jangan kata 100%.

Projek Pusat Sumber Negeri Sarawak: projek baru - 1; siap 100% - tidak ada; siap 10% - tidak ada; siap 0% pun tidak ada.

Jadi, saya minta Kementerian Pendidikan mencari cara yang kreatif supaya masalah ini dapat disegerakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Dengan kata-kata begitu, saya mohon menyokong.

*[Beberapa Ahli bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Yan, Yan.

**11.36 pagi.**

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa [Yan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terima kasih diucapkan kerana memberikan saya peluang untuk turut serta membahaskan ucapan Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan pada 25 Februari 2000 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 12,000 pelajar yang menunggu keputusan SPM telah ditawarkan untuk mengikuti Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan. Mereka telah diuji melalui satu peperiksaan selama satu setengah jam yang dikenali sebagai Peperiksaan Kemasukan Program Matrikulasi yang diadakan pada akhir tahun lalu. Seperti mana yang disebut oleh Saudara Ibrahim Saad di dalam column sorotan *Berita Harian*, 24 Februari 1999, langkah kementerian ini bukanlah satu perkara yang baru. Malahan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Kementerian Pendidikan semenjak kebelakangan ini amat berminat untuk bergerak ke belakang dari maju ke hadapan.

Ia samalah dengan kaedah pelajar Tingkatan Enam di sekitar '60-an dan '70-an dahulu. Pelajar yang lulus kemasukan Tingkatan Enam boleh menyambung pelajarannya ke Tingkatan Enam sebelum keputusan SC atau MCE diumumkan. Sistem itu telah dimansuhkan kerana dipertikaikan keberkesanannya dan kali ini diperkenalkan semula untuk program matrikulasi.

Persoalannya, apakah keadaan begitu mendesak sehingga memerlukan pengambilan awal bagi program matrikulasi dibuat? Sewaktu program matrikulasi dikendalikan oleh universiti, kita tidak mendapati mana-mana pihak yang mencadangkan pengambilan awal dilakukan. Malah ada universiti yang melaksanakan dalam tempoh sesingkat satu tahun di kalangan pelajar

yang cerdas. Sama ada disedari atau tidak dengan memberi tumpuan kepada program matrikulasi, *kita* seolah-olah khususnya orang-orang Melayu sedang lari dari STPM yang merupakan *decoration of* Kementerian Pendidikan sendiri. Apakah anak-anak Melayu begitu lemah hingga mereka tidak mempunyai harapan untuk masuk universiti melainkan melalui satu proses silap mata yang nama matrikulasi? Apakah bezanya program matrikulasi yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan STPM? Apakah bentuk *bench marking* yang digunakan? Tidakkah kita sedari bahawa Kementerian Pendidikan hanya mempunyai empat buah pusat matrikulasi untuk menampung keperluan ini sedangkan berpuluh-puluh sekolah menengah dengan kelas Tingkatan Enam yang perlu diisi.

Saya sependapat dengan Saudara Ibrahim Saad bahawa sekiranya ditinjau dari aspek lain kita akan mendapati Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan ini lebih membantu kolej-kolej swasta yang mendapat francais melalui program ini. Sebahagian besar pula daripada kolej-kolej ini adalah dari kalangan kolej-kolej swasta yang kalau tidak hampir mati pun ianya bolehlah dianggap separuh mati.

Terdapat beberapa buah kolej swasta yang hanya bergantung kepada program matrikulasi untuk survival. Kursus-kursus lain yang mereka jalankan tidak begitu mendapat sambutan. Seperti mana yang disebutkan tadi, Kementerian Pendidikan hanya mempunyai empat premis manakala sebahagian besar pelajar diagihkan kepada 18-20 kolej swasta atau pusat matrikulasi swasta. Ternyata kolej-kolej swasta mendapat habuan yang besar dengan kemasukan ini.

Setiap pelajar yang memasuki program ini dikenakan bayaran pendaftaran RM500. Kementerian Pendidikan akan menampung yuran pengajian di antara RM5,000 - RM5,500 bergantung pada jurusan. Jika tidak ada kemasukan awal, bermakna kolej-kolej yang 'separuh pengsan' ini hanya akan dapat beroperasi sepenuhnya pada bulan Mei berbanding dengan bulan Februari seperti sekarang.

Kementerian Pendidikan diminta memberikan penjelasan, apakah kriteria pemilihan kolej-kolej swasta ini? Ini adalah kerana terdapat kolej-kolej swasta yang hanya beroperasi tidak sampai dua tahun untuk program

matrikulasi tetapi telah diamanahkan dengan lebih kurang 600 pelajar. Apakah keistimewaan kolej-kolej ini? Apakah pemilihan dibuat berdasarkan kepada *political affiliation* kerana kita tahu terdapat beberapa buah daripada kolej-kolej ini yang dipengerusikan oleh orang-orang politik Barisan Nasional yang politiknya pun hampir mati.

Apakah terdapat *kick back* dengan izin, untuk orang-orang tertentu di kementerian? Siasatan perlulah dibuat oleh pihak kementerian dan juga BPR berhubung dengan tiket-tiket penerbangan ke luar negeri dan juga cek-cek yang masuk ke dalam akaun orang-orang tertentu. Sekiranya dirasakan perlu program matrikulasi ini diteruskan, pastikan anak-anak Melayu tidak teraniaya dan terhina. Pastikan ahli-ahli akademik yang terlibat untuk pengurusan program-program seperti ini bersih daripada sebarang amalan yang meragukan. Adalah menjadi harapan saya, agar Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru, yang juga merupakan seorang bekas Naib Canselor akan lebih sensitif terhadap perkara-perkara seperti ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Parit Sulong berdiri, Yang Berhormat. Dia bagi, sila.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar perbincangan sahabat saya dengan penuh minat. Boleh tidak saya bertanya, adakah Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti masalah perkara-perkara kemungkarannya Yang Berhormat cuba gambarkan tadi. Kalau ada cuba kemukakan dalam Dewan supaya kita tidak membuat satu kenyataan yang agak terlalu *sweeping* dengan izin, dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Kenyataan saya ada menyebut supaya dilakukan siasatan.

Para akademik tanahair mestilah memperjuangkan ilmu sesuai dengan kedudukannya dan jangan jadikan ilmu sebagai batu loncatan untuk membuat kekayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dan rakyat negara ini amat memahami masalah kegawatan ekonomi serantau yang berlaku. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang dikira berpatutan untuk mengurangkan kesannya kepada ekonomi kita.

Saya telah difahamkan bahawa pihak kerajaan melalui Perbendaharaan telah mengeluarkan pelbagai pekeliling untuk menjelaskan pelbagai langkah pengawalan termasuklah tidak membenarkan para menteri dan pegawai kerajaan melancong ke luar negara tanpa kelulusan khas. Sebagai Ahli Parlimen yang mewakili rakyat, yang amat prihatin dengan setiap perbelanjaan wang awam, saya ingin mendapatkan penjelasan sama ada masih terdapat menteri atau pegawai kanan kerajaan yang menggunakan kemudahan bercuti ke luar negara dengan izin *priviledge tour* di atas tanggungan kerajaan, iaitu dengan menggunakan wang awam pada tahun 1997, 1998 dan 1999. Dan sekiranya ada, sila nyatakan butiran terperinci percutian yang telah diluluskan dengan izin, *actual the prove breakdown*.

Sebelum negara kita dilanda masalah kegawatan ekonomi akibat kegawatan ekonomi serantau, Malaysia mencapai pertumbuhan yang sangat rancak selama hampir 10 tahun. Namun Allah S.W.T yang maha tahu segalanya, telah menguji keimanan rakyat kita dengan memberikan sedikit dugaan, kepayahan hidup menerusi kegawatan ekonomi tersebut.

Bagaimanapun, faktor kegagalan kerajaan mengawal kesenangan yang dikecapi semasa sebelum kegawatan turut menyumbang ke arah kemelesetan yang masih kita rasai sekarang. Dalam hal ini contohnya, berdasarkan maklumat yang saya terima, saya masih ingat peristiwa seorang menteri Kerajaan Malaysia yang pernah membuat lawatan rasmi ke United Kingdom, yang turut diiringi isteri, anak-anak dan pembantu rumahnya yang tinggal di sebuah hotel yang sangat terkemuka dan mahal harganya. Hotel tersebut adalah Ritz Hotel di Piccadilly, London, selama beberapa hari atas tanggungan Kerajaan UK. Bagaimanapun, selepas tempoh lawatan rasmi itu, Yang Berhormat Menteri tersebut masih tinggal di hotel tersebut, yang mengikut sumber-sumber yang boleh dipercayai atas tanggungan Kerajaan Malaysia. Benarkah, dalam lawatan rasmi ke luar negara Yang Berhormat Menteri dibenarkan membawa isteri, anak-anak dan pembantu rumah atas tanggungan kerajaan? Siapakah kuasa melulus perjalanan Yang Berhormat Menteri ke luar negara, Jemaah Kabinet atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri?



Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan Malaysia mempunyai mempunyai beberapa buah bangunan milik kerajaan di luar negara yang sebahagiannya menjadi bangunan kediaman rasmi duta-duta besar dan sebahagian lainnya menjadi rumah-rumah penginapan dan peranginan VVIP. Saya ingin menyentuh tentang rumah penginapan peranginan seperti Yorks House atau Apartment Hyde Park Street, Kensington London yang juga menurut sumber-sumber yang sah menjadi kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila bercuti di London. Rumah-rumah sebegini telah dikategorikan oleh Kementerian Kewangan sebagai contoh dalam Surat Pekeliling Am Bil 5 tahun 1990 sebagai rumah peranginan kerajaan. Segala syarat penginapan ada dicatatkan di dalam pekeliling berkenaan. Rumah-rumah tersebut tentunya berjuta-juta ringgit nilainya ketika dibeli atas wang rakyat.

Dalam hubungannya dengan perkara di atas, suka saya utarakan kepada Kementerian Kewangan kita dapati hampir semua Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri mahupun pegawai kerajaan apabila bercuti ke luar negara tidak menggunakan kemudahan rumah peranginan tersebut sebaliknya tinggal di hotel-hotel mewah atas tanggungan kerajaan. Mengapakah perkara ini masih terus berlaku lebih-lebih lagi dalam keadaan negara mengalami kegawatan. Tidak bolehkah pihak kementerian kewangan membuat ruling supaya rumah-rumah tersebut digunakan sepenuhnya supaya ianya cost effective dan digunakan sepanjang masa. Tidak bolehkah kekosongan yang berlaku itu dijadikan tempat kediaman pegawai kerajaan yang bertugas ke luar negara, ke London umpamanya, untuk menghadiri mesyuarat demi kepentingan negara.

Jika ini dibenarkan tentunya kos menginap di hotel-hotel dapat dijimatkan. Lagipun pembayaran menggunakan rumah peranginan tersebut boleh dbayar oleh jabatan pegawai berkenaan kepada Bahagian Perumahan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Ini memastikan tiada pengaliran wang ringgit ke luar negara. Barangkali pihak Perbendaharaan perlu mengkaji perkara ini dengan lebih teliti demi memastikan wang rakyat dibelanjakan sewenang-wenangnya. Benarkah rumah-rumah sedemikian tidak boleh dijadikan kediaman biasa kerana ianya milik eksklusif VVIP tertentu.

Saya difahamkan bahawa Penthouse Apartment Hyde Park Kensington London tidak pernah didiami oleh mana-mana VVIP lain kecuali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sukacita jika pihak Kementerian Kewangan dapat memberikan pecahan terperinci kekerapan penggunaan rumah-rumah peranginan kerajaan di luar negara bagi tempoh tiga tahun iaitu dari 1997 hingga 1999 untuk dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini supaya rakyat dapat menjadi saksi sama ada rumah-rumah peranginan yang bernilai berjuta-juta ringgit itu ditadbir secara cost effective atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-negara Islam Sedunia pada bulan Jun tahun 2000 ini. Akibat daripada pelbagai lobi yang telah dilakukan selama ini Malaysia berjaya mendahului Turki sebagai tuan rumah dengan mengambil kira persidangan ini diadakan ketika negara baru sahaja ingin bernafas dari cengkaman kegawatan ekonomi. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah mesej utama yang ingin kerajaan kemukakan kepada dunia Islam khususnya melalui persidangan ini.

Perkara ini perlu dijelaskan kepada rakyat Malaysia kerana perbelanjaan persidangan ini tentunya besar dan rakyat tidak ingin dijadikan platform untuk menonjolkan mana-mana pemimpin demi mencapai international political mileage, dengan izin. Sejumlah wang besar tentunya telah dilaburkan untuk melobi dan menyediakan persiapan persidangan ini. Berapakah anggaran kos keseluruhan dan berapakah sumbangan yang diterima dari negara anggota dan negara pemerhati.

Apakah persidangan ini akan dijadikan pentas untuk menjelaskan kepada dunia Islam bahawa Malaysia mengamalkan dasar Islam yang liberal dan paling baik untuk dicontohi oleh negara Islam lain mengikut tafsiran Kerajaan Barisan Nasional. Apakah mungkin juga persidangan ini dijadikan medan terbaik untuk menjelaskan pelbagai isu berkaitan Islam mengikut perspektif Malaysia termasuklah isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri.

Beberapa tindakan kerajaan akhir-akhir ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang suci dan juga hak-hak asasi kemanusiaan sejagat merangkumi isu-isu kronism, tangkapan beberapa orang rakyat di bawah

pelbagai akta yang sedia ada, dakwaan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya. Dalam keadaan sebegini bagaimana mungkin Malaysia dapat menyakinkan dunia Islam bahawa dia mengamalkan dasar Islam yang sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia turut berbangga termasuk kami dari Barisan Alternatif di atas kejayaan Malaysia memenangi kerusi Majlis Keselamatan PBB dan pernah pula menjadi Presiden PBB suatu ketika dahulu. Kita dapati peranan kita di Majlis PBB dahulu dan kini banyak tertumpu kepada memperjuangkan nasib negara-negara dunia ketiga termasuk negara-negara Islam di forum PBB terutama mengenai pelbagai tuntutan ganti rugi dan sebagainya. Kadangkala Malaysia turut memberikan sumbangan dari segi pengundian sokongan atau membantah seperti isu pasukan penyiasat bahan-bahan nuklear PBB untuk mengkaji semula kedudukan senjata Iraq.

Sepanjang lima tahun kebelakangan ini apakah kejayaan cemerlang yang telah dicapai oleh Malaysia melalui kerusi Majlis Keselamatan PBB yang boleh dibanggakan oleh rakyat dan dikenal pasti sebagai membuktikan keupayaan Malaysia menjadi di antara kuasa penentu dasar keselamatan dunia. Dalam usaha Malaysia memban tu nasib negara-negara kecil di dunia seperti Bosnia, Eritrea, Chechnya dan seumpamanya apakah benar suara Malaysia di dengar sepenuhnya atau sekadar melepaskan batuk di tangga memandangkan negara-negara *super powers* mempunyai kuasa veto yang muktamad.

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini dengan pecahan statistik dari tahun ke tahun sehingga 1999 berapakah jumlah kos dalam nilai ringgit yang telah dilaburkan untuk melobi dan mendapat sokongan negara-negara lain supaya menyokong Malaysia dalam pelbagai isu antarabangsa di mana Malaysia secara aktif telah memainkan peranannya. Kita merasakan faktor nilai kewangan ini amat penting memandangkan kos yang terlibat dalam melobi sudah pasti amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, revolusi Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi atau Information and Communication Technologies, dengan izin, telah mendatangkan perubahan kepada masyarakat hari ini. Masyarakat mula merasakan dunia digital mula meresapi masyarakat dan tidak mungkin dapat dipisahkan daripada kehidupan mereka. Adalah penting untuk kita

menyedari bahawa gelombang ini membawa bersamanya pelbagai isu dan masalah baru yang memerlukan perhatian dan tindakan yang wajar di dalam menanganinya. Isu-isu dan masalah-masalah baru ini antara lain melibatkan isu-isu seperti maklumat berlebihan, maklumat palsu, pencerobohan maklumat rahsia, isu cipta intelektual dan sebagainya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perutusan tahun baru 1997 ada menyebut kita sebenarnya tidak mempunyai pilihan, zaman maklumat akan memaksa kita mengubah cara hidup dan bekerja. Lebih awal kita sesuaikan diri lebih cepat kita pelajari dan lebih baiklah masa depan kita. Bertitik tolak dari sinilah agaknya kempen serta perbincangan untuk menyedarkan masyarakat terhadap IT dan maklumat semakin menggila. Berbagai-bagai inisiatif diambil dan insentif diberikan seperti yang dikemukakan dalam Belanjawan 2000 untuk merealisasikan kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Walau bagaimanapun, seperti mana yang sudah menjadi kelaziman Barisan Nasional dan UMNO perkembangan ini tidak diberi perhatian menurut persepsi Islam.

Kita semua sedia maklum bahawa revolusi maklumat yang dipelopori oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah merupakan sesuatu yang bermula di Barat. Dan realiti hari ini memperlihatkan kepada kita bahawa projek MSC seolah-olah terpaksa bergantung kepada Barat dari segi kepakaran dan teknologi. Kebergantungan kepada teknologi dan kepakaran Barat ini tidak kurang pula meninggalkan kesan nilai yang mungkin tidak serasi dengan amalan dan budaya kita.

Era maklumat atau information age, era digital, era revolusi interaksi atau apa sahaja nama yang digunakan adalah satu era yang baru. Alvin Tofler dalam memberikan definisi kepada era baru ini menyebutnya sebagai *third waves* yang lahir selepas era pertanian dan perindustrian. Ini membawa maksud ianya merupakan satu era baru yang menggantikan era pertanian dan perindustrian di dalam aspek ekonomi. Ianya merupakan satu keadaan yang mana kehidupan manusia bergantung begitu banyak kepada pemprosesan maklumat sebagai sumber dalam kehidupan.

Oleh hal yang demikian, kita akan dapat melihat bahawa kita sedang memasuki satu zaman yang mana setiap kegiatan aktiviti manusia sama ada

dari segi ekonomi, politik, sosial dan pembangunan teknologi merujuk kepada maklumat sebagai sumber utama. Maklumat dalam era hari ini merupakan kuasa terpenting yang dimanipulasi dalam kehidupan manusia seperti pentingnya pertanian pada zaman dahulu atau perindustrian pada zaman ini. Ledakan maklumat, lebuhraya maklumat, maklumat menerusi cyber atau apa juga keadaan yang bakal kita hadapi sebenarnya mengundang banyak isu baru yang memerlukan penghuraian menurut persepsi Islam. Ledakan maklumat yang berlebihan yang boleh diakses tanpa sempadan seharusnya disesuaikan dengan prinsip ajaran Islam.

Penapisan maklumat terhadap unsur-unsur negatif perlulah dijana dengan lebih serius sistem pendidikan kerajaan Barisan Nasional yang lebih cenderung kepada idea sekularisme tidak mampu membawa kesedaran individu untuk menggunakan maklumat yang meledak secara tidak terkawal. John Bordrilla dalam bukunya *The Ecstasy of Communication* menegaskan bahawa keadaan ini telah membawa masyarakat hari ini melampaui batas menuju ecstasy berkekalan. Manusia menjadi, dengan izin, more social than the social, the messes, fatter than the fat, obesity, more violent than violent, terror, more sexual than sex, porn, more real than real, simulation.

Suasana ini mengakibatkan hilangnya nilai ilmu dan maklumat yang disebarkan menerusi dunia cyber ini yang menuntut proses susulan untuk menaikannya ke taraf ilmu pengetahuan. Hasilnya rakyat khususnya anak-anak muda yang kurang arif dengan ilmu pengetahuan akan terus terkeliru dan disesatkan oleh medium-medium ciptaan manusia ini yang menyebarkan segala maklumat dengan bebas.

Kemunculan bandar cyber Putrajaya sebagai pusat MSC menjadi perbualan pelbagai pihak. Tujuh aplikasi utama yang menjadi agenda asas kepada MSC perlu dirujuk langsung pada pandangan Islam untuk memastikan kegemilangan tamadun yang sedang diusahakan hari ini adalah Islamik. Bermula dengan kerajaan elektronik, sekolah bestari multimedia teleperubatan, pusat R&D, card identity bestari, jaringan perbincangan dunia, pusat perniagaan dalam talian sehinggalah kepada beberapa penambahan aplikasi lain. Banyak perkara harus direnung dan dirujuk menurut Islam apabila mencedok idea tamadun Barat sebagaimana sejarah membuktikan

usaha-usaha sarjana Islam terdahulu apabila menghuraikan tamadun Greek, Yunan dan Rom ke dalam tamadun Islam.

Kita dalam banyak hal menyisihkan persepsi Islam yang seharusnya menjadi simbol kebanggaan dan berlaku diskriminasi terhadap pandangan agama kita sendiri. Dalam konteks ini, penyertaan dan pandangan para ulamak perlulah diutamakan kerana perbincangan era maklumat hari ini berkait rapat dengan kesinambungan tamadun Islam di Malaysia dan ianya haruslah selari dengan tuntutan-tuntutan asas agama tanpa berlaku sebarang pengabaian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Ya, Temerloh berdiri, Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Sila.

**Tuan Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat banyak menyebut tadi mengatakan pembangunan IT, di Malaysia ini yang dibuat oleh kerajaan menolak persepsi Islam. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, arah mana yang kita tolak persepsi Islam ini dan barangkali Yang Berhormat boleh bagi saranan kepada kerajaan bagaimana boleh kita masukkan persepsi Islam dalam pembangunan ini.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Dengan mudah, Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Temerloh, sistem pelajaran kita sekarang ialah sistem dualisme yang mewujudkan pemisahan antara konsep-konsep agama dengan ilmu-ilmu yang diterokai. Apabila wujud dualisme dalam sistem pendidikan ini kita tidak akan dapat melahirkan manusia seperti mana yang telah disebutkan dengan istilah yang begitu popular satu ketika dahulu sebagai insan yang kamil dan sebagainya. Selagi mana sistem dualisme ini wujud memisahkan agama daripada segenap ilmu yang ada maka akan timbullah seperti mana contoh-contoh yang telah saya sebutkan tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini rakyat Malaysia dapat menyaksikan bagaimana kerajaan Barisan Nasional menggunakan pelbagai akta yang sedia ada khususnya Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak, Akta Hasutan dan sebagainya yang telah diluluskan Parlimen untuk mendakwa

rakyat Malaysia dan mensabitkan pelbagai kesalahan berdasarkan akta-akta yang sedia ada. Berdasarkan kepada senario ini rakyat amat bimbang dengan pelbagai tindakan pihak kerajaan mencampuri urusan pejabat pendakwa raya, memilih hakim-hakim yang pada pendapat kerajaan akan memutuskan kes-kes tertentu di mahkamah mengikut selera dan kehendak kerajaan. Kita berasa bimbang dan khuatir dengan perkembangan ini di mana keadilan tidak lagi dihargai langsung.

Manusia muslim di Malaysia sudah berani mencabar arahan-arahan dan perintah di dalam Al-Quran dan sunnah nabi s.a.w. Kita berasa sedih dengan perkembangan ini di mana sebahagian mereka yang bergelar muslim begitu berani mencabar konsep keadilan yang telah ditetapkan Allah melalui hukum-hukumnya yang telah diperjelaskan oleh sistem syariah yang begitu komprehensif. Maka itu, Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini PAS akan terus menerus memainkan usahanya sebagai satu-satunya Parti Alternatif, sebagai satu-satunya parti Islam di Malaysia ini untuk mengangkat terus martabat sistem syariah Allah s.w.t. ke tempatnya. Usaha kita untuk melaksanakan hukum-hukum seperti mana yang terkandung di dalam Al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w akan kita teruskan. Dalam hal ini Allah s.w.t telah meniupkan roh Islam ke dalam jiwa rakyat Kelantan dan Terengganu agar mereka dapat melihat dengan basirah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bagi Tebrau bangun.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Adakah Yang Berhormat sedar juga dalam ucapan-ucapan yang saya dengar, dalam ceramah-ceramah yang saya dengar banyak perkataan-perkataan yang tidak baik, banyak perkataan-perkataan yang tidak elok yang telah pun disampaikan oleh penceramah-penceramah terutamanya daripada Parti PAS. Adakah ini ia mengikut ajaran Islam yang sebenarnya? Terima kasih.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Boleh saya tahu apa dia perkataan yang tidak elok dan tidak baik tersebut?

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat faham lah. Saya tak payah sebut di dalam Dewan ini kerana masa ini diizinkan masa yang singkat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, soalnya terlampau umum, tidak dapat saya untuk menjawab soalan yang umum sedemikian kerana sepanjang kempen dalam PAS, sepanjang usaha-usaha kita untuk menerangkan hukum-hukum khasnya yang terdapat di dalam Al-Quran dan sunnah, kita sentiasa mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam itu sendiri. Tetapi walaupun 42 tahun UMNO menjadi parti utama di dalam Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional dalam hal-hal yang berkaitan dengan Islam mereka telah gagal dalam banyak hal untuk membela Islam dan akidah Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung kerana masa sudah cukup.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Dalam hal ini Allah s.w.t telah meniupkan roh Islam ke dalam jiwa rakyat Kelantan dan Terengganu agar mereka dapat melihat dengan basirah dan telinga mereka terbuka untuk menapis segala fitnah, angkara hasutan dan celaan mereka yang suka mencela. Sesungguhnya janji Allah amat benar kerana apabila umat Islam mukmin mencapai tahap keimanannya yang mencukupi syarat-syarat hizbullah maka Allah akan menganugerahkan limpahan kurnia kepada hambanya. Dalam konteks kita di Malaysia, Allah telah menguji PAS dengan memberikan kemenangan kuasa politik di Kelantan dan Terengganu. Sesungguhnya anugerah berupa amanah ini akan dipikul oleh PAS dengan penuh takzim dan sentiasa mengharapkan hidayah Allah azzawajalla dan kita, insya-Allah, berjanji akan terus menegakkan hakimiah lillah di bumi Malaysia ini walaupun terdapat tentangan daripada mereka yang sentiasa menentang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Shah Alam.

**12.07 tgh.**

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, pertama saya suka memanjat rasa syukur ke hadrat



Allah s.w.t kerana dengan limpah izin serta hidayahNya saya dapat turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2000 ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah kepada pihak kerajaan dan juga pihak swasta serta kapitan of the industries, dengan izin, terutama sekali kepada rakyat Malaysia yang mempunyai pemikiran yang terbuka dan sebentar tadi kita sudah dengar pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Yan. Kita harap pandangan-pandangan ekstremis ini tidak akan memberikan keresahan kepada rakyat Malaysia untuk kita sama-sama membantu membebaskan dan membaik pulih....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Peraturan Dewan 36(6) ya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Awak tahu 36(6) itu apa dia?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia telah menuduh Ahli Yang Berhormat bagi Yan ekstremis.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Saya rasa perkataan 'ekstremis' itu sangkaan jahatkah ataupun apa, itu cuma pandangan peribadi saya sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa, teruskan Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]* apa ini, samseng.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Dan oleh kerana usaha untuk membebaskan kita daripada cengkaman kegawatan ekonomi ini bukan sahaja terpikul, bertanggungjawab kepada pemimpin dan pihak kerajaan, saya rasa semua rakyat Malaysia harus mengambil ini sebagai satu tanggungjawab bersama, dan saya rasa segala pendekatan yang telah pun dibuat oleh kerajaan selama ini dengan mengetengahkan idea Malaysia incorporated sudah tentu mencerminkan satu kejayaan. Dan ini adalah merupakan satu kebanggaan rakyat Malaysia dan sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa formula Malaysia yang diketengahkan oleh Barisan Nasional telah pun diterima oleh rakyat secara keseluruhannya, dan akhirnya kita berada dalam Dewan ini dan kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang mendapat sokongan majoriti dan kita mempunyai iltizam untuk terus menggerakkan negara ini ke arah yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita menghadapi kegawatan ekonomi sudah tentulah satu pendekatan yang serius, yang merupakan pendekatan

secara hands on, dengan izin, yang telah pun digerakkan oleh pucuk pimpinan negara melalui Majlis Tindakan Ekonomi dengan mengadakan pengurusan krisis bagi kita menangani masalah ini tentulah telah pun memberikan hasil yang baik dan akhirnya kita telah pun membuat turn around, dengan izin, dalam ekonomi negara kita.

Walau bagaimanapun, suka saya mengambil kesempatan di sini untuk kita sama-sama mengambil iktibar serta pengalaman yang cukup mahal ini supaya untuk kita lebih bersedia di dalam menghadapi ancaman kemelutan ekonomi yang akan berlaku terutama dalam cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi yang kita hadapi pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu bercakap tentang menginginkan iklim suasana yang sihat dan baik dan kita sebagai wakil rakyat, kita ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat yang kita lakukan dan saya percaya bahawa kita inginkan pembangunan yang baik dalam negara kita. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pembangunan lestari iaitu pembangunan “Mesra Alam” adalah satu pembangunan yang akan menyediakan iklim dan suasana yang sihat supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni, yang aman tenteram, untuk kita menguruskan keluarga dan negara kita.

Saya percaya dan yakin bahawa kerajaan selama ini telah pun menyediakan Pelan Struktur Pembangunan Lembah Klang dan saya rasa bahawa segala pelan struktur pembangunan yang disediakan ini kalau kita laksanakan mengikut sebagaimana yang dirancangan sudah tentulah kita tidak akan menghadapi masalah tentang di mana kawasan yang telah pun ditetapkan sebagai pusat perindustrian didirikan industri, dan di mana kawasan yang ditetapkan sebagai pembangunan komersial didirikan pembangunan komersial dan di mana kawasan yang ditetapkan sebagai kawasan residen dijadikan sebagai residen dengan tidak ada pengubahsuaian serta penyusunan semula pelan struktur pembangunan ini. Yang menjadi masalahnya kadangkala pelan yang telah pun dijadikan sebagai Pelan Struktur Pembangunan Wilayah ini diubahsuai mengikut kehendak dan tekanan pasaran pada masa dan ketika tersebut.

Justeru kerana itu saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya untuk menentukan dan memastikan bahawa segala pelan struktur pembangunan yang telah pun dilulus dan digazetkan oleh pihak kerajaan hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini boleh menyelesaikan banyak masalah terutama perkara-perkara yang berhubung kait dengan pencemaran alam sekitar dan juga masalah banjir kilat yang berlaku oleh kerana pembangunan yang tidak sesuai serta pembangunan yang telah pun tiba kepada tahap maksimum dan optimumnya di sesuatu kawasan.

Kita berharap supaya ini dapat dielakkan oleh kerana masalah banjir kilat ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu masalah yang sebenarnya jikalau kita mengambil dia sebagai satu ingatan kepada kita semua dan tanggungjawab bersama dengan sokongan daripada semua pihak terutama daripada pihak kerajaan dan kerajaan tempatan yang dipertanggungjawabkan mengenai penyelenggaraan kawasan dan juga kemudahan awam dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin dan juga dengan kerjasama daripada rakyat yang bersedia untuk menentukan bahawa tanggungjawab untuk menjaga kawasan dan juga kemudahan awam adalah tanggungjawab bersama, insya-Allah, perkara ini boleh diatasi.

Seperkara lagi yang ingin saya tekankan di sini bahawasanya dalam menangani masalah banjir kilat dan juga perkara yang berhubung kait tentang kemudahan awam serta mesra alam dan pembangunan lestari ialah mengenai langkah yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan dan jawapan yang selalu diberikan oleh pihak kerajaan ialah bahawa masalah banjir kilat akan dapat diatasi di Lembah Klang ini sebaik sahaja kerja-kerja pelurusan, pendalaman dan pengindahan Sungai Kelang yang telah pun dirancangkan dan dilaksanakan secara berskala ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera. Saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya usaha-usaha untuk membaik pulih, mendalam dan meluruskan Sungai Kelang ini dapat dijalankan dengan begitu diperhebatkan lagi. Saya yakin bahawa perkara ini akan dapat diatasi dengan kadar yang segera.

Saya ingin mengambil peluang dalam perbahasan ini untuk membicarakan sedikit tentang agenda Sains Negara. Sebagaimana yang kita tersedia maklum bahawa dalam kita menghadapi pembangunan masa kini

sudah tentu sumber pembangunan kemanusiaan ini adalah menjadi satu perkara yang kita inginkan supaya memberikan hasil yang cukup lumayan kepada kita untuk kita menyediakan tenaga manusia yang akan mengisi pembangunan negara.

Justeru kerana itu saya merasakan bahawa tanggungjawab mempersiapkan negara dalam agenda sains ini sememangnya amat mencabar khususnya mempersiapkan kaum bumiputera. Dasar kerajaan yang terus memberi keutamaan kepada usaha menggalakkan empat perkara yang harus dipertekankan, pertama ialah pembudayaan sains itu sendiri. Kedua, penyelidikan. Ketiga, kreativiti dan keempat adalah inovasi teknologi. Ianya adalah sebagai teras penting kepada strategi pembangunan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan yang pesat dan meningkatkan taraf hidup kerana sains dan teknologi akan menunjangi kemajuan ekonomi dan daya, khususnya di peringkat antarabangsa.

Sains dan teknologi akan dibangunkan sehingga berupaya memberi sumbangan positif yang lebih besar dan bernilai ditambah kepada pertumbuhan dan pembangunan yang berasaskan produktiviti serta peralihan industri dan perkhidmatan berintensifkan modal dan teknologi. Saya ingin menyarankan kepada pihak kerajaan supaya satu peningkatan dan penggubalan dasar sains dan teknologi adalah untuk merangkumi beberapa aspek yang saya sebutkan seperti di bawah ini:

- Kita seharusnya memastikan pembangunan saintifik bagi menyokong dan mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi.
- Mempercepatkan pembangunan perindustrian secara menyeluruh baik di desa, di bandar dan di serata pelosok tanah air.
- Menyediakan asas bagi mewujudkan masyarakat yang maju dari segi sains dan teknologi menjelang tahun 2020 sebagaimana sasaran untuk menjadikan negara maju di dalam Malaysia 'the way forward' dengan izin, untuk 'a vision 2020'.

Sains dan teknologi sangat dipengaruhi oleh peningkatan globalisasi dan persaingan. Sebagaimana yang kita sedia maklum dan perkara ini telah pun banyak diperbincangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, justeru kerana itu tumpuan dasar ialah untuk:

- menambahkan tenaga manusia teknikal,
- menggalakkan inovasi teknologi,
- penyelidikan yang berkemahiran tinggi mendorong peningkatan produktiviti yang lebih berdaya saing,
- menggunakan sumber secara lebih baik,
- mengkomersialkan penemuan sains dan teknologi di sektor awam.

Kita merujuk kepada ‘arusan’ pembangunan jangka panjang negara ianya akan bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran bagi mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti perindustrian. Peningkatan penggunaan dan aplikasi teknologi dan akhirnya meningkatkan taraf hidup. Oleh kerana tanggungjawab mempersiapkan kaum bumiputra untuk melibatkan diri secara aktif dan konstruktif dalam arus ini sememangnya amat besar dan amat mencabar.

Bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran asas serta penguasaan lanjutan sains dan teknologi perlu disemai dan diperteguhkan sehingga mewujudkan sumber kepakaran bumiputra yang mencukupi, tetapi usaha mempertingkatkan keupayaan kreativiti yang inovasi kaum bumiputra dengan matlamat untuk mempercepatkan pembangunan strategik teknologi perindustrian, di samping memantapkan keupayaan mereka dengan teknologi-teknologi alaf baru yang lebih sophisticated dan moden perlulah dilaksanakan.

Persoalannya bagaimana negara kita boleh maju dalam bidang sains dan teknologi dengan aspek-aspek yang kadangkala menjadi kelemahan kepada kita terutama bilangan anak bumiputra mengambil jurusan sains selepas PMR tidak menggalakkan. Saya bersyukur Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada di sini.

Yang kedua ialah untuk kita menyedia dan juga tanggungjawab untuk mempopularkan dan menyemarakkan sains ini sebagai yang boleh dimainkan oleh pelbagai pihak terutama pihak media boleh membantu usaha untuk

mempelopori sains di kalangan anak-anak bumiputera. Bilangan yang mengambil jurusan sains dengan keputusan baik untuk memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam adalah amat berkurangan dan saya rasa dalam perbahasan usul Akta UiTM saya telah pun mengambil kesempatan untuk memperincikan tentang jurang perbezaan ini dan tempat serta kuota di IPTA untuk jurusan sains masih tidak diisi, justeru kerana itu ramai dari kalangan Yang Berhormat telah pun menyarankan supaya prasains dapat diteruskan. Tetapi sebentar tadi Yang Berhormat Yan bercakap tentang masalah hendak dikekalkan untuk tingkatan enam aliran sains dan sastera, itu satu usaha yang baik diteruskan, tetapi untuk menghapuskan kelas matrikulasi, yang itu saya kurang setuju, Yang Berhormat Yan.

Kegagalan melahirkan generasi bumiputera yang berpengetahuan dan berkepakaran sains dan teknologi. Sekurang-kurangnya untuk berfungsi sebagai pengguna yang kreatif dan manipulatif sehingga berupaya mengoptimumkan teknologi yang mereka gunakan adalah faktor utama yang akan menghalang penyertaan kaum bumiputra dalam proses pembangunan masa depan atau melupakan peluang mereka untuk menikmati kemodenan dan kemakmuran yang terhasil daripada pembangunan ini.

Perkara-perkara yang menjadi cabaran kepada kita semua misalnya projek pembangunan Koridor Raya Multimedia, ianya tidak akan menghasilkan impak kemakmuran dan kemodenan yang merangsangkan di kalangan bumiputra jika bilangan yang berpengetahuan dan berkemahiran menggunakan dan mengendalikan perkakasan komunikasi multimedia amat kecil. Apatah lagi di kalangan bilangan kecil itu peratus menggunakan aplikasi multimedia sekadar untuk mendapatkan hiburan adalah besar dan juga untuk 'serve the net' hanya semata-mata untuk mendapat maklumat yang tidak tepat dan perkara-perkara sensasi yang sentiasa digemburkan kerana Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pandangan dan pendapat bahawa ramai daripada kita kadang-kadang terkeliru dengan information technology ini kerana kita melihat bahawa komputer itu sebagai satu benda yang sophisticated, dengan izin. Tetapi komputer ianya adalah merupakan sebagai instrument dan alat sahaja tetapi ianya tidak akan bermakna jikalau ia tidak ada ia punya software. Software ini adalah satu program yang

dijalankan dan ianya dibuat oleh manusia dan jikalau software ini dilakukan yang diletak sebagai sampah ia akan keluar menjadi sampah. Jadinya kalau dimasukkan komputer garbage, dengan izin, 'garbage-in, garbage-out'. Kalau perkara yang dimasukkan itu merupakan satu perkara yang fitnah yang tidak ada asasnya ia akan keluar sebagai satu fitnah.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang kita perlu adalah tidak lain dari pertama, menggalakkan lebih ramai anak kita masuk jurusan sains selepas PMR. Ibu bapa sendiri perlu meningkatkan lagi pengetahuan sains dan teknologi dan selalunya terutama kepada masyarakat bumiputra, 'we always asking for a second chance'. Kalau dahulu daripada segi di peringkat sekolah kita tidak ada peluang kerana kita tidak ada exposure dan kalau ada peluang yang kedua diberi, insya-Allah ramai daripada kita akan manfaat peluang ini dengan sebaik mungkin. Pihak media massa juga perlu membina minda positif bahawa pelajar-pelajar Melayu boleh berjaya dalam bidang sains dan pada hari ini kita telah pun membuktikan jikalau ramai anak-anak Melayu bumiputra diberi kesempatan insya-Allah mereka akan berjaya dalam bidang masing-masing. Guru-guru sekolah perlu memainkan peranan yang lebih penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sedikit masa lagi untuk turut membicarakan satu perkara yang menjadi perkara yang penting kepada kita pada hari ini iaitu k-ekonomi di Malaysia dan saya ingin mengambil iktibar bahawa k-ekonomi di Malaysia ini sebagai satu waspada dalam pelaksanaan dalam erti kata dengan izin, 'cautions in implementation'. Setelah memasuki abad millennium ini, negara Malaysia tidak ketinggalan menyahut cabaran tuntutan ekonomi global, fenomena globalisasi dari segi ekonomi telah turut mempengaruhi dan menjurus negara kepada kaedah ekonomi berteraskan maklumat atau dengan izin, 'knowledge economy' dan projek Multimedia Super Corridor (MSC) adalah manifestasi tertinggi inisiatif kerajaan Malaysia untuk mempersiapkan, positionkan Malaysia dengan niche baru berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi atau information dan communication technology dalam persaingan baru global. Ini benda yang berlaku dalam dunia pada hari ini dan jikalau kita tidak mahu melibatkan diri kita akan tinggal ke belakang.

Namun begitu yang menjadi persoalan sekarang ialah adakah kita dapat menyesuaikan diri dan responsif kepada tuntutan ledakan k-ekonomi yang berlaku begitu pantas ini. Adalah amat popular untuk mengklasifikasikan pembangunan sosial ekonomi mengikut era....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Minta injury time ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Seminit sahaja.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ada berapa minit lagi.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ada satu question sahaja hendak tanya.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Silakan, karang tidak beri, tidak kawan pula.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Ini mengenai k-ekonomi ini, kalau kita tengok daripada p-ekonomi iaitu 'production economy', kita boleh dapat guideline daripada pelbagai teorilah, Kenny's theory dan sebagainya. Kalau kita bercakap pasal m-ekonomi, kita ada Friedman's theory dan sebagainya. Tetapi dalam k-ekonomi ini belum ada satu teori pun lagi yang membolehkan kita menggunakan sebagai guideline tetapi apa yang kita dapat dengar gembar-gemburnya cakap pasal k-ekonomi ini hanyalah satu 'buzz word' yang tidak mempunyai asas yang kukuh untuk kita menjuruskan perjalanan ataupun menjuruskan perencanaan kita untuk mentadbir negara kita dalam k-ekonomi ini sebab kita tidak mempunyai teori lagi.

Jadi mengapa kita gembar-gemburkan kepada satu ekonomi yang kita tidak mempunyai asas, apakah kita hendak menjuruskan kerajaan ini mengguna hanya 'trial and error' dan ini akan melibatkan kos yang mahal kalau sekiranya 'trial and error' itu menjuruskan kepada error yang banyak. Sekian.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dan kurang setuju pandangan daripada Yang Berhormat bahawa k-ekonomi ini satu perkara yang digembar-gemburkan. Secara realitinya perkara ini 'knowledge base economy', ekonomi yang berasaskan kepada



pengetahuan berlaku pada hari ini. Salah satu contoh yang paling baik kita lihat bagaimana Bill Gates menjadi seorang billionaire, dia bukan berasaskan kepada produktiviti, dia berasaskan kepada inovatif pemikiran yang beliau lakukan dengan mengeluarkan sistem Internet dan ini menjadikan sebagai asas pertimbangan utama supaya k-ekonomi ini berjalan menjadi satu rangsangan kepada pembangunan.

Saya akan balik kepada peringkat awal ini, terima kasih Yang Berhormat. Tetapi soal untuk kita lebih melihatkan k-ekonomi ini sebagai satu perkara yang tidak ada asas 'empirical data' memang betul, sebabnya benda ini berlaku pada hari ini tidak ada asas untuk kita menjadikan satu kajian 'base on the empirical data', dengan izin. Adalah amat popular untuk mengklasifikasikan pembangunan sosial dan ekonomi mengikut era yang didominasi oleh character dan structure sosial dalam ekonomi di masa itu.

Sebagai contoh, era pertanian dan era perindustrian, the agriculture edge dan the industrial edge mencerminkan dominasi infrastruktur pertanian dan fizikal automasi industri. Dahulu kalau kita berada dalam 'the agriculture edge' tentulah petani dan juga the feudal master yang menjadi penting dalam pembangunan masyarakat dan kemudian kita transform kepada 'industrial edge' dan ini juga akan merubah iklim dan suasana peradaban masyarakat tersebut. Kemudian pada hari ini datang ekonomi yang berteraskan the digital, digital economy yang didominasi oleh silikon, komputer rangkaian dan maklumat.

Tuan Speaker, saya sendiri kadang-kadang rasa bersyukur bahawa pada hari ini bangkitkan lihat kemajuan teknologi yang berlaku kepada kita banyak memudahkan kita untuk berurusan di antara satu dengan lain. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Yan tadi dalam buku Alvin Toffler, *The Power Shift, The Paradigm Shift*, anjakan paradigma itu adalah satu tuntutan yang berlaku di hadapan kita dan kita mesti turut serta dalam perubahan perdana ini untuk menjadikan kita ini sebagai bangsa yang lebih maju ke hadapan dan mampu untuk menghadapi cabaran dunia globalisasi pada hari ini.

Ada beberapa tema yang membezakan ekonomi berteraskan digital berbanding ekonomi berteraskan pertanian dan perindustrian. Seperti contoh,

yang pertama ialah orientasi kepada maklumat ataupun knowledge, penekanan kepada inovasi dan kreativiti, berangkaian internetworking dan berpandangan global.

Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia ke arah ekonomi digital yang kita banyak membicारा dan kita bahaskan pada hari ini, adalah dipercayai negara Malaysia akan mendapat faedah yang besar dalam penggunaan dan penguasaan teknologi maklumat sebagai pemangkin utama pembangunan ekonomi. Di peringkat mikronya program-program nasional merupakan faktor utama dalam peningkatan penggunaan teknologi maklumat di Malaysia.

Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah mencetuskan seperti berikut, dengan izin, "*Malaysia should move into an area of sophisticated information technology as it gives them new parameter for economic advancement and social progress.*" Yang Amat Berhormat bercakap dan di'quote' oleh *Business Time* – 2 November 1995. Ini lima tahun yang dahulu, pada masa itu masih lagi saya fikir Window95. Daripada Window95 ini dia punya upgrade sekarang ini sampai kita pun dah tidak boleh ikut lagi dia punya rapid development. Sektor teknologi maklumat telah dikenal pasti sebagai satu sektor....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya berminat dengan tajuk k-ekonomi dan Yang Berhormat nampaknya pakar dalam k-ekonomi. Walaupun kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kita advance dalam teknologi ini sebenarnya teknologi komputer ini telah diperkenalkan pada tahun 1959, bukan satu perkara yang baru dan kita agak terkebelakang. Sebenarnya jika diberikan masa yang panjang, saya juga mempunyai pandangan bagaimana kita ingin memajukan keekonomi. Kalau boleh Yang Berhormat terangkan dalam Dewan ini, apakah sebenarnya kerajaan sudah mempunyai master plan – kita ada National IT Council (NITC) dalam melahirkan satu agenda. Tetapi saya rasa satu master plan belum lagi dihasilkan walaupun kita sudah agak advance dalam perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa untuk Yang Berhormat hanya ada dua minit lagi.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, saya betul-betul minta izin, banyak lagi saya ini – boleh bagi masa lagikah, just nak response. Sebenarnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa hadkan setengah jam, (30 minit). Jadi, tidak akan diberi peluang untuk bertambah.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih. Yang ini kita boleh cerita di luarlah. Tetapi sebenarnya 1959 ini tidak betul kerana pada masa itu kita tidak ada komputer. Komputer kalau masa itu pun digunakan oleh NASA on the major main frame yang boleh do calculation sampai satu minggu. Pada hari ini the PC boleh calculate tak sampai dalam beberapa saat. Yang ini nanti Yang Berhormat boleh bincang di luar ya.

Inisiatif utama lain termasuk mengadakan Pelan Tindakan Negara untuk menyeragamkan pembangunan teknologi maklumat di Malaysia di bawah National Information Technology Council (NITC), khususnya inisiatif ini telah menghasilkan projek Multimedia Super Corridor yang dikenali seluruh dunia sebagai percubaan negara Dunia Ketiga untuk menghasilkan kejayaan ala-Silicon Valley di Amerika Syarikat dalam industri berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi.

Isu yang dibangkitkan, saya ingin menyorot pandangan yang dibuat dalam magazine *Economist* dalam tahun 1997 yang telah pun menjalankan kajian mengenai kejayaan Silicon Valley dan telah menghasilkan rumusan seperti berikut, dengan izin, “*Silicon Valley contain a hint of our future. This survey has made clear what it takes to come up top in technology. This suggested culture is more important than economic or technological factor. Here is list of what it takes.*” *Pertama, tolerant of failure, tolerant of treachery, reseaking the investment in the community, enthusiasm for change, promotion on merit, obsession with product, colaboration verity anybody can play, masterful in activity.*”

Kajian itu juga telah mengenal pasti jurang perbezaan antara yang berada dan yang tidak berada seperti berikut. Ini di Amerika, di Silicon Valley, “*Children from poorer backgrown find it is difficult to prepare for the*

*information age. Around one in four of the region inhabitant is Latino...” – Orang Latin. “...yet this group is specticularly under represented in the valley of his staff.”*

Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penghalang pencapaian penuh visi MSC dalam pelaksanaan k-ekonomi di Malaysia. Faktor-faktor adalah seperti berikut.:

- (i) aktiviti ekonomi yang masih tertutup;
- (ii) sumber manusia yang terlatih masih berkurangan (knowledge workers);
- (iii) faktor eko-budaya yang tidak membe rangsangkan inovasi dan pembangunan R&D;
- (iii) dilema pembabitan kerajaan secara terus ataupun tidak

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung, masa sudah sampai.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Ini gulung. Gulung ini, gulung.

- (iv) jurang perbezaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam penerokaan teknologi maklumat; dan
- (v) jurang perbezaan bandar dan luar bandar dalam pembangunan teknologi maklumat.

Saya syorkan dengan mengambil kira isu-isu di atas di antara perkara yang dicadangkan bagi menyempurnakan kekurangan dan kelemahan pelaksanaan k-ekonomi, khususnya projek MSC ialah faktor kejayaan dan kegagalan Amerika Syarikat, Sillicon Valley dan Route 128 dan beberapa percubaan yang lain seperti di Britain, di India dan juga di Taiwan dijadikan blue print oleh agensi pengelolan di Malaysia seperti Multimedia Development Corporation dan MIMOS, faktor eko-budaya, inovasi R&D dan pengurusan strategi diperkukuhkan dalam kurikulum semua peringkat pendidikan dan dijadikan salah satu competency asas (co-competency), mengenal pasti strategi untuk memaksimumkan penyertaan bumiputera dalam k-ekonomi, memperkenalkan dasar ekuiti bumiputera dalam pengenalan teknologi maklumat.

Yang ini akhirnya rumusan, kesimpulan. Memandangkan, tinggi pengaruh dan impak faktor global terdapat keperluan untuk menyediakan

negara secukupnya bagi menghadapi ledakan ekonomi secara menyeluruh. Adalah dialu-alukan penubuhan urusetia mengkaji pelaksanaan k-ekonomi sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan akan mengambil kira cetusan ini.

‘Yang Berhormat’ Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batang Sadong.

**12.37 tgh.**

**Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Bismillahi-rahmani-rahim.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana akhirnya memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Belanjawan 2000 ini. Saya tidak berhasrat untuk membincangkan hal k-ekonomi, hal MSC dan sebagainya kerana saya bukanlah pakar dalam bidang itu. Lagi pun saya mewakili masyarakat luar bandar, jadi saya lebih menumpukan kepada keperluan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Yang Berhormat Menteri Kewangan akan membentang belanjawan tahunan negara dengan tujuan dan objektif akhir yang satu, iaitu untuk kesejahteraan rakyat pada keseluruhannya. Setiap belanjawan tahunan akan mengambil kira semua aspek pembangunan dan pengurusan sama ada aspek fizikal seperti pembangunan prasarana, aspek ekonomi atau sosial. Kerajaan memang mengambil berat dan mengambil kira akan keadaan dan keperluan semasa dan masa hadapan apabila menentukan pengagihan peruntukan.

Saya percaya penentuan atau keputusan dibuat setelah meneliti pelbagai kajian, laporan, pandangan, komen bahkan kritikan daripada pelbagai pihak. Misalnya, oleh kerana isu pendidikan begitu hangat diperkatakan dan sememangnya harus diutamakan, maka kita dapati Belanjawan 2000 ini bahkan belanjawan pada tahun-tahun lepas juga memberikan keutamaan kepada sektor pendidikan yang diperuntukkan sebanyak RM11.37 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM3.695 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan ini merupakan terbesar iaitu kira-kira 20% daripada keseluruhan Belanjawan 2000 dengan Kementerian Pendidikan diperuntukkan RM11.717 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM2.4 bilion perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat luar bandar tidak dilupakan. Selain daripada akan mendapat manfaat daripada sektor-sektor lain sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti daripada aktiviti pendidikan, pertanian, kesihatan dan bahkan sektor perindustrian, masyarakat luar bandar diberikan peruntukan yang besar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu RM350.8 juta bagi perbelanjaan mengurus dan RM868.1 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Saya mewakili masyarakat luar bandar mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan dan kepekaan kerajaan terhadap masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, negara berhadapan dengan pelbagai masalah sosial yang melibatkan semua peringkat umur masyarakat dari kanak-kanak kepada orang dewasa. Kes jenayah, kes penyalahgunaan dadah khususnya di kalangan masyarakat Melayu, kes maksiat, kes penderaan semuanya meningkat. Pelbagai sebab diutarakan Ada yang menyalahkan kerajaan kerana kononnya tidak tegas dalam menguatkuasakan undang-undang dan kononnya menekankan sangat bidang ekonomi dan mengabaikan bidang kerohanian, iaitu pendidikan agama dan moral. Ada yang menyalahkan dasar globalisasi kerajaan yang kononnya tidak menyekat kemasukan budaya kuning. Ada yang menyalahkan ibu bapa, ada yang menyalahkan sekolah. Pendek kata, proses dan gejala salah menyalah ini berterusan tanpa kelihatan akan berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani masalah sosial ini, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM25.3 bilion kepada sektor sosial yang merupakan 32.1% daripada keseluruhan Belanjawan 2000. Sebenarnya kerajaan tidak pernah mengabaikan bidang sosial termasuklah aspek kerohanian. Pelajaran pendidikan Islam dan moral diwajibkan sejak sekolah rendah lagi, bahkan tadika anjuran kerajaan seperti KEMAS memberikan penekanan kepada bidang agama. Pelbagai aktiviti keagamaan dilaksanakan – sekolah agama rakyat dan swasta diberikan bantuan, masjid dan surau digalakkan membuka kelas-kelas agama dan Al-Quran.

Usaha-usaha kerajaan memang belum memadai. Organisasi bukan kerajaan, NGOs dengan izin, swasta, masyarakat sendiri perlu memainkan peranan lebih positif dan perlu ada political will, dengan izin, untuk membantu

kerajaan menangani masalah sosial. JKKK di kampung-kampung perlu lebih proaktif dan merancang dan melaksanakan program dan aktiviti sendiri sesuai dengan keadaan setempat kerana kemungkinan aktiviti dan program yang dirancang di peringkat Pusat tidak sesuai dengan sesebuah kampung, daerah, mukim atau sesuatu masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya yang tidak ada pengetahuan dalam bidang ekonomi dan perekonomian, sama ada belanjawan ini nanti akan mencapai objektifnya atau akan berkesan bukan hanya terletak kepada jumlah peruntukan, tetapi terlebih lagi terletak kepada strategi pelaksanaan dan komitmen dan political will, dengan izin, pelaksana. Dalam banyak hal, dasar dan hasrat kerajaan amat baik dan murni tetapi digagalkan atau seolah-olah seperti tidak berkesan kerana kelemahan pada peringkat penakrifan dasar, penentuan strategi dan pelaksanaannya.

Misalnya, saya difahamkan konsep payung diperkenalkan di Sarawak dalam pembinaan jalan kampung dengan tujuan untuk mengatasi masalah mutu jalan yang berbeza-beza dan dikatakan tidak memuaskan untuk membantu kontraktor F yang dianakpayungkan dari segi kewangan atau modal permulaan dan untuk memberi bimbingan dan latihan kemahiran, tetapi semua ini tidak berlaku. Mutu jalan tidak memuaskan, kontraktor F tidak diberikan bantuan modal pendahuluan dan tidak diberikan bimbingan. Pakar rujuk, consultant, dengan izin, tidak menjalankan tugas dengan berkesan. Semua nampaknya hendak melepas tangan. Akibatnya, wakil rakyat dan kerajaan dipersalahkan. Yang lebih menyedihkan rakyat tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada projek tersebut.

Oleh itu, saya mengalu-alukan pengumuman Menteri Pembangunan Luar Bandar yang mengatakan konsep payung akan diberhentikan. Dalam hal ini, saya berharap Kementerian Pendidikan juga akan mengubah strategi pelaksanaan kerja-kerja pembaikan bangunan sekolah di Sarawak yang pada tahun 1999 diberikan kepada sebuah syarikat sahaja. Saya difahamkan kos kerja-kerja pembaikan tinggi tetapi mutu kerja tidak memuaskan. Kontraktor payung yang dikatakan berwibawa dan sepatutnya memantau kerja-kerja kontraktor anak payung tidak berbuat demikian.

Saya mencadangkan supaya Jabatan Pendidikan Negeri diberikan pengupayaan (empowerment), dengan izin, untuk menjalankan kerja-kerja tersebut yang pada satu ketika dahulu diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dengan baik, bahkan pembinaan rumah guru juga boleh dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah. Dengan bilangan sekolah yang bertambah dan nilai masyarakat sudah berubah menjadikan pengurusan sekolah menjadi lebih kompleks. Jadi amatlah tidak praktikal bagi kementerian untuk mengurus segalanya dari peringkat Pusat.

Kementerian perlu menggunakan strategi *decentralization*, dengan izin, dan memberi kepercayaan dan amanah kepada negeri dan sekolah. Pengupayaan bukan sahaja dari segi pengagihan peruntukan untuk kerja-kerja pembaikan bahkan reka bentuk rumah guru dan bangunan sekolah juga boleh diserahkan kepada negeri agar dapat disesuaikan dengan keadaan setempat, mengapa harus reka bentuk sekolah sama sahaja dari sebuah negeri ke sebuah negeri, dari satu daerah ke satu daerah yang lain, mengapa tidak dipelbagaikan mengikut reka bentuk setempat?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan tentang dasar kementerian dalam mewujudkan sesebuah Pejabat Pendidikan Bahagian dan Daerah bagi Sarawak. Bahagian Samarahan dan Bintulu telah diwujudkan sejak 1 Januari 1987 oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Pendidikan Sarawak telah mula memohon agar Pejabat Pendidikan Bahagian Samarahan dan Bintulu diiktiraf dan diwujudkan sejak 1985 tetapi hingga kini belum diluluskan. Bahkan Jabatan Pendidikan Sarawak telah beberapa kali membuat cadangan agar Pejabat Pendidikan Daerah di Sarawak dinaiktaraf seperti Pejabat Pendidikan Daerah di Semenanjung dengan skel pegawainya dinaikkan kepada DG2. Semuanya belum diluluskan.

Saya ingin tahu apakah sebabnya sedangkan bilangan sekolah di kedua-dua bahagian tersebut sudah besar, lebih besar daripada mungkin sebuah negeri di Semenanjung. Terdapat 173 sekolah rendah di Bahagian Samarahan dan 12 buah sekolah menengah, manakala Bahagian Bintulu mempunyai 47 buah sekolah rendah dan enam buah sekolah menengah selain daripada kawasan yang begitu luas.



Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak lagi yang perlu diperkatakan tentang pendidikan sama ada secara am di Malaysia atau khususnya di Sarawak dan dalam semua aspek terutama bidang kurikulum yang nampaknya banyak dipersoalkan sekarang khususnya prestasi pelajar-pelajar di luar bandar. Mungkin saya akan membicarakannya secara lebih terperinci dalam perbahasan pada peringkat Jawatankuasa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh beberapa perkara lain - Bahasa Melayu baku. Apabila kerajaan mengumumkan baru-baru ini yang bahasa Melayu baku akan dimansuhkan iaitu tidak perlu lagi digunapakai di stesen TV, di radio, dan di sekolah, timbullah pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak. Ekoran daripada reaksi-reaksi itu kerajaan memutuskan Bahasa Malaysia baku hanya digunapakai di sekolah, itu pun cuma pada mata pelajaran Bahasa Melayu.

Persoalannya ialah apakah rasional di sebalik keputusan itu. Apakah yang dihapuskan, Bahasa Malaysia baku atau sebutan baku? Kalau ia pun sebutan baku aspek mana, adakah hanya sebutan huruf 'a' dihujung perkataan yang suku katanya terbuka atau keseluruhan sebutan baku termasuk sistem pengejaan dan sistem penyebutan kata-kata pinjaman.

Kalaulah ini benar, keputusan ini akan mencelarukan penggunaan Bahasa Melayu kerana akan timbul pelbagai sebutan khususnya kata pinjaman. Misalnya, adakah sebutan kata pinjaman 'structure' dalam bahasa Inggeris 's-t-r-u-c-t-u-r-e' atau ejaan Melayunya 's-t-r-u-k-t-u-r' akan disebut 'straktur' atau 'struktur' atau 'structure' seperti bunyi asal bahasa Inggeris. Adakah biology akan disebut 'biyologi' atau 'biyoloji' atau 'bayoloji' seperti sebutan asal bahasa Inggeris.

Kalau mengikut keputusan kerajaan, sebutan baku hanya digunapakai dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, jadi adakah pelajar akan menyebut 'biyologi' dalam kelas Bahasa Melayu dan 'biology' [biyoloji] dalam kelas lain. Alasan bahawa ....

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Tepuk]*

**Puan Sukinam Domo:** Ini tidak ada kena mengena dengan pembangkang ataupun sesiapa, ini keseluruhan pengguna Bahasa Melayu, kerana saya guru Bahasa Melayu dahulu.

Alasan bahawa Bahasa Malaysia baku atau sebutan baku tidak realistik, tidak dipakai dalam perbualan biasa tidak dapat diterima. Sememangnya bahasa standard tidak digunapakai oleh semua penutur dalam perbualan biasa atau tidak formal. Biasanya kita akan menggunakan dialek masing-masing. Tidak semua penutur bahasa Inggeris misalnya, akan menggunakan bahasa Inggeris standard dalam pertuturan harian khususnya perbualan tidak formal, misalnya orang Scottish akan menggunakan dialek Scottish, orang Welsh akan menggunakan dialek Welsh tetapi apabila bertutur dalam situasi formal mereka akan menggunakan bahasa Inggeris standard yang mungkin kadangkala dipengaruhi sedikit oleh loghat daerah.

Tetapi yang pentingnya bahasa standard atau baku itu perlu ada sebagai rujukan, *terms of reference*, dengan izin, dan sebagai faktor penyatuan dan perpaduan pelbagai penutur dari pelbagai kaum. Indonesia mempunyai beratus-ratus dialek tetapi rakyat Indonesia menggunakan bahasa Indonesia dalam situasi formal. Sesuatu bahasa perlu ada peraturan, perlu ada sistem pengejaan dan sistem penyebutan selain daripada tata bahasanya.

Maksud saya sesuatu bahasa perlu ada sistem dan standard yang digunapakai oleh semua penutur dalam situasi rasmi, kalau tidak komunikasi tidak akan berlaku. Misalnya, apa akan terjadi kalau kita dalam Dewan yang mulia ini tidak menggunakan bahasa baku, dengan kami dari Sarawak menggunakan dialek Sarawak, Sabah dialek Sabah, orang Kedah dengan dialeknnya dan orang Kelantan dengan dialeknnya? Bahasa baku dan sebutan baku yang menjadi sebahagian daripada bahasa baku amat perlu dan bahkan perlu diperkemaskan.

Kita masih lagi belum selaras dalam sebutan banyak perkataan atau istilah, misalnya apakah sebutan yang betul bagi negara kita, adakah 'Malaysia' atau 'Malaysia'. Dan banyak lagi contoh lain, 'peka' atau 'peka'? Kalau tidak silap saya Kamus Dewan mengatakan 'peka' dengan e taling bukan e pepet.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah tujuan saya untuk mengajarkan bahasa Malaysia dalam Dewan ini tetapi sekadar menekankan bahawa bahasa baku penting, begitu juga sebutan baku dalam urusan rasmi. Adalah diharapkan kerajaan akan dapat mengeluarkan arahan atau keputusan yang lebih jelas,

lebih profesional berlandaskan ilmu Linguistik agar masyarakat dan pengguna bahasa tidak keliru.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Bahasa Melayu ini, saya ingin menyarankan agar Dewan Bahasa dan Pustaka ...

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari kawasan Bandau minta laluan.

**Puan Sukinam Domo:** Minta maaf! Banyak lagi.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin minta penjelasan, adakah Yang Berhormat sedar bahawa apabila Yang Berhormat sebut perkataan-perkataan tadi mengikut sebutan melalui sebutan yang disyorkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka nanti para pencatat *Hansard* mempunyai masalah. Saya hanya ingin tahu bagaimana mereka akan mencatat dua, tiga jenis sebutan tadi? Adakah Yang Berhormat sedar? Terima kasih.

**Puan Sukinam Domo:** Saya rasa itu tidak ada masalah, saya boleh serahkan nota saya dan biasanya saya ada cara untuk menentukan bunyi itu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang bahasa Melayu ini, saya ingin menyarankan agar Dewan Bahasa dan Pustaka diberikan kuasa yang lebih, kalau boleh kuasa undang-undang untuk membolehkan Dewan Bahasa dan Pustaka menangani penyalahgunaan bahasa Melayu dengan lebih berkesan yang saya dapati amat berleluasa. Mungkin aktiviti ke arah penggunaan dan penghayatan bahasa Melayu perlu dihidupkan semula khususnya di kalangan peniaga dan sektor komersial. Bahkan saya masih mempersoalkan penggunaan bahasa Melayu oleh pramugari dan pramugara MAS, sebab setiap minggu saya datang ke Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sakit juga telinga mendengar sebutan bahasa Melayu dalam kapal terbang. Kadang-kadang nada atau intonasi mereka lebih keinggerisan, walaupun penuturnya orang Melayu. Saya tidak tahu apakah dasar MAS, mungkin sengaja dibuat begitu untuk menyenangkan penutur-penutur bukan Melayu memahami apa yang dikatakan.

**Seorang Ahli Pembangkang:** [*Menyampuk*]

**Puan Sukinam Domo:** Ia tidak mengena dengan UMNO, ini profesional linguistik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang ingin saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Che ng]:** Yang Berhormat Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sedikit sahaja.

**Puan Sukinam Domo:** Minta maaf, masa tidak mengizinkan, saya hendak habiskan, banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang ingin saya bicarakan ialah isu wanita dalam pembangunan negara. Terpaksalah kami wanita menimbulkannya kerana nampaknya kaum lelaki tidak ada menimbulkan isu wanita.

Bukanlah maksudnya kami sexist ataupun racial ataupun apa sahaja. Mengikut statistik yang saya perolehi, wanita merupakan 48% daripada jumlah penduduk Malaysia, kadar celik huruf wanita lebih tinggi daripada kaum lelaki iaitu 96% berbanding 90% pada tahun 1996. Statistik tahun yang sama juga menunjukkan peratusan siswazah wanita lebih tinggi iaitu 54% berbanding dengan kaum lelaki 46%.

Kita ketahui juga prestasi pelajar perempuan dalam peperiksaan awam lebih baik daripada pelajar lelaki. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, bilangan wanita memegang jawatan terkanan masih terlalu sedikit. Misalnya, dalam hampir setiap Kabinet kerajaan negeri cuma ada seorang Exco atau menteri wanita. Belum ada Pegawai Daerah, kalau tidak silap saya, kalau ada bagus, terdiri daripada kaum wanita. Tidak ada wanita menjadi Pengarah Pendidikan Negeri. Satu ketika dahulu ada, tidak ada wakil rakyat wanita dilantik menjadi pengerusi syarikat-syarikat kerajaan atau badan berkanun dan macam-macam lagi. Dalam bidang perniagaan pun wanita tidak ramai dan tidak menyerlah.

Mengapakah keadaan begini berlaku, adakah wanita tidak berkecayaan, adakah wanita tidak cekap, adakah ungkapan mengatakan wanita berkebolehan, wanita *meticulous*, dengan izin, ....

**Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:** Sedikit sahaja!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada seorang yang bangun.

**Puan Sukinam Domo:** Minta maaf, saya hendak habis. Wanita berkelayakan, wanita tiada bezanya dengan kaum lelaki dari aspek intelligence, wanita penting dalam pembangunan negara, hanya merupakan '*lip service*', dengan izin, atau adakah kaum lelaki dan masyarakat masih dikongkong oleh budaya Timur yang menganggap wanita hanya layak di dapur, hanya layak menjadi pengikut.

Ungkapan berbunyi '*behind a man there is a woman*', dengan izin, perlu ditukar. Tidak sepatutnya '*behind*' sekarang, sepatutnya '*beside a man there is a woman*'. Penekanan di sini ialah '*di sebelah*' bukan '*di belakang*'.

Saya berharap kerajaan dan semua pihak benar-benar ikhlas dalam mengakui akan kebolehan wanita dan memberi peluang wanita terlibat sama di barisan hadapan dalam pembangunan negara. Apabila saya mengesyorkan ini, bukan maksudnya saya mengesyorkan supaya kita membelakangkan ajaran agama – tidak! Dalam banyak hal pun sebagai wanita Islam, kita perlu mengutamakan ajaran agama.

Oleh itu, saya memohon agar staf profesional HAWA sebagai jabatan yang menguruskan hal ehwal wanita ditambah, begitu juga peruntukan kewangan untuk membolehkan HAWA menjalankan tugas yang lebih aktif dan berkesan. Kalau kita boleh bandingkan staf HAWA dan peruntukan kewangan HAWA dengan negara-negara lain, kita dapati HAWA memang amat daif. HAWA hanya ada seorang staf profesional, enam orang managerial dan 19 orang staf sokongan, sedangkan negara seperti Australia, New Zealand, Filipina mempunyai lebih 20 orang staf profesional.

Pada tahun 1995 Bangladesh, negara yang kita anggap miskin memperuntukkan RM262.2 juta untuk aktiviti wanita, sedangkan Malaysia cuma memperuntukkan RM3.5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang masalah kemerosotan penghayatan budaya dan adat resam orang Melayu di kalangan anak-anak Melayu dan bahkan orang-orang tua. Saya dapati pelajar-pelajar, walaupun pelajar Melayu dan khususnya di bandar tidak gemar membaca hasil-hasil Sastera dalam bahasa Melayu dan tidak gemar mendengar lagu-

lagu Melayu dan tidak menyukai kesenian Melayu seperti tarian. Adakah ini kerana pengaruh Barat semata-mata atau kerana kita gagal memupuk kecintaan terhadap Sastera dan kesenian Melayu?

Gejala biadab juga sudah menular di kalangan sesetengah remaja dan belia. Nilai hormat, sopan santun, tolak ansur, berterima kasih seolah-olah tidak perlu lagi dalam zaman Internet ini, tetapi gejala ini menular juga di luar bandar yang masih belum kenal Internet.

Apabila kita menyampaikan hadiah atau sumbangan peratusan yang mengucapkan 'terima kasih' sama ada di kalangan pelajar atau orang tua amat rendah, kurang daripada 10%. Adakah budaya 'terima kasih' itu tidak ada dalam budaya kita, tidak ada dalam perbendaharaan kata kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat banyak lagi?

**Puan Sukinam Domo:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

**Puan Sukinam Domo:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batang Sadong, sila sambung.

**2.32 ptg.**

**Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbincangan pagi tadi dengan mengulangi beberapa ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang masalah kemerosotan penghayatan budaya dan adat resam orang Melayu khususnya di kalangan anak-anak Melayu dan bahkan orang-orang tua. Saya dapati pelajar-pelajar walaupun pelajar Melayu dan khususnya di bandar tidak gemar membaca novel dalam bahasa Melayu dan tidak gemar mendengar lagu-lagu

Melayu dan tidak menyukai tarian Melayu. Adakah ini kerana pengaruh Barat semata-mata atau kerana kita gagal memupuk kecintaan terhadap sastera dan kesenian Melayu. Gejala biadap juga sudah menular di kalangan setengah-setengah remaja dan belia. Nilai hormat, sopan-santun, bertolak-ansur, berterima kasih seolah-olah tidak perlu lagi dalam zaman Internet ini tetapi, Tuan Yang di-Pertua, gejala ini menular juga di luar bandar yang masih belum kenal apa erti Internet. Apabila kita menyampaikan hadiah atau sumbangan, peratusan yang mengucap terima kasih, sama ada di kalangan pelajar atau orang tua amat rendah, kurang daripada 10%, seolah-olah hadiah dan sumbangan itu merupakan hak dan oleh itu tidak perlu mengucapkan terima kasih.

Kita perlu melakukan sesuatu, kalau tidak, kita akan kehilangan budaya dan kesenian yang kita hargai dan perlukan dalam hidup bermasyarakat demi keharmonian masyarakat. Aktiviti budaya perlu dipertingkatkan bukan hanya untuk menarik pelancong tetapi yang lebih penting lagi untuk dipupuk dan dihayati oleh anak tempatan agar jangan sampai kita dikatakan orang masyarakat tidak berbudaya dan tidak bertamadun. Kegiatan seperti drama, deklamasi puisi, perbincangan novel, kesenian tempatan misalnya, perlu dipertingkatkan di semua peringkat di institusi pendidikan, baik sekolah rendah atau IPTA atau IPTS bahkan di peringkat kampung dan rumah panjang. Semua pihak khususnya pertubuhan dan persatuan belia...

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** *[Bangun][Mengetuk pembesar suara]* Tuan Yang di-Pertua, minta....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Puan Sukinam Domo:** Minta maaf, saya hendak habiskan.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** ....penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Puan Sukinam Domo:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habiskan. Semua pihak khususnya pertubuhan dan persatuan belia dan budaya selain daripada kerajaan dan agensinya perlu bersama-sama mengemblengkan tenaga dan idea demi keutuhan martabat dan budaya bangsa. Dalam hal ini kerajaan bolehlah membantu pertubuhan dari segi

sumber kewangan kerana biasanya persatuan kesenian dan kebudayaan dan persatuan belia di kampung dan daerah tidak mempunyai sumber kewangan. Pemimpin-pemimpin di peringkat kampung khususnya di luar bandar perlu diberikan latihan kepimpinan, latihan merancang serta melaksanakan aktiviti atau program kebudayaan dan kesenian yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sekiranya ada kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, saya percaya masalah sosial dan masalah kemerosotan pengamalan peradaban dan budaya Melayu dapat dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan seratus peratus kerana sememangnya mustahil bagi kita hendak mengatasi semua masalah seratus peratus selagi kita makhluk Tuhan dipanggil manusia yang bersifat alfa. Apa yang penting kita berusaha, semoga usaha kita direstui dan diberkati Allah S.W.T.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Cheras.

### **2.35 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Dewan yang mulia ini masih belum lupa tarikh 19 April 1999 apabila sekumpulan 2,000 pekerja ladang berpiket secara aman di depan Bangunan Parlimen untuk menuntut majikan ladang mereka melaksanakan sistem gaji bulanan kepada 200,000 pekerja ladang seluruh negara. Bersempena piket itu bekas Ahli Dewan Rakyat bagi Teluk Intan, M. Kulasegaran telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 18(1) di Dewan ini untuk meminta Dewan membincangkan masalah yang dihadapi pekerja-pekerja ladang tetapi usul itu ditolak kerana menurut Tuan Yang di-Pertua tuntutan pekerja-pekerja ladang telah lama wujud dan dengan itu tidak mendesak atau tidak ada urgency untuk dibahaskan dengan segera. Malangnya sehingga kini masalah tuntutan gaji bulanan minimum dan kemudahan kehidupan yang lebih baik seperti perumahan masih belum selesai dan masih merupakan isu paling mengecewakan para pekerja ladang. Sehingga NUPW atau National Union of Plantation Workers mengancam untuk mengadakan piket pekerja ladang di seluruh negara pada 9 dan 10 Mac akan datang, maka barulah Menteri Kerja Raya, Menteri Sumber Manusia, Persatuan Majikan Ladang (MAPA) pada prinsipnya bersetuju untuk melaksanakan sistem gaji



bulanan minimum untuk pekerja mereka dan itu pun memerlukan masa untuk kajian lanjut.

Tuan Yang di-Pertua, persetujuan ini pun bunyinya dicapai setelah desakan Kabinet setelah mengetahui NUPW dan pekerja akan melancarkan piket sekali lagi. Jika NUPW masih bersikap lembut dan tunggu sahaja dan tidak ada rancangan untuk berpiket, saya rasa masalah tuntutan pekerja ini senyap dan sunyi sahaja. Soalnya, bolehkah dipercayai kata-kata manis menteri-menteri dan MAPA untuk melaksanakan sistem tersebut dalam waktu yang dekat. Memanglah agak sukar untuk dipercayai janji-janji tersebut kerana pengalaman pekerja-pekerja yang selama ini tertindas berpuluh-puluh tahun, sudah masak dengan janji kosong para pemimpin. Dalam setiap Pilihan Raya Umum termasuk yang akhir disebabkan kebimbangan terhakis sebahagian besar sokongan kaum India, Menteri Kerja Raya merangkap Presiden MIC berjanji untuk menunaikan hasrat pekerja ladang untuk memberi gaji bulanan dari RM900 hingga RM1,000; berjanji untuk menyediakan kemudahan asas kepada semua ladang serta skim perumahan kos rendah untuk mereka. Selepas pilihan raya janji itu dilupakan. Bila datang pilihan raya timbul lagi. Janji manis ini semata-mata untuk memastikan sokongan pekerja ladang kepada calon-calon BN tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tiga dekad, Ahli-ahli Parlimen DAP telah menyuarakan perjuangan kaum pekerja di Parlimen termasuk nasib yang menimpa pekerja-pekerja ladang....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat. Ada yang bangun di belakang sebelah kanan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Mungkinkah janji-janji seperti ini akan berulang lagi menjelang pilihan raya di kawasan Sanggang yang akan datang ini?

**Tuan Tan Kok Wai:** Mestilah. *[Menyemak nota]* Mana saya. ....menimpa pekerja-pekerja ladang supaya mereka diberikan hak yang adil seperti tuntutan RM750 gaji bulanan minimum dan penyediaan rumah untuk pekerja yang sempurna tetapi tuntutan itu tidak menjadi agenda utama BN kecuali pada masa pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, indeks kualiti hidup di Malaysia telah meningkat baik dalam bidang pendidikan, pendapatan, pengagihan, kehidupan keluarga, kesihatan, pengangkutan, komunikasi, penyertaan sosial, perumahan dan persekitaran kerja. Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 menyebut indeks telah meningkat bagi tempoh 1980 hingga 1998 daripada 86.2 mata kepada 105.7 mata tetapi apa yang terjadi kepada pekerja ladang dan keluarga mereka. Gaji sebenar atau real wages yang diperolehi oleh pekerja ladang masih tidak berubah. Pada tahun 1968 iaitu 32 tahun yang lalu, gaji harian pekerja ladang ialah RM3.10 dan gaji sebenar mereka juga RM3.10 tetapi gaji harian pada tahun 1999 ialah RM11.50 dan gaji sebenar mereka cuma RM3.30 sahaja kalau dibanding dengan tahun 1968 kerana indeks harga pengguna dalam tahun 1999 ialah 348%. Di manakah keadilan?

Para pekerja ladang yang menjadi tulang belakang industri ladang teraniaya bertahun-tahun lamanya. Bukan sahaja MAPA patut dipersalahkan tetapi pemilik-pemilik ladang, pemegang-pemegang ekuiti terbesar saham ladang yang patut dipertanggungjawabkan. Malah, parti-parti komponen Barisan Nasional juga tidak boleh mengelak diri, misalnya Amanah Raya Berhad, Skim Amanah Bumiputera memegang 51.2% saham dalam Guthrie Malaysia, diikuti Perbadanan Nasional Berhad (PNB) 19% dan KWSP 5%. Bagi Golden Hope Plantation, Amanah Raya nominees memegang hampir 60%, PNB 10% dan untuk Sime Darby, Amanah Raya nominees memegang hampir 28%, PNB 8%, KWSP 5.5%. Semua pemegang saham utama syarikat-syarikat perladangan adalah syarikat tersenarai di BSKL dan kerajaan mempunyai kawalan langsung ke atas syarikat-syarikat itu tetapi MAPA dan NUPW sahaja selalu dipersalahkan bila perundingan gaji gagal mencapai kata sepakat.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) yang pertama pada tahun 1990 menyarankan dalam laporan mereka bahawa pekerja ladang telah memberi sumbangan yang besar kepada kekayaan negara tetapi mereka dibayar gaji yang rendah mengikut sistem gaji harian. Syarikat ladang haruslah mengubah cara mengikut laporan MAPEN - syarikat ladang haruslah mengubah cara bayaran gaji kepada sistem gaji bulanan dengan kadar yang lebih baik supaya dapat menarik lebih ramai tenaga buruh

tempatan terutama golongan belia menganggur untuk bekerja di ladang. Walau bagaimanapun, soal penetapan sistem gaji adalah satu masalah besar dan hendaklah dikaji semula supaya pekerja ladang memperolehi pendapatan yang munasabah berbanding dengan tenaga yang dicurahkan. Antara masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang termasuklah:

- (i) kaedah bayaran gaji harian di ladang didapati tidak memuaskan dan menjadikan pendapatan pekerja tidak menentu;
- (ii) pendapatan pekerja tidak bertambah dengan sewajarnya walaupun pendapatan syarikat ladang telah meningkat;
- (iii) di kebanyakan ladang kehidupan pekerja tidak selesa kerana keadaan rumah terlalu kecil dan kekurangan kemudahan asas seperti tandas, bekalan air dan elektrik;
- (iv) keadaan kesihatan pekerja mudah terjejas kerana penggunaan racun, bekalan air tercemar, kekurangan zat makanan dan kekurangan kemudahan kesihatan yang tidak mencukupi.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Bolehkah? Cheras ini memang baiklah. Saya hendak bertanya dengan apa yang diperkatakan tadi – tentang tuntutan oleh MAPA terhadap gaji bulanan dan juga kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan di ladang-ladang. Bukankah Yang Berhormat lihat dalam laporan akhbar baru-baru ini dan juga laporan media massa bahawa tuntutan MAPA ini telah dapat keputusan dari Kabinet bahawa gaji bulanan akan diberikan. Soal perundingan antara kerajaan dengan MAPA tentang gaji yang diminta, saya fikir peringkat awal untuk memberikan gaji bulanan itu telah dipenuhi. Jadi, apa lagi yang tidak puas hati? Kemudahan asas pihak ladang telah memberikan dengan baik. Saya tahu bahawa saya dahulu pernah bekerja sebagai salah seorang pengurus di PNB dan saya tahu bagaimana

charity – kebajikan itu diberikan keutamaan kepada pekerja-pekerja ladang ini, YB?

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya memang bersetuju tetapi apa Yang Berhormat bagi Bagan Datoh juga harus bersetuju dengan saya ialah janji seperti itu telah pun dibuat berpuluh-puluh kali dan kali ini hanya dipersetujui 'in principal', secara prinsip sahaja dan belum ada apa-apa keputusan yang mutakhir, yang tetap diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah laporan MAPEN ini dikemukakan kepada kerajaan, apakah yang kerajaan lakukan, tidak ada susulan, tidak ada pelaksanaan. Gaji harian pekerja ladang masih sekitar RM11.00 dan dalam sebulan mereka hanya mendapat lebih kurang RM350 sahaja. Saya ingin bertanya adakah kerajaan mahu menyaksikan lagi tunjuk perasaan, piket oleh pekerja-pekerja ladang seluruh negara seperti yang berlaku pada 19 April 1999 di depan Bangunan Parlimen dan mogok seluruh negara seperti dalam tahun 1990 selama empat hari yang menjejaskan sektor perladangan negara. Jika tidak mahu, kerajaan hendaklah memastikan bahawa segala perundingan tentang gaji bulanan minimum pekerja ladang dan ladang faedah yang dituntut oleh mereka serta hasrat mereka untuk mendapat kemudahan perumahan dan sosial ekonomi yang sempurna hendaklah dikotakan seberapa segera. Tidak perlu memakan masa lagi yang pada akhirnya pekerja ladang masih menunggu dan menunggu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara lain di sini iaitu soal penternak-penternak babi di seluruh negara yang mengalami dilema yang besar, 'mengecewa' dan menderita akibat wabak virus nipah. Ekoran pemusnahan lebih daripada 1 juta ekor babi di 6 buah negeri yang dijangkiti oleh wabak virus itu di mana 945 ladang, baik kecil atau besar babi-babi yang dijangkiti virus nipah dimusnahkan, pada masa kini mereka yang terlibat sedang mengalami kehidupan yang memang menyedihkan dan satu masa depan yang muram kerana kebanyakan mereka masih hilang mata pencarian, hilang pekerjaan, hilang perniagaan, hilang nafkah mereka.

Saya difahamkan daripada satu janji yang dibuat oleh pihak kerajaan pada bulan Ogos yang lalu bahawa setiap ekor babi yang dimusnah itu akan diberikan pampasan ehsan atau suguhati sebanyak RM50 dan pada September

tahun yang lalu kadar ini dinaik kepada RM120 seekor tetapi aduan yang saya terima pada masa kini ialah di seluruh negara di kalangan semua ladang-ladang babi yang terlibat belum lagi seorang penternak telah pun menerima pampasan ehsan itu sekadar RM120 seekor pun. Dan di Negeri Sembilan di mana terdapat terbanyak sekali ladang-ladang babi itu yang melebihi 600 ladang, mereka juga tidak seorang pun penternak yang pernah mendapatkan bantuan wang yang dijanji oleh kerajaan di mana seekor babi diberi pampasan ehsan RM120.

Di Negeri Sembilan, negeri itu telah pun selepas tragedi atau mala petaka virus nipah, negeri itu telah pun digazet menjadi satu negeri di mana penternakan babi diharamkan. Dan penternak-penternak, pekerja-pekerja mereka, ahli-ahli keluarga mereka sekarang berada dalam satu keadaan yang paling susah dan mereka masih menunggu pampasan sampai ke tangan mereka tetapi sungguhpun pada minggu yang lalu apabila Timbalan Menteri Pertanian menjawab satu-satu soalan di Dewan ini, beliau juga mengulangkan janji kerajaan. Mengapakah melebihi 6 bulan sekarang, masih belum dibayarkan kepada penternak-penternak mengikut kadar yang baru iaitu RM120.

Apakah masalah di pihak Kementerian Kewangan, adakah janji itu akan dikotakan atau akan dihadapkan untuk kajian semula? Satu masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak, jika mereka dibayarkan seekor babi yang dimusnahkan dengan RM120 pun, saya difahamkan RM120 ini hanya dibayar kepada ladang-ladang yang kecil yang mempunyai jumlah atau bilangan babi yang tidak melebihi 2000 ekor dan ladang-ladang yang dianggap besar di mana bilangan babinya melebihi 2000 ekor tidak akan diberi pampasan mengikut kadar tambahan ini. Yang melebihi 2000 akan diberikan pampasan mengikut kadar lama iaitu RM50, adakah ini benar? Dan jika benar saya ingin menimbulkan satu persoalan di sini, ini merupakan satu ketidakadilan kerana saya ingin memaklumkan kepada kerajaan bahawa satu hakikat yang mungkin tidak disedarkan iaitu di Negeri Sembilan misalnya ada 95 ladang ternakan babi yang dianggapkan sebagai ladang besar yang mempunyai bilangan babi melebihi 2000 ekor tetapi apa yang benar ialah di ladang-ladang yang dianggap besar itu, ladang-ladang ini, kebanyakannya

bukan dimiliki tunggal tetapi dimiliki oleh ramai ahli kongsi atau pemegang saham. Misalnya daripada 95 ladang yang besar itu 43 iaitu di Negeri Sembilan, 29 yang terbesar sekali syarikat itu mempunyai 143 pemegang saham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sekejap nanti. Atau pada puratanya setiap orang pemegang saham hanya memiliki lebih kurang 1,840 ekor babi iaitu adalah dibawah tahap 2000.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Agak lama juga Yang Berhormat mengambil masa kita dalam Dewan yang mulia ini untuk membawa isu babi. UMNO dalam kerajaan tidak menolak bahawa pertanggungjawaban MCA dalam kerajaan untuk membela masyarakat Malaysia daripada kaum Tionghua, tidak menolak. Tetapi pada ketika itu sebelah sana yang mengkritik kita, kata-kata pujangga bahawa Badawi diarah menjaga unta, Badawi di Malaysia ini lain pula yang dijaga, saya malas hendak sebut perkataan itu sebab menghormati Ketua Pembangkang tetapi dia tahulah apa maknanya. Sebab dia di hadapan tidak mahulah sebut tetapi dia faham apa maksud saya. Tetapi mengkritik UMNO pada ketika itu berdiam kerana konon-kononnya membiarkan MCA menguasai kerajaan membantu orang Tionghua ini membela masalah mereka dari segi pemeliharaan babi. UMNO tidak menolak, pada ketika itu yang menolak, yang mengkritik kerasnya PAS tetapi sekarang ini sudah jadi tidur sebantol ini lain cerita sudah, sehinggakan di Terengganu pun orang kata dalam rumah pun sudah bagi sudah.

**Seorang ahli:** Soalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kerajaan Terengganu sudah dibenarkan. *[Disampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Cukuplah. Mana soalan?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya minta penjelasan, adakah ini satu .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia membuang masa saya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat bagi saya .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Cukuplah. Jangan bercerita di sini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak meminta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apabila saya menimbulkan soalan panjang, soalan saya dibunuh, sekarang bagaimana?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau Yang Berhormat seorang yang demokrat .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membenarkan lagi, dia kacau sahaja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau Yang Berhormat yang ahli demokrat.....

**Tuan Tan Kok Wai:** *It's another form of harassment*, bukan, gangguan, gangguan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau Yang Berhormat ahli yang demokrat, bagilah saya habis penjelasan saya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah kritikan dari pihak PAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, biarlah. Yang Berhormat bagi Cheras, sila teruskan. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Jawablah, takut kepada Ketua Pembangkangkah?

**Tuan Tan Kok Wai:** Pembelaan rakyat haruslah di .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rompin. Sila, teruskan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Pembelaan rakyat haruslah berasaskan prinsip keadilan dan kesaksamaan. Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang agak besar itu ditubuhkan kerana mereka mempunyai visi yang cukup maju kerana mereka menggabungkan usaha dan tenaga mereka dan juga keupayaan mereka untuk membesarkan operasi mereka dan pada akhirnya faedah-faedah yang diperolehi adalah baik untuk negara. Kerana dengan operasi yang lebih besar keberkesanan yang maksima dapat dicapai dan juga .....

**Dato Goh Siow Huat:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun seorang lagi di belakang.

**Tuan Tan Kok Wai:** Cukuplah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan atau tidak?

**Dato Goh Siow Huat:** Takut MCA.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dan cukup untuk membolehkan mereka bersaing dalam suasana pasaran dunia kerana satu faktor yang tidak boleh dinafikan ialah pengeksporth-pengeksporth daging babi daripada Malaysia ke luar negeri dapat menghasilkan keuntungan pertukaran asing lebih kurang RM400 juta setahun. Apa yang diuntungkan oleh negara daripada sektor ini adalah memang substantial, setiap tahun dan adalah tidak munasabah jika kerajaan tidak memandang berat dan membantu ladang-ladang yang besar yang mempunyai ramai pemegang saham. Saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya tidak mengehadkan tambahan RM70 itu ditawarkan juga kepada ladang-ladang yang mempunyai ternakan babi melebihi 2000 ekor, ini adalah satu pertimbangan yang cukup munasabah.

Dan satu perkara lagi berhubung perkara yang sama, saya ingin bertanya kerajaan juga, sebab pada masa wabak nipah masih ditahap yang merbahaya kerajaan membenarkan 3 atau 4 buah syarikat loteri untuk mengadakan cabutan khas supaya mengutip derma daripada keuntungannya untuk didermakan kepada semua peladang-peladang ternakan babi tetapi sehingga sekarang sudah melebihi satu tahun cabutan undi ini diadakan kami belum tahu lagi berapakah, macam mana cabutan khas loteri itu, apakah jumlah hasilnya, apakah jumlah keuntungannya, macamana keuntungannya dapat diedarkan kepada penternak-penternak dan adakah satu akaun terbuka, audit yang dapat ditunjukkan, dibentangkan untuk kepentingan orang ramai, untuk pengetahuan orang ramai. Silakan Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ya, terima kasih. Mengenai isu pampasan ehsan kepada para penternak babi, adakah Yang Berhormat bagi Cheras sedar bahawa kalau mengikut saiz ladang, terdapat sebanyak 849 ladang yang mana jumlah babi adalah di bawah 2,000 dan terdapat juga 97 ladang yang di mana jumlah babi itu melebihi 2,000. Ini bermakna bahawa mengikut formula yang telah ditetapkan oleh kerajaan, 97 ladang besar itu tidak dibayar mengikut satu formula yang munasabah dan kalau kita lihat daripada jumlah seekor yang telah dibayar, ini bermakna bagi saiz ladang kecil, jumlah khinzir yang



terdapat pada masa wabak virus itu adalah 500,179 tetapi bagi lada ng besar itu walaupun angkanya kecil - 97, jumlah khinzir adalah 573,778.

Jadi, ini adalah bermakna bahawa banyak babi yang telah dimusnahkan itu tidak dibayar dengan pampasan yang berpatutan dan sekiranya kerajaan..., adakah Yang Berhormat bagi Cheras setuju sekiranya kerajaan bayar RM120 ke semua jumlah babi yang telah dimusnahkan. Ini cuma melibatkan sebanyak mungkin RM20 juta sahaja dan ini adalah satu figure yang chicken feet memandangkan kerajaan mempunyai wang untuk membayar Indah Water Konsortium (IWK) RM200 juta. Jadi, saya harap minta sedikit komen.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, pandangan Yang Berhormat bagi Kota Melaka paling baik dan membina. *[Ketawa]* Saya terima keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, ya, maka cabutan khas loteri ini harus diumumkan secara terbukanya dan juga satu lagi kempen pungutan derma yang dilancarkan oleh MCA. Difahamkan RM30 juta dikutip daripada rakyat Malaysia, pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan sebagainya tetapi ramai penternak membayangkan kepada kami bahawa mereka terkeliru dan tidak puashati kerana tidak juga satu akaun yang telus, satu akaun .....

**Tuan Thong Fah Chong:** *[Bangun]*

**Dato' Goh Siow Huat:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....yang terbuka untuk pengetahuan orang ramai, khasnya mereka yang membuat derma dan juga ada ramai penternak yang ada membuat aduan bahawa pengedaran dan pengagihan, pembahagian .....

**Tuan Thong Fah Chong:** Minta laluan.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....derma-derma yang dikutip oleh MCA itu tidak dibahagikan secara adil dan saksama, maka ini pun .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....perkara ini juga menyoalkan integriti .....

**Dato' Goh Siow Huat:** Minta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** .....siapa itu?

**Dato' Goh Siow Huat:** Minta penjelasan.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya akan habiskan ayat ini sebelum jalan diberi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Tan Kok Wai:** ...maka, saya – ini integriti MCA adalah dipersoalkan dan saya harap pihak di sana dapat memberikan satu jawapan yang memuaskan hati, menyeluruh dan kalau tidak dapat di Dewan yang mulia ini di luar Dewan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya Penampang.

**3.04 ptg.**

**Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dalam perbahasan terhadap pembentangan semula Belanjawan 2000 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25 Februari 2000.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakyat Malaysia kerana memberi mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional mentadbir negara kita dengan majoriti dua pertiga dalam pilihan raya yang lepas. Ini menunjukkan kematangan rakyat dalam menilai dan memutuskan masa depan walaupun dalam keadaan tertekan semasa kita masih menghadapi krisis ekonomi yang melanda negara kita semasa pilihan raya itu diadakan.

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan satu belanjawan menyeluruh yang tidak membebankan rakyat dengan strategi yang konsisten iaitu dengan memantapkan pertumbuhan ekonomi, mengukuhkan daya saing dan daya tahan negara menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan, memantapkan sektor pertanian dan sumber manusia serta meneruskan agenda sosial negara dan penjagaan alam sekitar.

Belanjawan yang sama dibentangkan sebelum pilihan raya menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam menangani krisis ekonomi

yang melanda negara kita. Banyak petanda-petanda seperti rizab negara yang menjangkau lebih RM34 bilion dan lima, enam hari yang lepas dalam surat khabar melaporkan, Malaysia merupakan negara kedua selepas Taiwan di Asia yang menjadi favourite investment dengan izin, kepada fund managers yang ekonomi kita sudah pulih sepenuhnya dan mengulangi kecemerlangan pertumbuhan ekonomi yang tiada bandingnya.

Saya ingin berbahas secara umum banyak berkisar kepada penyertaan rakyat dalam pembangunan. Kalau kita lihat soal pokok mengenai pembangunan secara menyeluruh, kita akan tanya satu soalan, untuk siapa pembangunan itu, dengan izin, net beneficiary pembangunan atau penerima baik buruknya pembangunan itu adalah manusia itu sendiri, maka aspek pembangunan insan harus sentiasa diambil kira dalam semua keputusan yang kita ambil dalam sebarang pembangunan sejajar dengan Wawasan 2020, di mana kita akan bentuk bangsa Malaysia dengan identiti Malaysia menggunakan acuan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Menteri Pembangunan Usahawan kerana dalam tempoh tiga bulan, beliau telah pun menjelajah seluruh negara untuk mendapat taklimat dan feed-back dari jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta badan-badan swasta serta peniaga-peniaga kecil, sederhana dan korporat yang besar. Tidak dinafikan lagi sumbangan besar ahli-ahli perniagaan ini terhadap pemulihan ekonomi negara.

Saya tertarik dengan strategi kementerian dalam menghasilkan usahawan dan meningkatkan lagi keusahawanan usahawan kita. Memang terdapat pendekatan jangka pendek, jangka panjang di samping organisasi sokongan kerajaan yang sedia ada. Hanya dalam pendekatan ini harus mengambil kira penyertaan sepenuhnya peniaga-peniaga kecil terutama sekali para penjaja.

Seseorang itu tidak boleh menjadi seorang usahawan dalam masa yang singkat kerana mereka ini perlu melalui proses mental dan fizikal yang rumit. Ada yang percaya bahawa usahawan itu sedia terlahir tetapi sebenarnya mereka ini telah melalui proses pendedahan kepada keusahawanan melalui keluarga usahawan ataupun usahawan-usahawan yang lain.

Saya melihat para penjaja dan peniaga kecil yang lain sebagai satu sumber tenaga pengajar semulajadi yang besar. Dianggarkan terdapat lebih 1 juta penjaja sahaja di seluruh negara, maka di samping meneruskan pengimplementasian program-program yang sedia ada, wajarlah bagi kementerian untuk memberi perhatian yang lebih dekat mengenai sokongan kita kepada para penjaja dan peniaga kecil yang lain kerana terdapat rungutan dari para peniaga kecil. Dari rungutan-rungutan daripada peniaga kecil dan penjaja ini, maka saya cadangkan supaya kementerian membantu dalam pentadbiran persatuan-persatuan yang sedia ada dan membuka dialog, perbincangan serta perancangan mengikut permuafakatan semua pihak yang terlibat. Dengan anggaran perbelanjaan Kementerian Pembangunan Usahawan lebih RM1 bilion yang mana 75% diperuntukkan kepada Majlis Amanah Rakyat.

Saya memohon supaya lebih perhatian diberi kepada negeri Sabah yang mana begitu jauh ketinggalan dalam pembangunan keusahawanan ini. Kali ini Setiausaha Parlimen datang dari Sabah mungkin kerana kesedaran ataupun kebetulan tetapi ini telah memberi harapan kepada rakyat Sabah terutama sekali bumiputera dalam segi keusahawanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita amat bertuah kerana tidak mengalami malapetaka yang serius seperti banjir yang terdapat di Mozambique, yang sudah menjadi krisis kemanusiaan. Di negara lain seperti China dan Bangladesh, masalah banjir ini tidak dapat diselesaikan kecuali dengan memindahkan penduduk-penduduk yang terlibat dengan menyediakan kawasan perumahan untuk mereka.

Di Malaysia saya difahamkan, kita memerlukan sekurang-kurangnya RM50 bilion untuk menyelesaikan masalah banjir, juga dianggarkan kerosakan harta benda lebih RM100 juta setiap tahun akibat banjir. Kalau kita lihat jumlah kerosakan harta benda ini, ini hanya merupakan sebahagian sahaja kerugian yang dialami akibat banjir. Ada lagi kerugian jangka panjang yang lebih besar seperti insecurity dengan izin, yang menimbulkan keadaan suasana tertekan.

Perkara penggunaan tanah dan pembangunan-pembangunan lain di mana tanah akan dibiarkan hasil dari ketidaktentuan keadaan. Singkatnya,

ianya juga akan menurunkan produktiviti individu dan kawasan yang terlibat, maka dalam jangka masa panjang wajarlah kerajaan untuk menambah lebih peruntukan untuk menangani masalah banjir ini kerana ini merupakan satu pelaburan meningkatkan ekonomi melalui penggunaan tanah dan sumber manusia dengan lebih produktif.

Saya juga mohon kepada Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Pertanian dan perikanan supaya membuat penyenaian projek mengikut kesegeraan dan keutamaan. Di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian mengenai penyelesaian masalah banjir di daerah Penampang dan sebahagian kawasan Bandaraya Kota Kinabalu kerana pada Disember tahun 1998, telah mengalami banjir yang paling besar berlaku dan meragut empat nyawa. Bilakah projek-projek ini dilaksanakan memandangkan keperluan penyegeraan penyelesaian masalah banjir yang sudah tentu akan bertambah besar berdasarkan pembangunan yang amat pesat sedang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin beri perhatian kepada pembangunan sumber manusia dari segi jangka masa span productivity individu di Malaysia dan keprihatinan kita kepada golongan warga tua. Kalau kita lihat negara maju, rakyat mereka dari usia muda lagi sudah mula menyumbang tenaga kepada negara mereka, malah terdapat belia belasan tahun sudah menjadi jutawan. Ini berlaku hasil daripada mindset dengan izin, kebudayaan dan kepercayaan kepada anak-anak muda untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat.

Kerajaan boleh memainkan peranan dalam soal ini jika kita boleh menerima hakikat bahawa anak muda sekarang sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab yang lebih berat. Ini akan melibatkan semua jentera kerajaan dan bukan kerajaan setelah perbincangan menyeluruh melibatkan semua bidang dan kumpulan-kumpulan yang lain.

Saya cadangkan supaya perkara ini dibincang dengan lebih mendalam lagi dalam mesyuarat-mesyuarat kerajaan dan bukan kerajaan seperti MAPEN II yang sedang berjalan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seminggu lalu saya menonton satu program di TV3 mengenai kumpulan dinamakan *Community Link* yang mana golongan

warga tua berumur lebih 60 tahun berkumpul, bertukar-tukar fikiran dan menyumbang tenaga kepada masyarakat. Kumpulan ini berkata, mereka gembira dapat menyumbang tenaga dan taraf kesihatannya begitu baik sekali kerana kehidupan mereka yang lebih aktif. Mungkin kumpulan ini lebih berkemampuan dari warga tua kita di kampung, desa yang daif dan dalam keadaan sungguh menyedihkan.

Ini bukan bermakna kerajaan tidak prihatin kepada ibu bapa kita ini, nenek-nenek, datuk-datuk, pak cik-pak cik kita ini tetapi memang perlu lebih perhatian harus ditumpukan kepada mereka. Pokoknya kita mahu golongan warga tua ini diberi perhatian lebih serius dan membantu mereka supaya lebih produktif dan menyumbang tenaga terus kepada negara. Saya menyokong penuh cadangan kerajaan untuk menaikkan had umur persaraan kepada 58 tahun malahan 60 tahun lebih tepat bagi saya kerana *life expectancy*, dengan izin yang lebih tinggi di negara kita sekarang.

Saya juga mencadang supaya semua rakyat Malaysia berumur 60 tahun ke atas diberi bantuan RM100 sebulan atau jumlah yang munasabah selaras dengan garis panduan yang sedia ada, secara automatik kecuali mereka yang masih menerima sumber kewangan yang tetap seperti gaji dan pensyen. Cadangan ini atas rungutan dari penduduk kampung yang mengadu terdapat ketidakadilan dalam pengagihan bantuan ini. Di Sabah pernah dilaksanakan bantuan seperti ini. Jadi, saya fikir ini boleh kita laksanakan. Saya penuh yakin dengan ekonomi kita yang sudah pulih, cadangan ini boleh dilaksanakan dan akan memantapkan lagi masyarakat kita dari keprihatinan kepada warga tua dan penambahan sumbangan tenaga manusia.

Di Sabah, keputusan pilihan raya yang lepas telah menunjukkan bahawa rakyat terutama sekali kaum Kadazandusun telah memilih untuk pembangunan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Pusat kerana memberi kepercayaan kepada pemimpin-pemimpin dan kakitangan-kakitangan kerajaan dari Sabah menjawat jawatan penting kerajaan. Namun masih terdapat kekurangan dari segi pentadbiran dan pengimplementasian projek-projek pembangunan kerajaan dari jabatan atau agensi-agensi Persekutuan yang mengakibatkan keadaan di mana ada rasa peminggiran ataupun *marginalization*, dengan izin. Saya memohon supaya kerajaan

memberi lebih banyak peluang kepada anak watan Sabah menjawat lebih banyak jawatan Kerajaan Persekutuan kerana mereka lebih faham suasana berbilang kaum di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi berdasarkan prinsip penerima baik buruknya pembangunan itu adalah kita, manusia itu sendiri. Saya memohon kepada semua pihak yang merancang dan menentukan pembangunan dalam mana-mana aspek pun supaya sentiasa mengambil kira dan mementingkan pembangunan insan dalam pembangunan. Saya kali ini setuju dengan pendapat daripada - walaupun dalam pembangkang, dari Parit Buntar. *[Tepuk]* Biarlah dia satu cadangan yang positif. Manusia boleh menerima perubahan dan menyesuaikan diri terhadap sekeliling asalkan perubahan itu tidak bertentangan dengan agama, prinsip dan kepercayaan mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ahli baru dalam Dewan yang mulia ini, saya amat sedih dan kesal melihat beberapa Ahli Yang Berhormat yang menggunakan Dewan yang mulia ini untuk mengeluarkan hujah-hujah politik yang tidak berasas dan langsung tidak berkaitan dengan perkara yang sedang dibahaskan. Saya harap biarlah kritikan itu membina demi perpaduan negara kita Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah, pertanyaan dan cadangan-cadangan yang saya ketengahkan tadi, saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli, Jeli. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai lagi Yang Berhormat hendak berucap.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli, Jeli lama dah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita hanya ada sehari sahaja, esok ya. Oleh yang demikian kita pendekkan sedikit ucapan masing-masing. Bolehkah sekiranya saya minta Yang Berhormat berucap 15 minit. Boleh tak?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Bolehlah, boleh.

**Seorang Ahli:** Siapa ni?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh, baguslah ya. Kalau sekiranya kita tidak boleh, susahlah nanti ada orang yang tidak puas hati. Jadi, saya harapkan kita faham dalam mana-mana Dewan dan mana-mana Parlimen

sekalipun, tidak boleh kesemuanya berucap. Tidak pernah ada. Yang Berhormat daripada .....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jeli.

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut, ya.

**3.20 ptg.**

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Larut?

Terima kasih. *[Ketawa]* Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** 15 minit Yang Berhormat ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Insya -Alla h.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya bangun untuk ikut serta membahaskan Belanjawan 2000 walaupun saya disamakan taraf dengan JKK oleh wakil bagi Pokok Sena semalam tetapi tidak mengapalah kerana ular menyusup akar tidak akan hilang bisa asalkan jangan kita lupa diri dan mendahului Allah s.w.t. Saya tetap mewakili parti yang memerintah dan menang dalam Pilihan Raya Umum yang lalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kepimpinan Barisan Nasional *[Tepuk]* kerana menang Pilihan Raya Umum kesepuluh lalu yang membolehkan Belanjawan 2000 ini dilaksanakan.

*Dari jauh saya datang,  
Untuk mencuba nasib diri;  
Ucapan sulung saya bentangkan,  
Menandakan wujudnya demokrasi.*

*Pat pat bunga sena,  
Siapa dapat dia punya ;  
Kalau-kalau ada yang tersakit telinga,  
Jangan cakap, jangan tanya .*

Tuan Yang di-Pertua, cuma yang menghairankan saya ialah ketika Barisan Nasional berjuang bermati-matian untuk mempertahankan kemerdekaan serta menyekat kemasukan kuasa asing dan usaha meruntuhkan kemerdekaan kita oleh pihak-pihak tertentu, pembangkang tiada agenda lain – hanyalah untuk menjatuhkan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. Itulah matlamat mereka sebelum pilihan raya dan inilah



juga matlamat mereka sekarang. Malah saya yakin usaha ini diteruskan kerana kempen menjatuhkan Dr. Mahathir dilakukan berbagai cara.

Macam-macam tuduhan dilemparkan. Selepas pilihan raya, mereka berusaha pula dengan berbagai cara. Antaranya termasuklah cuba memalukan Perdana Menteri dengan menggunakan Internet. Baru-baru ini “Laman Mahazalim” yang didukung oleh kumpulan anti Mahathir sampai hati membuat pungutan pendapat dengan soalan “Di manakah Perdana Menteri harus dikuburkan?” Antara jawapan yang diberikan ialah di Kerala, India. Apakah makna semuanya ini? Tidak puas hati lagikah pembangkang dengan kempen menyerang peribadi dalam Pilihan Raya Umum yang lalu.

Sebagai rakyat Malaysia, kita sedih kerana ketika kita membenci, menghentam dan mahu menjatuhkan beliau, rakyat negara lain memuji dan menyanjungnya. Saya ambil satu contoh di mana rakyat Thailand ketika membantah kehadiran Tabung Kewangan Antarabangsa menulis ataupun menyebut perkataan berikut di poster-poster:

*“Kun Rau Rataban Mung Tai Rak Dr. Mahathir”*, dengan izin, *Khok-khun*, terima kasih.

Saya akan terjemahkan. *“Kami rakyat Thailand sayang Dr. Mahathir”* ..... [*Memandang ke arah pihak pembangkang*] Tidak ada yang tanya, tidak mengapalah. [*Ketawa*]

Saya timbulkan soal ini kerana Belanjawan 2000 [*Disampuk*] dituduh sebagai “Belanjawan Pilihan Raya”. Yang anehnya Barisan Alternatif turut mencipta Belanjawannya sendiri dengan harapan untuk mempengaruhi rakyat. Barisan Alternatif sebenarnya hendak potong jalan, kononnya dia mampu. Barisan Alternatif bentang Belanjawan mereka pada 27 Oktober 1999 iaitu dua hari awal daripada Belanjawan Barisan Nasional yang dibentangkan pada 29 Oktober 1999.

Secara logiknya orang yang potong jalanlah selalunya tidak ikhlas, hendak untung besar, kata orang Utara. Mereka sanggup tikam belakang dan potong jalan orang lain bagi kepentingan diri. Dalam konteks ini, Barisan Alternatif mahu memancing undi, jadi siapa sebenarnya yang tidak ikhlas dan bentang Belanjawan untuk pilihan raya. Lebih menyedih dan memalukan rakyat tidak tertarik pun dengan Belanjawan Barisan Alternatif. Buktinya

mereka tolak Barisan Alternatif yang bercita-cita hendak membentuk Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Barat ..... [*Disampuk*] 4009, jangan main-main. Barat mentakrifkan kejayaan Malaysia mengecapi pertumbuhan ekonomi di tahap melebihi 8% selama lebih 10 tahun iaitu sebelum kegawatan mulai September 1997 sebagai keajaiban. Walaupun kita menolak tanggapan sedemikian dengan mengatakan pencapaian kita disebabkan oleh kerajinan dan kesungguhan rakyat tetapi bagi ahli ekonomi Barat, mereka tetap mahu mengatakannya sebagai keajaiban. Kenapa sedemikian? Kerana mereka tidak percaya kita mampu, kita boleh dan cara kita sendiri.

Kita digelar naga, harimau dan banyak lagi. Ketika yang sama, Dr. Mahathir juga menerima gelaran di luar negara sebagai “pemimpin negara membangun”, “pemimpin negara dunia ketiga”, “pemimpin negara Islam”, “Sukarno kecil”. Gelaran ini diberikan ketika berlangsungnya sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali atau NAM di Jakarta pada tahun 1992. Dan tidak kurang pula gelaran “pemimpin keras”, “kepala degil” dan sebagainya. Malah penyayang George Soros mengatakan Dr. Mahathir sebagai orang yang akan mengancam atau menyusahkan bangsa dan negaranya sendiri.

Bagaimanapun, pada ketika Dr. Mahathir menerima gelaran tersebut, Malaysia ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jangan sebut nama, Yang Berhormat ya.

**Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam peraturan mesyuarat, jangan sebut nama, Yang Berhormat.

**Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebutkan Perdana Menteri ....

**Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Bagaimanapun, ketika Perdana Menteri menerima gelaran tersebut, Malaysia terus maju dan menjadi negara perindustrian baru. Hakikat sebenar di pihak Barat walaupun mereka memuji tetapi mencari jalan supaya pemimpin ini dapat disingkirkan. Barat tidak gemar negara membangun mencabar mereka.

Sikap Malaysia jelas dalam isu Bosnia, Palestin dan negara Islam yang lain. Malah di PBB, kita desak disusun semula khususnya Majlis Keselamatan. Malaysia juga menentang ketidakadilan perdagangan antarabangsa, kerana itu kita bersuara lantang dalam sidang Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan forum lain seperti APEC, Asean G15 dan sebagainya. Kita tidak menggunakan forum ini untuk memperjuangkan isu peribadi atau kepentingan sendiri di sidang seperti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Barat tidak dapat menerima bahawa Malaysia yang berbagai kaum ini boleh mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat, hidup beriringan dalam suasana harmoni, mengamalkan politik demokrasi, bebas bergaul dan beragama serta semuanya bekerja kuat bagi memajukan diri, bangsa dan negara. Mereka juga tidak percaya selepas lebih 40 tahun, tiada peristiwa besar mengancam kestabilan negara kecuali peristiwa 13 Mei 1969. Itupun dapat dikawal dengan baik dan hasilnya lahirlah Dasar Ekonomi Baru yang kemudian diikuti Dasar Pembangunan Nasional yang ternyata mengukuhkan lagi kesayangan dan kesetiaan rakyat kepada negara.

Buktinya, Pilihan Raya 1995 yang memberikan kemenangan besar kepada Barisan Nasional di mana Dewan Rakyat dipenuhi dengan penyokong kerajaan. Akibatnya, banyaklah hati yang sakit dan dengki. Lebih-lebih lagi apabila menerima pujian daripada pakar-pakar ekonomi kerana keajaiban kita dan kepimpinan negara yang diterajui oleh Perdana Menteri yang kita sayangi membawa kemakmuran dan kestabilan yang mengkagumkan banyak pihak. Di sebalik itu hakikat yang sering dilupai oleh kita sendiri ialah Barat sukar menelan hakikat kita yang mampu membangun dan bergerak ke arah negara maju dengan keringat dan kesungguhan kita. Bagi mereka, adalah berbahaya dan satu ancaman sekiranya bekas bangsa dan negara yang dijajah mula tidak terikat dengan mereka dan mampu berdiri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kritik-kritik Barat terhadap peranan Asean dalam mengatasi masalah Kemboja dan Myanmar menjadi kes jelas bagaimana wujudnya pertelingkahan antara Barat dengan negara rantau sebelah sini khususnya Malaysia. Kerana itulah apabila cadangan EAEC disyorkan, Barat tidak senang walaupun hakikatnya Eropah semakin menutup sempadannya melalui Kesatuan Eropah dan penggunaan mata wang Euro. Akhirnya kita

terpaksa berkompromi kepada cadangan menubuhkan APEC yang memasukkan negara-negara yang dikategorikan sebagai Barat dan berkepentingan Barat sedangkan dasar-dasar awal kita jelas memulaukan barangan British, dasar pandang ke Timur dan mendekati diri kepada negara Islam, selain mengumpulkan negara membangun, bersatu melalui kumpulan 15 dan kumpulan negara dunia ketiga, merisau dan membimbangkan mereka. Kritik-kritik kita terhadap badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Majlis Keselamatan, Bank Dunia serta pertubuhan yang ditaja oleh Barat menggelisahkan mereka.

Di dalam negara pula, kejayaan dan kemenangan seperti pilihan raya 1995 turut meresah dan memarahkan pembangkang. Jika berterusan pasti akan menyusahkan laluan mereka. Bagi mereka kegawatan ekonomi adalah rahmat tidak ternilai bagi mereka. Kepada kita Barisan Nasional tempoh 1977, 1969 adalah menyulitkan. Namun dalam keadaan kita sering bertelagah dengan Barat hasil perpaduan keharmonian dan kesungguhan kita Malaysia meluncur terus ke tahap membanggakan. Hinggakan pengkritik dan pengulas Barat terpegun dan tidak percaya Malaysia berada di tahap seperti sekarang. Keajaiban Malaysia dibuktikan dengan perubahan daripada negara pertanian kepada negara industri dan kita mampu mewujudkan berbagai projek rakyat seperti kereta nasional, lebuhraya, perumahan rakyat, kemudahan pengangkutan, kemudahan premis perniagaan dan pentadbiran serta memenuhi keperluan asas yang sungguh banyak. Dan apabila kita diserang penyangkal mata wang yang bermula dengan Baht (Thailand) ramai pihak meragui kemampuan kita.

Saya ingin merakamkan tahniah setinggi-tingginya di atas usaha kerajaan khususnya usaha mengatasi kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya kejayaan Malaysia menangani krisis kegawatan ini, inilah yang sebenarnya keajaiban yang patut disebut, digelarkan atau diberikan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kerana kita berjaya dengan cara kita. Usaha kita, titik peluh kita dan perpaduan kita. Walaupun ada di kalangan rakyat kita yang gemar melihat negara kita sukar dan berusaha mempelawa Barat untuk campurtangan di sini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Belanjawan 2000 dapat dikemukakan dengan sebaik-baiknya kerana kita pulih apabila Perdana Menteri menolak dasar-dasar dan dana kewangan antarabangsa dan mengenakan kawalan modal pada tahun 1998 banyak pihak meramalkan Malaysia akan tenggelam terus. Yang menyokong reformasi dan mahu melihat Malaysia hanyut bukan main gembira lagi. Tetapi hakikat sebenarnya Malaysia bukan sahaja menjalani proses pemulihan dengan lancar, lebih daripada itu kedudukan Malaysia lebih baik berbanding mana-mana negara lain di Asia mungkin kecuali dengan Singapura dan Taiwan. Kadar pertumbuhan kita diramalkan melebihi 4%. Manakala indeks pasaran saham melonjak 180% sejak September 1998. Kadar pengangguran menurun dan lebihan dagangan telah meningkatkan rizab negara kepada lebih \$30 bilion Amerika ataupun RM120.5 bilion bersamaan dengan import bagi 7 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain, negara-negara lain boleh menyebut tentang kadar pertumbuhannya yang lebih tinggi dan lebihan dagangan yang lebih besar. Namun ada suatu rahsia yang membezakan Malaysia dengan negara lain ialah pembaharuan atau reformasi kita berjalan dengan lebih cepat dan lebih luas serta struktur ekonominya yang kukuh. Di sini, saya mahu tegaskan rakyat tidak memerlukan reformasi yang lagi satu itu. Kerajaan sudah ada reformasinya sendiri dan ternyata mencapai kejayaan. Dengan kata lain, reformasi Barisan Nasional bukan kerana mahu menjulang seseorang dan menjatuhkan seseorang lain tetapi reformasi Barisan Nasional adalah untuk rakyat dan menjalin kemerdekaan negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Gulung, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Insya -Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Belum?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Mukadimah, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Jangan mukadimah Yang Berhormat, gulung, gulung.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, hendak habis dah.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Saya hendak tanya PAS, apakah tidak murni dan bertentangan dengan Islam jika kita mempertahankan negara kita? Apakah tidak *Islamic* jika kita meletakkan kepentingan sosial masyarakat dan mengelakkan pertumpahan darah dalam menggubal atau melaksanakan dasar kewangan dan fisikal kita? Apakah PAS hanya tahu bangkang dan bangkang serta cuba menjatuhkan air muka dan menghina Perdana Menteri yang sudah membuktikan keupayaan dan bertindak sesuai dengan ajaran Islam yang kita anuti?

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pembangkang ini dia seronok sangat dia hendak ikut cara 'mat salleh' dari segi *political agitation*, dengan izin, dan pengurusan ekonomi negara, dia lupa bahawa pencapaian kita memenangi isu ekonomi ini mendapat kepujian ramai pihak. Saya hendak sebut kata-kata Presiden Institut Strategi Ekonomi di Washington.....*[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Panjang, panjang lagi Yang Berhormat?

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Nak habis dah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Dengan izin, "not only is Malaysia recovering nicely, it is arguably doing better than any other Asean country. What's Malaysia apart is the greatest speed and extend of it's reform and the strength of it's economic structure". Ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena boleh rujuk *Financial Time* bertarikh 17 November 1999.

Selain itu, beliau juga berpendapat .....*[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Habis Yang Berhormat, masa.....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, nak habis, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Ya, masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Kena giliran saya - 15 minit, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Semua orang .....

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ini kali pertama, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Semua orang lepas ini 15 minit.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, sedikit lagi. Bagi pembangkang oleh kerana kerjanya membangkang, kadangkala membuta tuli, mengelakkan daripada menyebut yang baik-baik mengenai Malaysia. Mereka memilih yang menghentam, menghina bangsa sendiri atau mencaci pemimpin sendiri. Bagi mereka ini yang baik, yang puji dasar kita dan kejayaan kita mereka tidak mahu sebut. Kepada pembangkang, saya hendak berikan pantun:

*One, two, three,  
Satu, dua tiga,  
Al-Gore sudah cabut pergi,  
Barulah kita rasa lega.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Habis Yang Berhormat? Cukup Yang Berhormat, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tak bagi sambung sedikit lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sedikit sahaja lagi. Saya hendak masuk pendidikan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Sudah lebih banyak.

Yang Berhormat Jerlun. Saya mintalah adjustkan siapa hendak bercakap. Kalau sudah bersiap untuk setengah jam itu kena potong-potonglah baca untuk 15 minit sahaja. *[Ketawa]* Sila, Yang Berhormat Jerlun.

**3.37 ptg.**

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman [Jerlun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-rahmanir-rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk ikut membahaskan Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 25 Februari 2000 yang lalu.

Terlebih dahulu dalam kesempatan ini juga, saya hendak mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pengundi bagi Kawasan Parlimen Jerlun sama ada mereka yang mengundi PAS berlambang bulan atau UMNO berlambang dacing yang mana saya yang menang dengan takdir Allah S.W.T., maka saya adalah wakil rakyat bagi semua mereka di Kawasan Parlimen Jerlun itu.  
*[Tepuk ]*

Orang-orang UMNO di Jerlun tidak usah berasa segan silu untuk berjumpa dengan saya bagi mendapatkan khidmat wakil rakyat kerana saya bersedia bila-bila masa untuk memberi khidmat kepada mereka semua selagi saya mampu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memulakan perbahasan saya dengan firman Allah swt di dalam Surah Al Mulk, ayat 2 *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* maksudnya, “Allah swt yang menjadikan mati dan hidup untuk menguji siapakah di antara kamu orang yang paling baik amalannya , sesungguhnya Dia yakni Allah swt maha mulia lagi maha pengampun”.

Sesungguhnya kehidupan kita di atas muka bumi ini adalah sebagai khalifah Tuhan yang diberi tugas untuk memakmur dan mentadbir bumi ini dengan cara yang sebaik-baiknya. Mana mungkin peranan itu dapat kita jalankan dengan sebaiknya dan berkesan kalau sekiranya bukan peraturan Allah swt dan undang-undangNya yang kita laksanakan. Kita harus ingat bahawa kita semua tanpa mengira kaum adalah hamba-hamba Tuhan yakni Allah swt hidup di atas muka bumi Allah swt ini sekali dan sementara sahaja



yang mana segala kerja buat kita tidak habis di dunia ini sahaja malah pasti akan diminta tanggungjawab di akhirat kelak. Oleh kerana itu kita perlu cermat dan berhati-hati dalam segala tutur kata dan perbuatan kita supaya semua itu tidak memberat dan menyusahkan kita di hari hisab atau di hari perhitungan segala perbuatan kita di hadapan mahkamah Allah swt yang maha berkuasa. Hanya orang-orang yang cukup ilmu pengetahuan akhirat dan dunia ini sahaja yang mampu menentukan kehidupan dunia yang seimbang dengan akhiratnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua dalam Dewan ini adalah wakil-wakil rakyat yang diberi amanah oleh rakyat, yang mana tugas itu tidaklah habis setakat di dunia ini sahaja tetapi akan disoal di akhirat kelak bagi menentukan sama ada kita telah menjalankan tugas dengan saksama dan adil, tidak rasuah, tidak menipu, tidak salah guna kuasa dan tidak salah guna kedudukan kita. Sedarlah bahawa dunia ini dicipta oleh Allah swt untuk kita, olah untuk kita tadbir dengan sebaik-baik mungkin bagi mendapatkan peluang, mendapat pahala di sisi Allah swt [*membaca sepotong Hadis*]: maksudnya '*dunia ini diciptakan untuk kamu dan kamu adalah diciptakan untuk akhirat*'. Dengan lain perkataan, ingatlah bahawa dunia ini bukanlah tempat untuk berhibur dan bersukaria secara berlebih-lebihan sampai melanggar perintah Allah swt. Marilah kita sama-sama masuk ke dalam golongan orang-orang yang tidak mensia-siakan umur dan jasad kita dalam kehidupan yang sebenarnya sangat singkat dan pendek ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita boleh berbeza dari segi cara berfikir, cara berpolitik tetapi jangan kita berbeza dalam akidah dan cara penghayatannya. Kita boleh berbeza dalam kerja-kerja bagi mengisi kehidupan. Tetapi kita tidak boleh berbeza dalam cara beribadah kepada Allah swt sebab ianya, iaitu disiplin ibadah telah ditetapkan oleh Allah swt ke atas kita sebagai hambanya. Mahu tidak mahu kita mesti terima segala ketetapan Allah swt itu sekiranya kita mahu keselamatan hidup di dunia dan keselamatan di akhirat kelak.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin memfokuskan perbahasan saya sedikit berhubung dengan Belanjawan 2000 itu, sebagai berikut dari segi aspek penghayatan akidah. Perpaduan hendaklah dipupuk dengan

menekankan persoalan akidah dan pelaksanaan syariat Allah swt sebagai titik temu yang asasi. Umat Islam mesti tegas mempertahankan kesucian akidah dan keutuhan syariat Islam dari sebarang pencerobohan dan penghinaan. Perlembagaan negara perlu berteraskan akidah dan syariat Allah swt sama ada secara tersurat ataupun tersirat. Maka hal yang demikian, gejala-gejala murtad yang berlaku mutakhir ini begitu parah dan begitu teruk perlu dikawal dengan sebaik mungkin oleh kerajaan kita sebab kesan daripada gejala-gejala murtad yang tidak diurus dengan sebaik mungkin itu akan mengganggu keselamatan negara kita.

Dari aspek politik, kepimpinan yang menerajui umat Islam mesti benar-benar bersandarkan kepada ajaran Islam, berteraskan kepada pegangan kepada Al-Quran dan juga As-Sunnah. Kepimpinan yang diamanahkan mesti melihat tanggungjawab membela nasib umat sebagai keutamaan dalam kepimpinan, bukan kepentingan diri ataupun kroninya. Kepimpinan mestilah meletakkan contoh keperibadian Rasulullah saw dalam semua hal sebagai kayu ukur utama. Kepimpinan perlu menekankan tanggungjawab memimpin manusia kepada pengabdian kepada Allah swt dan melaksanakan amanah amal makruf nahi mungkar.

Dari aspek ekonomi, perpaduan boleh dicapai jika ekonomi yang dilaksanakan itu bebas dari unsur-unsur haram seperti judi, riba, rasuah dan sebagainya. Perpaduan boleh dicapai jika berlaku pengagihan sumber kekayaan yang adil dan saksama mengikut syariat Allah swt. Perpaduan boleh dicapai jika tidak berlaku pembolotan kekayaan dan penindasan terhadap golongan lemah. Perpaduan boleh dicapai jika tidak berlaku pembaziran sumber kepada projek-projek mewah yang tidak bermanfaat kepada rakyat terbanyak. Perpaduan boleh dicapai jika ada ketelusan dalam sebarang pengurusan ekonomi yang membabitkan perbelanjaan wang awam contohnya, penswastan, pemberian kontrak dan sebagainya. Perpaduan boleh dicapai jika akhlak mulia menjadi asas kepada pengurusan dan pentadbiran ekonomi negara kita.

Perpaduan akan dicapai juga jika pengurusan ekonomi negara mengutamakan pelaksanaan program-program pembangunan rakyat terbanyak bukan untuk golongan mewah semata-mata. Dari aspek pendidikan perpaduan

boleh dicapai dengan menukar sistem pendidikan sekular yang berjalan sekarang kepada sistem pendidikan Islam yang syumul. Perpaduan boleh dicapai jika pendidikan Islam menjadi asas kepada sistem pendidikan negara dari segi kurikulum mahupun kokurikulumnya. Perpaduan boleh dicapai jika pembinaan keperibadian unggul dijadikan asas kepada sistem pendidikan kita. Perpaduan boleh dicapai jika para pelajar diberi ruang untuk memanfaatkan potensi diri secara bersepadu untuk berperanan dalam membangunkan masyarakat. Perpaduan boleh dicapai jika para pendidik menjalankan tanggungjawabnya sebagai pendidik Muslim yang berkesan. Perpaduan boleh dicapai jika para pelajar ditanam dengan nilai-nilai hidup Islam secara berkesan.

Dari aspek sosial perpaduan boleh dicapai jika pembangunan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah diambil kira, diberi penekanan dalam semua pembangunan sosial. Perpaduan tidak akan dicapai jika masyarakat dipisahkan berdasarkan kepada kelas mengikut ukuran kebendaan. Perpaduan boleh dicapai jika manusia saling hormat-menghormati di antara satu sama lain atas dasar ketakwaan dan karamah insan. Perpaduan boleh dicapai jika perbezaan pendapat dianggap sebagai satu kekuatan dan bukan kelemahan dan dikendalikan secara adab bersopan seperti yang dituntut oleh agama Islam. Perpaduan akan dicapai jika pemerintah melaksanakan keadilan sosial mengikut Islam sepenuhnya.

Dari aspek budaya, semua bentuk amalan harian dalam kehidupan perseorangan, kekeluargaan dan kemasyarakatan hendaklah menterjemahkan adab Islam sebagai budaya hidup yang menyeluruh. Semua budaya hidup yang bercirikan sekularisme hendaklah dikikis. Budaya hidup kemasyarakatan yang menekankan kepada kerjasama, kasih sayang, hormat-menghormati antara umat hendaklah dipupuk oleh semua pemimpin masyarakat semua peringkat. Budaya hidup materialisme, individualisme dan komersialisme hendaklah dikikis dari kehidupan umat yang mengakibatkan umat berpecah belah.

Dari aspek institusi masjid, masjid mesti menjadi institusi yang menjadi milik seluruh umat Islam dengan mengambil model yang pernah dikemukakan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat Baginda. Peranan

masjid hendaklah digerakkan sebagai pusat kemasyarakatan Islam. Penglibatan anak-anak kariah dalam urusan pentadbiran dan pembangunan program masjid hendaklah ditingkatkan. Kepimpinan masjid mesti diterajui oleh golongan yang benar-benar berjiwa Islam, mencintai Islam dan mempunyai wawasan untuk membangunkan umat Islam seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang di hujung perbahasan saya, saya ingin menjurus sedikit tentang beberapa perkara mendesak bagi kepentingan rakyat di kawasan Jerlun supaya dapat diberikan perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan. Sesungguhnya pengundi-pengundi di kawasan Jerlun yang hampir 50,000 orang majoriti mereka terdiri daripada petani, nelayan dan pekebun getah dan masyarakat Siam di sekitar 3,000 orang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Ya, Yang Berhormat ada berdiri di sana.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Kalau Tuan Yang di-Pertua boleh tambah masa saya boleh bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Masa tidak tambah Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Tidak tambah, saya tidak bagi jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Sorry Sungai Petani, kita berbincang di luar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Speaker,...

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Kita sama-sama Kedah ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya, saya minta tolong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia tidak bagi, itu terpulang pada yang bercakap Yang Berhormat. Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Dalam aduan mereka kepada saya

..

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Speaker, saya minta jalan..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia tidak bagi, dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Dalam aduan mereka kepada saya

...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia tidak bagi, dia tidak bagi.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** ...ialah kerumitan yang mereka hadapi di pejabat daerah Kubang Pasu, ya daerah Kubang Pasu daerah Perdana Menteri, ialah bila mana bapa ataupun ketua keluarga meninggal dunia maka pembahagian harta warisan terutama tanah di kalangan keluarga itu menjadi sulit jika tiada sijil Siam. Persoalannya kenapa mesti ada sijil Siam itu sedangkan mereka adalah rakyat Malaysia yang sah dari segi undang-undang di negara kita. Mereka lahir di sini dan ada kad pengenalan pula.

Tuan Yang di-Pertua, akibat berlakunya diskriminasi pembangunan luar bandar maka berlakulah di kawasan Jerlun Kedah yang saya ulang negeri Perdana Menteri sendiri, jalan-jalan masuk ke kampung di sana dipanggil '*Pida*' sebahagiannya ditar manakala sebahagian lagi masih bertanah merah ataupun bertanah liat yang kalau di musim hujan menjadi lecah berlumpur. Sukarlah para petani hendak membawa keluar hasil tanaman mereka ke pekan pekan kecil ataupun ke bandar untuk dipasarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Ya, insya -Allah. Di kampung-kampung luar bandar dalam kawasan Jerlun masih banyak lagi terdapat kemunduran seolah-olah hidup di zaman sebelum merdeka. Sedangkan kawasan itu adalah kawasan tradisi di bawah UMNO. Oleh itu saya bila-bila masa sahaja bersedia bersama-sama Menteri Pembangunan Luar Bandar, Menteri Kewangan, Menteri Pertanian ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia berdiri lagi Yang Berhormat. Ini Sungai Petani berdiri Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Setiausaha Parlimen, termasuk jugalah Setiausaha Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Dia berdiri bagi jalan atau tidak?

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Sebab saya sudah gulung ini.  
Gulung, gulung, gulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Ha, tidak bagi jalan, tidak payah Yang Berhormat. Kita tengok jalan yang tidak ada tar Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:....**untuk melawat kawasan termasuklah projek undang harimau di Kerpan untuk kita sama-sama kenal pasti permasalahan di kawasan itu. Kawasan luar bandar itu untuk kita bangun dengan sebaik-baiknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Habis Yang Berhormat ya.

**Tuan Abu Bakar bin Othman:** Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Cukup Yang Berhormat ya. *[Beberapa ahli Yang Berhormat bangun].*  
Jangan berdiri. *[Ketawa]*

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Ini hendak gulung ini, tidak hendak gulung. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Saya ingat Yang Berhormat sudah gulung habis dah. Sudah gulung habis sudah.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Seminit lagi, seminit lagi, seminit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Tidak boleh Yang Berhormat, orang lain hendak bercakap Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Ini saya hendak bagi tips kepada UMNO kalau mereka hendak ambil Jerlun itu. Kalau mereka mahulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Tidak apa, kita ada lagi dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Tuan A. Bakar bin Haji Othman:** Okay, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Terima kasih. Kuala Pilah.

**15.50 ptg.**

**Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bangun untuk membahaskan belanjawan ini. Pertamanya saya ingin ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan yang baik bagi rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia pula terus menerima usaha-usaha yang baik dengan juga memberi mandat sekali lagi supaya Kerajaan Barisan Nasional terus memerintah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk meningkatkan pendapatan negara Menteri Kewangan telah mencadangkan supaya negara kita ini mempelbagaikan tanaman-tanaman kontan dan antara yang disebutnya dan saya juga agak baru pernah mendengar perkataan itu disebutnya ialah 'kenaf'. Apakah kenaf ini? Berekorkah dia, berkepala kah dia, rumputkah, pokokkah dan sebagainya? Saya berharap kita akan dapat lebih lagi maklumat berkenaan dengan tumbuhan ini atau haiwan yang dinamakan kenaf ini. Bagi saya yang datang dari kawasan luar bandar eloklah juga dbekalkan dengan maklumat yang lengkap bagaimanakah kita menanamnya dan berapakah pendapatan petani dan apakah kursus-kursus yang perlu kita ikuti.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengenalkan kenaf ini bila ada kursus-kursus jangan lah juga diberi hanya kepada pak-pak tani sahaja, kerana di luar bandar beribu-ribu wanita adalah juga petani. Mereka itu bukannya sahaja isteri petani tetapi mereka sendiri adalah petani.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon kerajaan untuk teruskan usaha-usaha untuk memberi kesedaran kepada pegawai-pegawai kita yang melaksanakan program-program supaya lebih prihatin terhadap fungsi sosial kaum wanita iaitu kalau boleh saya gunakan technical 'term'nya iaitu perlu kita mengada lebih banyak lagi program- about gender sensitization. Saya tahu pihak kerajaan memang mengadakan program-program ini tetapi perlulah diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit pula dengan perkara untuk mempelbagaikan tanaman di negara ini untuk menambahkan pendapatan negara dan petani, saya ingin mencadangkan supaya negara kita juga menumpukan kepada usaha-usaha dalam industri cut flowers, dengan izin, ataupun bunga-bunga kerana ini adalah satu industri yang bernilai berbillion-billion ringgit. Hari ini memang banyak penanam-penanam bunga di Cameron Highlands tetapi rasa saya hasilnya, negara kita tidak mendapat dengan sepenuhnya kerana saya difahamkan ramai pengusaha daripada Singapura yang datang untuk menikmati usaha-usaha hasil petani-petani kita. Jadi, rasa saya sudah sampailah masanya bagi kerajaan kita untuk memadukan usaha-usaha beberapa kementerian supaya diwujudkan satu akta yang boleh menjaga dan mengawal industri bunga ini. Kita perlu juga mengadakan satu sistem untuk mengged atau mengkelaskan bunga-bunga ini seperti mana yang kita telah dahulu mengadakan seperti dalam industri getah, misalnya kalau disebut RSS1 kita tahu semua dan pasaran juga tahu berkenaan dengan apa jenis getah yang diperlukan.

Begitu jugalah dalam industri bunga ini. Kalau kerajaan kita mengadakan satu kelas atau satu sistem penggedan bunga ini maka kita boleh juga mengadakan satu pasaran lelong ataupun satu auction market untuk bunga-bunga dan dengan adanya persefahaman dan persahabatan kita dengan negara-negara di ASEAN mungkin dengan negara Thailand dan juga dengan negara Indonesia, kita boleh mengadakan satu pasaran yang besar di negara kita ini. Saya difahamkan belum ada lagi satu pasaran lelong bunga di rantau ini, yang ada saya difahamkan di Taiwan juga di Jepun. Memanglah yang terbesar sekali di Amsterdam di Holland. Walau bagaimanapun, rasa saya usaha-usaha ke arah ini perlu diadakan supaya dapat kita mengawal dan menjaga industri bunga kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila rasa saya ini semua sudah diaturkan perlu jugalah bagi kementerian-kementerian berkenaan untuk mengadakan kerja-kerja pengembangan yang lebih diperluaskan lagi supaya dapat kita menghubungi yang hari ini bagi saya, saya ingin mengesyorkan supaya menghubungi lebih ramai lagi kaum wanita di luar-luar bandar supaya mereka



boleh menanam bunga-bunga ini supaya ini akan dapat menambah pendapatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga agak rasa terkejut semalam apabila membaca dalam akhbar *The Sun* bahawa Menteri telah menyatakan di negara kita ini ada lebih kurang 3.4 single mothers atau ibu tunggal. Kalau 3.4 juta rasa saya cukup begitu ramai. Mungkin perlu kita mengkaji dengan sedalam-dalamnya berkenaan dengan perkara ini kerana mengikut statistik dunia di seluruh dunia ini di dapati 1/3 isi rumah (household) adalah terdiri daripada kaum wanita. Angka ini rasa saya di Malaysia amat tinggi. Mungkin kita perlu kaji betul-betul kerana dalam negara kita ini jumlah penduduknya ialah 22.0 juta. Kalau kita kira secara kasarnya 5 orang dalam satu keluarga, jadi kalau kita bahagi ini ada 4.4 juta keluarga di Malaysia ini. Kalau 3.4 juta keluarga di Malaysia, 3.4 adalah terdiri daripada ibu tunggal ke mana pergi kaum bapa ini semua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Tidak tahu saya.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Saya pun hairan binti ajaiblah ke mana pergi kaum bapa kerana hari ini saya difahamkan juga ibu-ibu tunggal ini memanglah banyak penderitaannya dan saya berharap kerajaan akan dapat mengkaji masalah mereka itu dan kalau boleh mengadakan satu dana untuk menjaga. Bukan saja untuk menjaga ibu-ibu tunggal ini tetapi yang lebih penting ialah menjaga anak-anak mereka.

Saya juga difahamkan di Wilayah Persekutuan ini sahaja ada lebih kurang 5,000 wanita Islam yang menjadi ibu tunggal, umurnya antara 30 tahun purata, anak tiga orang yang bersusun, berderet hendak pergi ke sekolah. Bapanya tak dapat dikesan. Kalau mati tu yalah kita tahulah, akhirlah kita berjumpa tetapi yang ghaib, yang tak dapat dikesan Ke mana pergi bapak-bapak ini, kerana anak-anak yang bersusun ini perlukan pertama, kasih sayang, kedua mereka perlu ke sekolah, perlu pakaian, makan dan minum.

Saya juga hairan kenapa mahkamah-mahkamah syariah tidak menjaga, juga tidak prihatin kepada mereka ini. Kita tidak meminta anak-anak ini

supaya beku, jangan membesar supaya saya boleh mencari bapa kamu supaya nafkah makan, minum, pakaian dan persekolahan kamu dapat diuruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya kerajaan akan dapat menyeragamkan segala undang-undang keluarga ini supaya mereka ini dapat manfaatnya. Saya difahamkan hari ini juga beberapa tindakan telah dibuat. Saya faham ada juga yang mengadu kepada saya sampai 17 tahun kesnya belum lagi dapat mahkamah membuat keputusan. Saya hairan jugalah kenapa....., mungkin nanti marah pula orang kepada saya tetapi saya ini bercakap bagi pihak beribu-ribu wanita ini yang memerlukan juga bantuan-bantuan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya ucapkan tahniahlah kepada kerajaan kerana telah membawa ke Parlimen untuk meminda Akta Penjagaan Kanak-Kanak tetapi sekali lagi hairan binti ajaib, wanita-wanita bukan Islam memang dapatlah faedahnya tetapi kenapakah wanita-wanita Islam tidak juga mendapat kemudahan ini. Saya difahamkan mengikut *The Star*, akta ini tidak langsung bercanggah dengan undang-undang syariah, kata menteri yang berkenaan. Kalau misalnya betul tidak bercanggah dengan undang-undang syariah kenapa tidak dapat diperbetulkan. Saya difahamkan ada empat negeri bersedia untuk memindahkan undang-undang mereka tetapi setakat hari ini belum lagi, belum lagi dapat kesannya kerana ramai lagi wanita-wanita yang tertanya-tanya kerana mereka itu bila hendak pergi menghantar anak ke sekolah atau hendak memindahkan anak sekolah mereka perlu mendapatkan tandatangan bapa anak itu. Kadang-kala, maklum sajalah bapa ini banyak yang sudah ghaib seperti mana yang saya sebutkan tadi, oleh kerana itu perlulah kerajaan membuat sesuatu untuk membantu ibu-ibu ini supaya dapat anak-anak itu meneruskan pelajaran mereka di sekolah-sekolah.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan ataupun Kabinet membuat satu directive ataupun arahan secara pentadbiran kepada semua jabatan yang berkenaan supaya meminda borang-borang rasmi atau legal document di mana diperlukan legal guardian ataupun penjaga yang sah, silalah juga pinda supaya kita bukan sahaja memerlukan tanda tangan bapa tetapi juga boleh juga menerima tanda tangan ibu ataupun penjaga yang sah,

datuk atau neneknya kerana ini rasa saya masalah harian yang dihadapi oleh ibu-ibu yang dikatakan ibu tunggal itu.

Tuan Yang di-Pertua, habislah bab itu, ini pula bab untuk orang Kuala Pilah, tak bercakap bagi orang Kuala Pilah, balik nanti saya dimarah pula oleh orang Kuala Pilah. Sudah lebih 20 tahun Tuan Yang di-Pertua, kami di Kuala Pilah duduk di kawasan pedalaman yang jalannya hendaklah lalu jalan yang dinamakan Bukit Putus. Bukit Putus ini banyak keloknya Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam 20 tahun ini dan juga sejak kita merdeka, tak pernahlah putus-putus taat setia kita kepada kerajaan yang ada hari ini. Oleh kerana itu saya mohonlah..., ada dengar ura-uranya nak membetulkan jalan ni, nak luruskan jalan yang dinamakan Bukit Putus ini. Jadi saya berharap cepatlah dibuatkan, supaya taat setia itu nanti tidak pulak putus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Masa tak ada, duduklah dulu jang oi..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia tak bagi [*Ketawa*].

**Datuk Napsiah binti Omar:** Terima kasih duduk dulu jang. Duduk dulu jang.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Nak tanya Yang Berhormat, hari ini ke sahaja baru bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Sudahlah Yang Berhormat..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sedangkan Yang Berhormat sudah menjadi Ahli Parlimen Kuala Pilah lama dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Tak apa, tak apa, dah tak dapat sudahlah.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Terima kasihlah jang oi, doklah dulu jang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, maka perlulah kita juga, saya difahamkan dan dengar ni sudah ada pula universiti UiTM hendak diwujudkan di Kuala Pilah alhamdulillah, terima kasih, kecik tapak tangan nyiru kita tadahkan.

Saya difahamkan pulak..., ni ada pulak dongar nak puei tompek lain. Fasal dek jalan ko berputuih-putuih, tak tahulah saya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh janganlah kita anjak atau alih tempat universiti UiTM ini haraplah juga dapat kita tumpukan pula UiTM ini satu tempat di mana boleh kita menumpukan, memfokuskan, ya! usaha-usaha untuk mempertingkatkan lagi research and development dalam bidang agriculture (pertanian) kerana saya rasa agak sedihlah Universiti Pertanian yang asal telah dipanggil hari ini Universiti Putra Malaysia dan tidak lagi memberi penumpuan kepada agriculture atau pertanian. Saya berharap dengan adanya UiTM ini di Kuala Pilah nanti akan diberi tumpuan juga kepada agriculture, pertanian dan juga perhutanan kerana tempat itu memanglah rasa saya sesuai untuk memberi pelajaran di dalam bidang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang hanya satu sahajalah supaya jangan kita berputus-putus jalan, jangan putus perhubungan Jadi beginilah Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi masa yang diberikan kepada saya.

*Banyak kelok ke penarik ....,*

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Nanti, pantun dahulu Yang Berhormat.

**Datuk Napsiah binti Omar:** .....

*Banyak kelok ke penarik,  
Di penarik tumbuh pohon kuini,  
Yang elok itu bawa lah balik,  
Yang tak elok itu, tinggallah di sini.*

Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Yang Berhormat bagi Labuan, Labuan.

**Seorang Ahli:** Labuan!

**4.10 ptg.**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan bagi tahun 2000. Bismillahirrahman nirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

**Beberapa Ahli:** Waalaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia di atas pembentangan Belanjawan bagi tahun 2000 pada 25 Februari lepas yang mana pada hemat saya dan juga sekalian ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini bersetuju bahawa pembentangan Belanjawan kali ini adalah Belanjawan yang bijak, berintegriti malah saya dapat rasakan bahawa ianya sangat berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Seorang Ahli:** Sudah habis?.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Sekejap.

Sememangnya rakyat yang bijaksana, yang masih memilih kepimpinan Barisan Nasional dan memastikan pengekalannya 2/3 Kerusi Barisan Nasional di Parlimen berhak menikmati pulangan dan keistimewaan-keistimewaan dari kerajaan yang terhasil dari usaha gigih kerajaan pimpinan Barisan Nasional. Saya percaya rakyat Malaysia hari ini masih berada di dalam trauma kesan kegawatan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1997. Segala aktiviti perniagaan dan perdagangan menjadi lumpuh secara tiba-tiba. Malaysia yang kukuh ekonominya mengalami gawat dalam sekelip mata. Harga barangan melonjak secara drastik. Pengangguran berleluasa dan semuanya ini adalah gara-gara penyangak mata wang yang memendam kesumat apabila melihat Malaysia maju dengan sempurna.

Mereka tidak suka Malaysia makmur mengikut acuannya yang tersendiri. Mereka dengan sedaya upaya mahu melihat rakyat Malaysia melarat dan menjadi gelandangan sama seperti yang berlaku di negara mereka sendiri yakni negara Barat.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Yang Berhormat Menteri Kewangan menangani kegawatan ekonomi sememangnya tidak boleh dinafikan lagi. Ini bukanlah kali pertama beliau membawa Malaysia keluar dari kemelut ekonomi. Pada tahun 1985 beliau telah menyelamatkan ekonomi kita yang mana pada ketika itu menguncup pada kadar 1.1% dan pada tahun 1988, beliau sekali lagi menyelesaikan krisis ekonomi kewangan negara yang mana

ekonomi negara pada masa tersebut menguncup pada kadar 7.8%. Kejayaan ini sudah tentu tidak membahagiakan sesetengah pihak terutamanya kuasa-kuasa Barat.

Sehubungan dengan itu saya mohon di Dewan yang mulia ini terutama sekali pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif, PAS, DAP dan juga KeADILan supaya jangan menjadi tali barut kepada Barat yang berniat menghancurkan dan melumpuhkan ekonomi negara Malaysia yang sangat kita cintai ini.

Belanjawan kali ini begitu memahami kehendak keperluan rakyat dari segenap peringkat. Ianya diharap dapat memulihkan keyakinan rakyat bahawa negara kita sudah pulih dari igauan kegawatan. Secara jelas, ekonomi kita sudah beransur pulih. Petunjuk di Bursa Saham Kuala Lumpur menjelaskan pemulihan tersebut. Indeks komposit yang selama ini berada di paras 500 mata kini melonjak ke 900 hingga ke 1,000 mata.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu petunjuk yang sihat.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Yang Berhormat ada yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua, masa saya singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**

Dia tak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Bagaimanapun saya merasa kecewa kerana dalam usaha kerajaan menangani masalah ekonomi dengan cara yang tersendiri masih ada yang menghentam dan memperlekehkan kebolehan kerajaan pimpinan Barisan Nasional.

Saya amat tertarik dengan pernyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pada 2.March 2000. Dalam ucapan beliau yang penuh bersemangat, beliau menyelar kerajaan kerana tidak memilih IMF sebagai jalan keluar dari kemelut ekonomi yang melanda. Katanya IMF tidak akan merosakkan dasar ekonomi baru, IMF tidak akan menolak hak Melayu. IMF tidak akan melanggar perlembagaannya sendiri. Apa yang mengejutkan kita ialah tindakan beliau berhujah di dalam Dewan seolah-olah

negara Malaysia masih lagi berada di paras kritikal dari segi permasalahan ekonomi.

Sesungguhnya mereka ini buta. Tidakkah mereka sedar bahawa hari ini Malaysia telah berjaya keluar dari kemelut ekonomi yang melanda negara ini hasil dari kecekapan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang amat kita kasihi.

Mereka lebih percaya kepada Barat daripada kemampuan sendiri. Mari saya membawa Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang untuk membuat post-mortem sejarah Barat datang ke Tanah Melayu. Pada mulanya bila mereka datang ke Tanah Melayu, katanya hendak berniaga, katanya lagi hendak menyelesaikan masalah perbalahan antara raja-raja Melayu ketika itu. Barat tidak kata yang dia hendak menjajah. Dia tidak kata, dia hendak mengenakan prinsip divide and rule, dengan izin ke atas rakyat Tanah Melayu. Dia juga tidak kata, dia akan mengaut segala kekayaan Tanah Melayu dan membiarkan rakyat Tanah Melayu melarat dan berpecah belah.

Sejak berkurun lamanya sikap Barat sama ada daripada zaman Portugis, Belanda, Sepanyol sehinggalah British semuanya bertopeng, kononnya ingin menolong dan membantu, tetapi akhirnya menjajah dan 'mendulang' untung untuk dibawa pulang ke negara mereka masing-masing. Kalau penipuan ini yang masih diperakukan dan diagungkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan juga pihak pembangkang maka pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, beliau adalah seorang yang tidak memiliki semangat kebangsaan yang utuh. Saya merasa hairan Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang memperjuangkan agama Islam yang mempergunakan agama sebagai alat politik mereka masih mengagungkan Barat. Selama 42 tahun kita bebas dari belenggu penjajahan Barat, hari ini mereka membuka tangan berdepan dada ingin menerima semula penjajahan Barat alaf baru ini.

Rasukan apakah yang telah menguasai fikiran mereka ini. Tidakkah mereka sedar bahawa yang mengheret ekonomi Malaysia ke kancah kegawatan adalah penjenayah kewangan antarabangsa yang didalangi kelompok Barat. Apakah pemimpin PAS sanggup menutup mata menerima Barat dan melupakan sebentar perjuangan sebenar mereka sebenar semata-mata untuk mengaburi pemikiran rakyat supaya membenci Kerajaan Barisan

Nasional. Kalau inilah kualiti yang tertanam di hati sanubari pemimpin jenis ini Tuan Yang di-Pertua, maka saya berasa amat simpati terhadap rakyat Terengganu dan Kelantan kerana memilih PAS untuk menerajui kerajaan negeri masing-masing. Apakah PAS akan menggunakan metodologi Barat untuk mentadbir kerajaan negeri mereka.

Tidak ada satu pun perkara yang dilakukan oleh kerajaan baik di mata mereka. Begitu juga ketika Malaysia berura-ura mengeluarkan kereta buatan Malaysia satu ketika dahulu, mereka menghentam habis-habisan. Pada hari ini di Dewan yang mulia ini saya mohon jawapan ikhlas dari pemimpin pembangkang apakah tidak ada di antara mereka pada hari ini menggunakan kereta buatan Malaysia yang lebih dikenali dengan Proton Saga, Wira, Perdana, Perodua Kancil. Apakah idea untuk melahirkan kereta buatan Malaysia ini datangnya daripada Barat, yang jelas ini adalah idea yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang amat kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, cukuplah saya membicarakan tentang PAS dan Barisan Alternatifnya. Hari ini di Dewan yang mulia ini selaku Ahli Parlimen Kawasan Labuan, saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini mengenai kawasan saya, Labuan yang mampu berkembang justeru menyumbang kepada perbendaharaan negara. Kita semua sudah sedia maklum bahawa Labuan kini dikenali sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC). Sejak IOFC dilancarkan pada 1 Oktober 1990 maklum balas dari majoriti bank-bank terbesar dunia, syarikat-syarikat insurans dan syarikat dagang dan bukan dengan biasa lainnya amatlah menggalakkan.

Sepanjang tempoh operasinya Labuan menerima hampir 2,000 buah syarikat berkaitan. Apa yang memeranjatkan lagi Labuan menerima 61 buah bank dalam tempoh sembilan tahun sahaja dan dari jumlah tersebut 34 daripada 50 bank terbesar di dunia beroperasi di Pulau Labuan. Ini satu pencapaian yang paling baik sekiranya kita bandingkan dengan IOFC yang lain seperti di Jersey, Bahrain dan Mauritius. Jersey misalnya, menerima hanya 72 buah bank dalam tempoh 36 tahun beroperasi, Bahrain pula mendapat 67 buah bank dalam tempoh lebih 21 tahun beroperasi, manakala



Mauritius menerima hanya 7 buah bank dalam tempoh operasinya selama 11 tahun.

Tidakkah angka dan pencapaian IOFC ini begitu memberangsangkan dan pada hemat saya ucapan penghargaan serta terima kasih yang tidak terhingga harus diberikan kepada Kerajaan Malaysia yang diterajui oleh Barisan Nasional. Kami penduduk Labuan begitu berterima kasih kerana dengan wujudnya IOFC sedikit-sebanyak telah membantu membaiki taraf dan kesejahteraan hidup rakyat di pulau yang terpencil itu. Dengan bantuan IOFC pulau yang kerdil ini bukan sahaja dikemali di seluruh negara malah terkenal di mata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, IOFC telah mewujudkan seribu peluang pekerjaan di mana 50% darinya diisi oleh anak tempatan. Selain itu, IOFC juga berjaya mengubah wajah Labuan. Pembangunan fizikalnya drastik, infrastrukturnya amat baik sekali, sistem pengangkutan awam yang tersusun, hospital, terminal lapangan terbang bertaraf antarabangsa dan financial park yang fungsinya dapat dinikmati oleh orang tempatan. Potensi seumpama ini menyebabkan pertumbuhan Pulau Labuan wajar dipantau secara rapi dan teliti. Ini kerana masih banyak lagi yang perlu disediakan demi menjaga kepentingan perkembangannya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh Labuan ialah kekurangannya tenaga mahir untuk menjayakan IOFC dengan sempurna. Ini kerana kedudukan Labuan yang jauh menyebabkan ramai pekerja mahir menolak apabila ditawarkan bekerja di Labuan. Tambang kapal terbang yang realitif mahal di samping kemudahan keluar masuk ke Labuan sama ada mengikut jalan udara mahupun air adalah terhad.

Selain itu, ada beberapa kemudahan lain yang dikatakan belum mencukupi untuk menarik minat tenaga mahir ini berkhidmat lebih lama di Labuan. Antaranya ialah kemudahan hospital yang mengalami masalah kekurangan doktor-doktor pakar. Pernah berlaku satu kes seorang bayi yang di serang *jaundis* dihantar ke Kuala Lumpur untuk rawatan. Begitu juga dengan kemudahan pendidikan kerana rata-rata pekerja akan membuat perbandingan dengan sekolah di Semenanjung.

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa sistem penerbangan hendaklah ditambahkan demi memudahkan urusan keluar masuk terutamanya dari Labuan ke Kota Kinabalu yang dijadikan pusat perhubungan. Jika pertambahan penerbangan ini didapati tidak ekonomik atau tidak menguntungkan saya mohon perkhidmatan 'shuttle service', dengan izin, seperti yang dibuat antara Kuala Lumpur dengan Singapura diadakan di antara Labuan dan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, IOFC sebenarnya mengalami masalah teknikal yang besar. Kekurangan tenaga mahir ini selain dari faktor geografi ia juga berpunca dari sistem pembelajaran yang kurang menekankan aspek ekonomi antarabangsa yang dipraktikkan oleh IOFC. Ini menyebabkan penawaran buruh mahir amat terhad. Sistem pendidikan kita terutamanya di peringkat tinggi hampir tiada yang menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan ekonomi antarabangsa. Sehubungan dengan itu, saya berterima kasih dan berharap dengan wujudnya Universiti Malaysia Sabah, kampus antarabangsa Labuan dapat melahirkan graduan-graduan yang mahir dan cekap dengan iklim ekonomi antarabangsa.

Saya mengharapkan agar lebih banyak lagi kursus yang mana dapat mendedahkan para pelajar kepada ilmu kewangan yang berteraskan kewangan antarabangsa dapat diperhebatkan lagi demi untuk menjamin masa depan di tahun 2020 nanti di mana pada waktu itu semua CEO, dengan izin, kepada bank-bank Pesisir dijawat oleh anak-anak tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Sila gulung Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan IOFC sememangnya memberikan wajah baru kepada Labuan, sedikit-sebanyak kami penduduk tempatan dapat merasakan tempiasnya tetapi selama manakah anak-anak Labuan hanya dapat melihat pembangunan yang dijana IOFC tanpa dapat menyertainya. Saya sedar taraf pendidikan anak-anak Labuan masih diparas yang belum memuaskan dan menjadi halangan utama untuk mereka menyertai IOFC sebagai pekerja mahir.

Justeru itu, walaupun IOFC pesat berkembang dan banyak kekosongan jawatan ditawarkan, anak-anak Labuan tidak berkelayakan untuk mengisinya. Apa yang berlaku pengangguran anak-anak Labuan berleluasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Masa habis Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Lima minit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Berapa? Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Sudah habis? Bukan setengah jam Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Lima belas minit kita sudah alihkan

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Banyak lagi, tidak sempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Dalam Jawatankuasa nanti Yang Berhormat, sudah lima belas minit.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Jadi, kalau macam itu sudah jadi keputusan, saya menyokonglah Belanjawan 2000. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Machang.

**4.25 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang]:** Assalamualaikum w.b.t., Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang-rang Undang-undang Perbelanjaan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara demokrasi dan salah satu daripada fenomena demokrasi ialah pilihan raya dan dalam hal ini saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Ketua Pembangkang yang telah berjaya untuk memimpin parti PAS dalam pilihan raya yang lepas dan menambah kerusi dalam Dewan Undangan ini, dalam Parlimen ini, Dewan Rakyat ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua..... *[Diganggu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, demokrasi bukan sahaja bergantung kepada pilihan raya tetapi adalah bergantung kepada elemen-elemen lain termasuk elemen iaitu rakyat hendaklah diberi peluang untuk mendapat information ataupun penerangan untuk membuat keputusan yang tepat. Oleh kerana itu, dalam negara demokrasi rakyat hendaklah bebas untuk mendapat penerangan-penerangan dan sebagaimana yang kita tahu penerangan ataupun information yang dapat oleh rakyat kebanyakannya daripada mass media. Dalam negara kita hari ini mass media adalah dikontrolkan oleh pihak kerajaan, dan oleh itu banyak information yang dapat oleh rakyat adalah daripada surat-surat khabar, televisyen yang dikontrolkan oleh kerajaan dan ini adalah satu perkara yang menyebabkan kurangnya demokratik negara ini.

Sebagaimana yang kita sedia maklum baru-baru ini kerajaan telah mengambil tindakan kepada *Harakah* iaitu sebuah akhbar keluaran parti PAS yang ditujukan oleh semata-mata untuk ahli PAS. Tetapi walau bagaimanapun, kalau ada surat khabar itu dibaca oleh orang bukan PAS, bukan salah PAS, kalau ada orang-orang UMNO yang membaca *Harakah* itu bukan salah PAS, UMNO sepatutnya mendisiplinkan ahlinya supaya jangan membaca *Harakah*. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Rompin berdiri Yang Berhormat. Terpulang hendak beri, silakan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bersyukur pada hari ini Yang Berhormat bercakap, alhamdulillah, walaupun peringkat awal salah sedikit, kata Dewan Undangan Negeri, [Ketawa] pakaian pun baik, pakai tai, pakai kot, alhamdulillah,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:**  
Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak seburuk itu yang dikatakan ala Barat itu. Tetapi kalaulah negara kita tidak demokratik, bagaimana Yang Berhormat sebagai pembangkang boleh menang. Kalau tidak

ada demokratik, tidak ada pembangkang, yang depan pun tidak ada, DAP pun tidak ada, yang kalah itu, yang banyak menang. Bermaknanya negara kita ini demokratik Yang Berhormat, itu sahaja.

**Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi dalam sebuah negara demokrasi diadakan pilihan raya. Saya datang sini sebagai seorang yang telah dipilih oleh rakyat dan Rompin juga datang ke dalam Dewan ini setelah dipilih oleh rakyat. Jadi, sebagaimana yang saya katakan tadi bukan sahaja pilihan raya, tetapi mestilah ada penerangan, sebab rakyat apabila hendak memilih mana-mana calon, mana-mana parti, dia mestilah dapat faham atau dapat penerangan yang cukup, supaya dia dapat memilih mana yang baik, mana yang tidak baik. Tetapi kalau semuanya penerangan-penerangan yang dapat oleh rakyat melalui mass media dan surat-surat khabar yang dikontrolkan oleh kerajaan dan surat-surat khabar yang tidak menyokong kerajaan diambil tindakan dan sebagainya, ini adalah satu perkara yang tidak demokratik. Itulah maksud yang saya katakan tadi. *[Tepuk]*

Jadi, tindakan kerajaan kepada *Harakah* itu adalah suatu perkara yang saya rasa adalah keterlaluan dan tidak adil bagi pihak kerajaan. Dalam sebuah negara yang demokrasi, satu perkara yang saya rasa yang menjadi 'key' ataupun anak kunci kepada kejayaan demokrasi ialah '*fair play*', dengan izin. Ertinya, siapa yang menang mestilah berlaku adil, salah satu perkara yang dahsyat, yang akan berlaku ialah *tyranny of the majority*. Kalau yang mendapat majoriti mengambil tindakan yang menganiaya kepada pihak minoriti, itu satu penzaliman yang amat dahsyat. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin berdiri lagi Yang Berhormat. Terpulanglah kepada Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang hendak membahas, saya rasa Rompin sengaja hendak mengganggu saya sahaja. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila, dia sudah duduk Yang Berhormat. Sila teruskan.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kenapa kerajaan mengambil tindakan kepada surat khabar *Harakah* ini sedangkan segala kehendak kerajaan telah dituruti oleh pihak *Harakah*, cara jualannya telah diubah dan kalau ada pun sebagaimana yang dituduh oleh pihak-pihak kerajaan, bahawa *Harakah* mengandungi fitnah dan sebagainya, kita ada undang-undang libel dan sebagainya, kenapa tidak diambil tindakan terhadap *Harakah* kalau misalnya *Harakah* mengandungi unsur-unsur fitnah?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, saya rasa tindakan kerajaan untuk membenarkan *Harakah* diterbitkan dua kali sebulan itu semata-mata adalah keputusan politik untuk membendung rakyat, supaya menyekat rakyat daripada mendapat penerangan yang alternative to the government.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bahawa tindakan kerajaan dalam perkara *Harakah* ini membuktikan bahawa dalam banyak tindakan kerajaan adalah semata-mata bermotifkan politik. Saya tidak faham kenapa dalam banyak-banyak mass media yang ada di negara ini, surat-surat khabar, televisyen dan sebagainya, tidak dapat menentang *Harakah*, berilah penerangan terang-terang kalau kerajaan ada penerangan yang baik, lebih baik daripada apa yang di dalam *Harakah*, tetapi menunjukkan bahawa *Harakah* pada akhir-akhir ini telah dapat menjual naskhah yang begitu banyak, itu menunjukkan bahawa rakyat sebenarnya lapar kepada penerangan yang bukan disokong oleh kerajaan dan kedudukan keputusan pilihan raya baru-baru ini menunjukkan bahawa rakyat memang sukakan kepada penerangan-penerangan yang bukannya mengikut arahan kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kalau kerajaan ingin menjalankan cara demokrasi yang sebenarnya, sepatutnya permohonan dari pihak tertentu untuk mengeluarkan sebuah akhbar yang bernama *Purnama* patut diluluskan dengan segera, ini memberikan peluang kepada rakyat untuk mendapat penerangan-penerangan dan berita-berita yang alternatif yang berlainan daripada apa yang dikehendaki oleh kerajaan.

Saya nampak bahawa pihak kerajaan kalau ada dalam akhbar yang tidak menyokong kerajaan, terus menuduh itu adalah satu fitnah, kemudian

menuduh pula bahawa PAS pembangkang pula memainkan di belakangnya, serupalah juga dalam Internet, tadi ada Ahli Yang Berhormat yang menyebut 'Maha zalim web', katanya itu daripada pembangkang, mana ada bukti itu daripada pembangkang? *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, pembangkang bagi kita adalah kami di sini, ini adalah pembangkang, di sebelah sana adalah kerajaan, kalau dituduh bahawa 'Maha zalim' itu daripada pembangkang, mestilah ada bukti bahawa kami di sini yang mengeluarkan web Mahazalim itu, kita tidak ada orang lain, pembangkang di sebelah sini dan kerajaan di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, nanti mungkin pada pilihan raya yang akan datang kedudukannya bertukarlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab ini menuduh ini ha! 36(6) ini yang jahat ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada sangkut paut Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Heh, dia kata kita yang buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(6). Duduklah dahulu, biar saya jelaskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia tidak beri laluan. Jadi, Yang Berhormat Rompin ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini point of order. Dia kata kami zalim.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau sekali bangun itu tidak menjadi masalah, kalau dua kali bangun, saya rasa itu adalah satu gangguan. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau Yang Berhormat betul demokratik, adil, mengapa tidak beri saya sedikit laluan, saya

hendak bertanya. Barulah, kalau kita hendak kata sesebuah negara itu demokratik, parti kita demokratik, tunjuk dengan contohnya yang kita itu demokratik dan beri peluang kepada saya untuk bertanya. *[Tepuk]* Barulah kita demokratik. Kalau tidak hanya cakap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha, dia sudah duduk dah. Inilah Yang Berhormat yang baik hati. *[Ketawa]* Yang lain itu, lain cerita. Yang dia ini seorang baik hati.

Sebab zalim, Yang Berhormat, kita menduduh, orang kata satu jari kepada orang, tiga kepada kita. Ha, di Terengganu macam mana ini? Ketua kampung hendak dibuang.....

**Seorang Ahli:** Cerita lama!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bukan cerita lama, ini betul! Ini yang dikatakan kezaliman. Kalau hendak kata tak zalim, praktikkan di dalam kerajaan negeri yang kita tadbir.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Heh, apa bangun ini? *[Ketawa]* Hai, panaskah telinga kena?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** Itu fitnah itu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kena betul itu, panas dengar. Hai apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau ada soalan, tolong keluarkan cepat. Tidak ada masa untuk jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang dia ini seorang sahaja bangun buat apa? Yalah, yang bangun seorang lagi itu buat apa? Biarlah Yang Berhormat dari Machang yang baik tadi memberikan saya laluan, biarlah Yang Berhormat itu yang menjawabnya. Mengapa yang lain hendak bangun pula?

**Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:** *[Menyampuk]*



**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Eh, bukan minta dengan saya, minta laluan dari Yang Berhormat yang disebelah kanan itu.

Ha, terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan peluang kepada saya, terima kasih kerana dapat saya menyatakan apa yang saya hendak nyatakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat yang baik hati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya kira Yang Berhormat Machang, hanya ada dua minit lagi masa untuk berucap. *[Ketawa]*

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat dari Rompin tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dalam dua minit.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, tak apalah, saya hendak jawab juga. Saya faham bahawa yang disebutkan di Terengganu tadi, itulah perlantikan politik. Sesiapa dia pun, sama ada pegawai kerajaan yang dilantik dengan secara politik, mestilah jatuh dengan politik juga. *[Tepuk]* Sesiapa yang dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional misalnya, kalau Barisan Nasional jatuh, he has to fall with the BN, you know. *[Beberapa Ahli berkata "wah!"]**[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Rompin bangun lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini tindakan Yang Berhormat parti PAS ialah parti politik buat tindakan secara politik, kalau kita menunjukkan kita Islam, perjuangan kita Islam, kita tidak boleh hendak menganiaya i sama ada atas sebab apa pun.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab tadi lagunya kata Islam, Islam tidak buat seperti .....

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, apabila Barisan Nasional memerintah Kelantan tahun 1978 semua penghulu yang dilantik oleh PAS telah dibuang oleh Barisan Nasional. *[Tepuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** PAS ini sekarang hendak balas dendamlah?

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tidak! Dalam alaf baru .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ha, kalau tidak mengapa buang? [*Tepuk*] Saya selalu mengatakan Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang ada ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan soal jawab! Machang, sila gulung. Satu minit sahaja.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya belum masuk dalam perkara yang saya hendak bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa akan datang boleh masuk.

**Tuan Mohd. Yusof bin Mohd. Nor:** Tetapi saya rasa, saya terpaksa kena berundur di sini, tetapi saya akan bercakap di lain kalilah. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Temerloh.

**4.39 ptg.**

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucap syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Negara 2000 pada 25 Februari yang lalu. Ada dua perkara pokok yang amat membanggakan dalam Belanjawan Negara 2000 yang telah dibentangkan itu.

Pertama, Belanjawan Negara 2000 jelas membuktikan Malaysia mampu keluar dari kemelut kemelesetan ekonomi dengan jayanya menggunakan acuan dan kebijaksanaan sendiri tanpa meminta bantuan dan pertolongan orang lain.

Kedua, Belanjawan Negara 2000 juga jelas membuktikan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional untuk menggunakan kekayaan negara yang ada untuk diagih-agihkan kepada pelbagai golongan rakyat di negara ini tanpa mengira kaum, agama dan taraf kedudukan mereka. Inilah sebabnya mengapa Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO mampu mengekalkan pemerintahan negara ini selama lebih 40 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, antara pencapaian yang terpenting dalam Belanjawan 2000 ini ialah pertumbuhan ekonomi yang jauh lebih baik

daripada apa yang dijangkakan dan diiringi oleh kadar inflasi yang rendah. KDNK dijangka berkembang pada kadar 5.8% iaitu melebihi ramalan awal 5% semasa pembentangan Belanjawan pada 29 Oktober 1999.

Pada masa yang sama, inflasi telah dapat dibendung pada kadar 2.8% berbanding dengan 5.3% pada tahun 1998. Dua asas ini penting sekali dalam melihat prestasi ekonomi sesebuah negara. Ada negara yang mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi tetapi kadar inflasinya jauh berlipat ganda lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan ekonomi itu sendiri. Negara-negara seperti Pakistan, Indonesia dan kebanyakan negara di Latin Amerika, lazimnya berada di dalam keadaan ini. Di negara-negara ini sudah tentulah kerajaannya tidak akan dapat menyediakan sebarang kemudahan untuk menjamin kesejahteraan rakyatnya.

Bagi Malaysia, pertumbuhan ekonomi adalah amat penting sekali. Dengan adanya pertumbuhan ekonomi ini, kerajaan mendapat hasil dan hasil itu digunakan untuk memberikan pelbagai kemudahan kepada rakyatnya seperti membayar elaun-elaun kita Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang, memberi biasiswa kepada anak-anak di luar bandar, menyediakan kemudahan infrastruktur jalan raya, bekalan air, elektrik, membina sekolah, klinik di luar bandar dan pelbagai lagi kemudahan yang selama ini tidak terfikir oleh kita ianya boleh dilaksanakan.

Begitulah pentingnya pertumbuhan ekonomi kepada Malaysia. Jadi, perbincangan-perbincangan dan dakwaan-dakwaannya yang dibuat di Dewan ini yang memperkecilkan strategi Belanjawan 2000 yang hanya mementingkan pertumbuhan ekonomi negara semata-mata adalah merupakan perbincangan yang cetek dan amat dengkil sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan tadi bahawa pertumbuhan ekonomi itu penting bagi negara kita dan kita mahu mengekal dan memantapkan pertumbuhan ini untuk menjamin masa depan yang lebih baik. Soalnya, bagaimana boleh kita pertahankan dan pertingkatkan pertumbuhan ini dalam arus ekonomi global yang serba mencabar ini. Menurut laporan pembangunan dunia dalam tahun 1999, dengan izin, *World Development Report 1999* yang menyatakan, bagi negara-negara yang menguasai ekonomi dunia imbalan di antara ilmu pengetahuan dan sumber-sumber asli telah

berpindah jauh kepada ilmu pengetahuan sehinggakan ilmu pengetahuan telah menjadi faktor yang paling penting bagi menentukan taraf hidup rakyat lebih daripada tanah, kemahiran dan guna tenaga buruh.

Pada hari ini, teknologi ekonomi yang paling maju ialah ekonomi yang berdasarkan kepada ilmu pengetahuan. Paul Romer salah seorang daripada ahli ekonomi pendukung teori pertumbuhan baru, menyatakan dunia kini sedang mengalami satu proses transisi di mana sistem ekonomi berteraskan pengetahuan akan memberikan kekayaan kepada negara yang mengamalkan sistem ini. Menurut Romer lagi, berteraskan ilmu pengetahuan sebagai satu bentuk asas kepada modal, perkembangan ekonomi akan dirangsangkan oleh pengumpulan ilmu pengetahuan. Romer juga berpendapat apa jua penemuan teknologi baru boleh membentuk satu platform untuk terus mencipta dan kesan platform inilah yang merupakan kunci utama perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi baru yang dimaksudkan itu adalah teknologi baru yang berteraskan ilmu pengetahuan yang boleh meningkatkan hasil pulangan yang tinggi, inilah yang menerangkan mengapa negara-negara maju boleh mempertahankan pertumbuhan ekonomi mereka dan mengapa negara-negara membangun walaupun terdapat tenaga buruh serta modal yang tidak terhad tetapi tidak mampu untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi mereka.

Pandangan-pandangan tadi telah menyedarkan saya bahawa selain daripada cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan yang menanti Malaysia di ambang alaf baru ini ialah juga cabaran anjakan paradigma yang sedang dialami oleh masyarakat dunia daripada ekonomi yang berteraskan pengeluaran, kepada ekonomi yang berteraskan pengetahuan atau keekonomi sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya daripada Shah Alam pagi tadi dan ini telah disebut dan ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia dalam Belanjawan baru-baru ini.

Seperti globalisasi ekonomi, keekonomi juga adalah merupakan satu episod yang perlu ditangani secara berhati-hati oleh kerajaan dan rakyat negara ini. Oleh itu adalah amat penting sekali bagi kerajaan dan rakyat di negara ini memahami konsep ini serta menghayati keekonomi supaya Malaysia tidak ketinggalan.

Amatlah wajar sekali bagi Malaysia menekankan peri pentingnya ekonomi berasaskan pengetahuan dengan memberi tumpuan kepada Belanjawan menyediakan prasarana teknologi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga membaca laporan yang dikeluarkan oleh OECD, dengan izin, Organization for Economic Cooperation and Development mengenai sains dan teknologi dan industri yang menyebut begini, "Trend yang berlaku di dalam anjakan paradigma kepada ekonomi pengetahuan akan meletakkan mereka yang tidak memiliki apa-apa kemahiran dalam kedudukan yang bahaya dan memberi cabaran utama dalam dekad yang akan datang." Atas kesedaran ini saya sungguh berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengumumkan dalam Belanjawan 2000 bahawa Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk K-Ekonomi telah pun ditubuhkan dan pelan ini dijangka siap dalam tempoh enam bulan. Saya difahamkan satu pasukan petugas akan juga ditubuhkan untuk mengenal pasti projek-projek berkualiti tinggi termasuk projek-projek K-Ekonomi yang layak diberikan galakan istimewa, cukai dan juga bukan cukai. Saya berterima kasih sungguh kepada kerajaan yang mengangkat masalah ini menjadi salah satu agenda terpenting negara kerana kita tidak mempunyai masa yang banyak untuk memperlengkapkan generasi akan datang untuk menangani cabaran baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membuat beberapa syor untuk ditimbang oleh Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk K-Ekonomi yang ditubuhkan itu. Pertama, kerajaan perlu memperkemas sistem pendidikan negara supaya seiring dengan kehendak K-Ekonomi. Sekurang-kurangnya tiga negara iaitu Canada, New Zealand dan Singapura telah menyatakan dalam program K-Ekonomi mereka bahawa kejayaan dalam mengamalkan K-Ekonomi adalah bergantung kepada mutu sistem pendidikan sesebuah negara. Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan K-Ekonomi dari aspek pendidikan, dua perkara utama perlu diberikan perhatian dalam merangka pelan induk K-Ekonomi tersebut. Pertama, memastikan corak sistem pendidikan di peringkat sekolah hendaklah lebih bermirip ke arah learning base, dengan izin, sementara di peringkat pengajian tinggi mestilah lebih bermirip kepada research base. Keduaanya, pelan induk tersebut juga

hendaklah memberi perhatian kepada sekolah-sekolah luar bandar dengan menambah serta mempertingkatkan sistem maklumat dan menyediakan prasarana fizikal di sekolah-sekolah tersebut. Sistem pendidikan yang bercorak apakah yang diperlukan oleh sesebuah negara yang beraspirasikan masyarakat berilmu pengetahuan. Menyedari per pentingnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi yang berteraskan pengetahuan, usaha-usaha hendaklah dibuat untuk memperbaiki sistem pendidikan negara yang lebih learning base daripada examination base. Ini bermakna semua institusi pengajian tinggi awam di Malaysia mestilah melaksanakan sistem pendidikan yang lebih mirip kepada research base sementara penekanan di sekolah-sekolah pula mestilah menekankan kepada aspek-aspek learning base.

Sebagai contoh, apa yang berlaku di Singapura kini ialah negara tersebut telah mengorak langkah dan bersiap sedia untuk menuju ke arah K-Ekonomi. Sehubungan dengan itu kemantapan sistem pendidikan di Singapura di semua peringkat di negara itu telah dipersoalkan. Ahli pendidik di Singapura telah berpendapat peranan tradisi pusat-pusat pendidikan yang berpegang kepada konsep spoon feeding, dengan izin, telah ditukarkan kepada kaedah yang lebih kreatif dan suasana pendidikan yang lebih bebas. Mereka telah mencipta motif baru di dalam sistem pendidikan mereka iaitu ke arah learning nation, thinking school, dengan izin, yang tidak lagi memberi penekanan kepada silibus dan teknologi utilisation semata-mata. Sekiranya Singapura sebagai sebuah negara yang sudah terkenal dengan kecemerlangan pendidikannya di rantau Asia Tenggara telah mengubah hala tuju dalam sistem pendidikan mereka, serta menyedari kelemahan sistem yang ada, maka adalah wajar bagi Malaysia untuk meneliti semua sistem pendidikan yang sedia ada supaya ia seiring dengan keperluan K-Ekonomi dan akhirnya akan menjadikan Malaysia negara yang maju.

Sistem teknologi maklumat dan komputer di sekolah-sekolah luar bandar hendaklah diperbanyakkan. Usaha mempertingkatkan teknologi maklumat di sekolah-sekolah luar bandar adalah amat perlu sekali kerana masyarakat luar bandarlah yang perlu diperlengkapkan dengan ilmu

pengetahuan supaya mereka ini menjadi sebuah masyarakat luar bandar yang inform, dengan izin.

Bagi mencapai tujuan di atas penyediaan prasarana fizikal juga perlu dipertingkatkan di sekolah-sekolah luar bandar. Penambahan jumlah komputer di sekolah-sekolah luar bandar, penyediaan perkhidmatan on-line, latihan-latihan yang perlu diberikan kepada guru-guru adalah di antara beberapa cadangan yang boleh membantu mempertingkatkan kefahaman dan juga penghayatan K-Ekonomi di kalangan masyarakat luar bandar. Beberapa kajian yang dibuat menunjukkan hanya kira-kira 11% sahaja rakyat Malaysia yang mempunyai personal computers jika dibandingkan dengan world's average 35% dan hanya 5% sahaja rakyat Malaysia yang, dengan izin, surfing dengan Internet berbanding dengan world's average 30%. Daripada 2.6 juta rakyat Malaysia yang memiliki personal computers, 65% daripadanya adalah mereka tinggal di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Jurang ini yang dipanggil digital divide perlu dikurangkan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia pernah menyatakan, dengan izin, there is a need to close the digital divide between the information rich and the information poor.

Kedua, matlamat utama K-Ekonomi harus memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Satu kenyataan yang perlu difahami bahawa K-Ekonomi bukanlah hanya melibatkan serta memberi manfaat kepada golongan pekerjaan tertentu sahaja. Pelan tindakan ini juga harus mengambil kira semua lapisan masyarakat di negara ini jika objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan K-Ekonomi. Seperti yang telah diterangkan tadi, K-Ekonomi sebenarnya melibatkan satu proses penghayatan serta pengamalan ilmu pengetahuan melalui sistem teknologi maklumat oleh semua pihak. Ini bermakna sekiranya kita mahukan Malaysia mengamalkan K-Ekonomi, kita mesti memastikan nelayan di Pantai Timur, petani di Kedah, peneroka FELDA di Temerloh, Pahang akan mendapat ganjaran yang baik apabila melaksanakan ciri-ciri sebuah masyarakat yang mengamalkan K-Ekonomi. Walaupun konsep petani moden ataupun nelayan moden sudah diwarwarkan tetapi penghayatan serta pemahaman sebenar tidaklah dilaksanakan dengan efektif. Seharusnya ada

program-program yang boleh dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi, umpamanya, membawa ilmu pengetahuan kepada masyarakat kampung supaya mereka dapat berkongsi ilmu dengan masyarakat di luar bandar. Dengan itu kita dapat membentuk masyarakat luar bandar yang berilmu pengetahuan, di waktu yang sama semua lapisan masyarakat mestilah bersedia menerima transformasi ekonomi dan teknologi yang tidak mungkin dapat dielak ini.

Ketiga, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan mestilah diperhebatkan. Penyelidikan dan pembangunan adalah dianggapkan sebagai satu daripada faktor yang boleh mempercepatkan proses pengamalan K-Ekonomi. Ini adalah kerana melalui R&D inovasi boleh dipertingkatkan, pelaburan di dalam R&D juga membolehkan firma-firma mempercepatkan pemakaian teknologi. Kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkenaan perlu mengenal pasti industri yang berkaitan dengan teknologi tinggi yang melibatkan teknologi maklumat.

Keempat, membentuk dan membangunkan prasarana pengetahuan, atau dengan izin, building the knowledge infrastructure. Pengalaman telah menunjukkan pelaburan prasarana adalah kritikal untuk memperbaiki produktiviti ekonomi. Malaysia telah melaburkan dengan banyak dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan telekomunikasi bagi membantu pertumbuhan ekonomi. Untuk menjadikan Malaysia negara yang mengamalkan K-Ekonomi, kemudahan-kemudahan penyelidikan, makmal-makmal universiti dan pelaburan dalam sektor modal manusia seperti pendidikan, latihan dan 'apprenticeship' perlu dipertingkatkan lagi. Jawatankuasa Pemandu Pelan Induk K-Ekonomi ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sila gulung.

**Datuk Mohd Sarit bin Haji Yusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua...bolelah bekerjasama dengan syarikat tempatan yang terbaik, yang dinamik di bidang ini untuk membantu membangunkan prasarana pengetahuan yang diperlukan.



Yang kelima, menjadikan syarikat Malaysia sebagai intelektual capital. Ini juga penting untuk menjadikan syarikat-syarikat di Malaysia punyai competitive advantage dengan syarikat-syarikat yang lain.

Yang keenam, yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, menjana kebangkitan Industri-industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk bersaing di pasaran global. Di abad ke-21 ini ekonomi global akan dikuasai oleh IKS ataupun SMI. Tidak semua syarikat-syarikat gergasi besar dapat berperanan membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Di Amerika Syarikat misalannya, sebanyak 500 syarikat gergasi yang disenaraikan oleh majalah *Fortune* hanya menyumbang kurang daripada 10% terhadap ekonomi Amerika Syarikat. Adalah diakui sekarang IKSlah merupakan salah satu pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara maju dan syarikat-syarikat ini jugalah yang akan menjadi nadi kepada pertumbuhan modal pada abad ke-21 ini. Kita mahu IKS di negara kita mengamalkan K-Ekonomi di dalam operasinya dan world class, dengan izin, pengurusannya dan ini akan dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik rumusan yang dibuat oleh beberapa tokoh industri teknologi termasuk jugalah Bill Gates yang menyebut seperti berikut: *“Syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi yang tidak menghayati rangkuman teknologi yang sepenuhnya di dalam pasaran maklumat baru akan membuat perancangan mereka dengan penuh kejahilan dan akan membawa padah kepada diri mereka sendiri. Bagi mereka yang terselamat dan berjaya, mereka akan bersama-sama membantu ke arah suasana kerajaan yang lebih baik dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lebih murah.”*

Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kubang Kerian.

**4.56 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillah, alhamdulillah, assalatuwassalamuala rasulillah. Saya terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batang Sadong yang telah pun memberikan ucapan yang baik dalam

mempertahankan bahasa baku. Kita semua tahu baku ialah piawai dan sebagaimana perkara-perkara lain memerlukan piawai, bahasa juga memerlukan piawai yang indah dan benar, yang benar itu adalah indah walaupun dari masa ia datang dan saya berharap Kementerian Pendidikan dapat menilai semula dasar yang telah diputuskan dalam bahasa baku.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menimbangankan pengagihan sumber-sumber negara bagi mencapai faedah tertinggi bagi rakyat jelata, sama ada yang tinggal di kota atau di desa, di muara atau rawa, Sabah atau Semenanjung. Tanggungjawab ini adalah satu amanah – amanah rakyat jelata sama ada mereka penyokong kerajaan atau penyokong alternatif kepada kerajaan dan kepimpinan yang ada. Dan yang lebih penting dari itu ialah akauntabiliti kita kepada Pencipta kita. [*Membaca sepotong ayat Quran*] – “*Setiap kamu adalah pengembala dan setiap kamu akan dipersoalkan tentang tanggungjawab kamu.*” Pemegang amanah awam berakauntabiliti kepada para pengundi yang mungkin boleh dikelirukan melalui peranan media dan mesin propaganda tetapi maha Pencipta akan kekal untuk menghisab semua pihak pada suatu masa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita pada asasnya dipacu oleh sumber semula jadi, resources driven. Ini dapat dilihat dari penyata lengkap hasil bagi tahun berakhir 31 Disember 98 yang mencatatkan pungutan hasil dari petroleum, gas dan item yang berkaitan. Ia adalah seperti berikut:

<b><u>Pungutan Hasil</u></b>	<b><u>Jumlah</u></b>
• Cukai pendapatan petroleum	RM4.046 bilion
• Petroleum mentah	RM563 juta
• Duti Eksais bagi Petroleum, gas cecair, Diesel dan keluaran petroleum	RM1.6 bilion
• Royalti petroleum	RM1.1 bilion
• Hasil pelaburan daripada Petronas	RM3.1 bilion
• Permit petroleum	RM336 ribu

Ini tidak termasuk sumbangan sektor perladangan dan perlombongan yang lain. Kesemua item yang saya bacakan tadi menunjukkan sumbangan petroleum kepada hasil negara kita ialah sekitar RM10 bilion bagi setiap tahun atau 17% daripada jumlah hasil negara sebanyak RM56 bilion.

Jumlahnya bukan kecil. Ini belum termasuk jumlah yang diperolehi oleh Petronas secara langsung yang dianggarkan RM20 bilion setahun. Bayangkan hasil yang telah kita perolehi dari petroleum untuk 18 tahun yang lalu. Kini harga petrol meningkat di pasaran antarabangsa yang sudah tentu memberikan Petronas keuntungan yang berlipat ganda.

Untuk ingatan Ahli-ahli Yang Berhormat, Petronas tidak perlu membentangkan perjalanan akaunnya ke Dewan ini walaupun jumlah pendapatannya begitu besar iaitu hampir separuh daripada jumlah hasil negara kita sendiri. Ini membolehkan Petronas begitu bebas menggunakan kekayaannya dalam satu cara yang tidak boleh dipersoalkan secara terperinci di mana-mana forum termasuk di Dewan ini. Saya tidak tahu di lain negara adakah amalan yang sama berlaku dan adakah ia hanya satu kes istimewa negara kita. Kita baru sahaja mendengar Petronas membeli saham EON berjumlah RM1 bilion. Kita tahu menjelang 2003 dengan terlaksananya WTO dan AFTA pembelian ini terdedah kepada risiko kejatuhan nilai. Bagi suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember Proton mencatatkan kerugian RM21.2 juta sekalipun ia diberi perlindungan tariff oleh kerajaan. Petronas telah menggunakan sumber yang besar untuk mendapat status bangunan yang tertinggi di dunia sekalipun terpaksa membiarkan bangunan Daya Bumi yang dibina dengan kos RM500 juta sedikit masa lalu menjadi kosong. Jika tidak silap saya, Petronas telah dua kali menyelamatkan Bank Bumiputra dan dipujuk membeli saham Mirzan dalam Konsortium Perbadanan Perkapalan Malaysia dengan harga yang besar bagi membolehkan pemilik sebelumnya mendapatkan pembayaran tunai dan bebas dari cengkaman hutang yang ditanggung sebelumnya.

Petronas memang hebat tetapi persoalannya sekarang ialah kekayaan yang besar ini tidak patut menjadikan penghalang Petronas untuk menumpaskan ingatan kepada rakyat yang daif, terpinggir dan setia. Petronas dengan kekayaannya seharusnya dapat sama meletakkan mercu tanda yang lebih dekat dengan keperluan dan kebajikan rakyat. Umpamanya, dalam pendidikan dengan menyumbangkan bangunan sekolah, komputer, buku-buku untuk perpustakaan, kemudahan makmal dan lain-lain terutama di luar bandar. Ia juga boleh menyumbangkan geran insurans pertanian bagi petani miskin di

seluruh negara yang sering terdedah kepada resiko seperti yang dialami oleh penanam tembakau di Kelantan sekarang, penternak dan nelayan kecil dari Perlis sampai ke Sabah. Juga jangan lupa kepada pekerja ladang orang India yang duduk bersesak-sesak dalam kuarters yang kecil di ladang-ladang. Kita mahu melihat papan tanda Petronas dalam apa yang telah saya sebutkan *'Besar sama dilapah, kecil sama dicicah.'*

Tuan Yang di-Pertua, sekaligus Yang Berhormat bagi Tambun berkata bahawa dakwaan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tentang agihan kekayaan negara menjadi semakin tidak seimbang sebagai tidak berasas dan tidak disokong oleh fakta, saya ingin berkata masih banyak isu kebajikan dan kepentingan rakyat jelata yang memerlukan perhatian segera kerajaan. Yang Berhormat Tambun boleh melihat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh pada muka surat 73 dan 74 untuk meneliti sendiri catatan rasmi mengenai sebab ketidaksamaan pendapatan antara ras sektor wilayah yang semakin meningkat. Premis saya ialah Malaysia telah maju, kemajuan itu sebahagiannya disumbangkan oleh sumber alam negara kita yang dianugerahkan sedia kaya. Malaysia pada perhitungan kita seharusnya menjadi lebih maju tanpa pembaziran yang merupakan kebocoran kepada sistem ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan mencatat defisit untuk tahun kedua berturut-turut, kali ini berjumlah RM16.4 bilion berbanding RM2.7 bilion pada tahun 1998 atau 5.8% daripada KNK. Jika kita teliti defisit yang besar ini sebahagiannya disumbangkan oleh pertambahan dalam perbelanjaan mengurus, disebabkan oleh pembiayaan bayaran khidmat hutang negara. Meminjam kata-kata dalam buku Laporan Ekonomi 1999/2000 ini sendiri, pada muka surat 25 berbunyi:

*“Hasil daripada pinjaman yang tinggi oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1998 dan 1999 bagi membiayai defisit perbelanjaan bagi tujuan pembiayaan hutang dijangka meningkat sebanyak 30.4% kepada RM9 bilion iaitu 18.5% dari jumlah perbelanjaan mengurus.”*

Apakah lagi item besar perbelanjaan yang menyumbang kepada defisit sebesar ini. Defisit ini seterusnya disumbangkan oleh perbelanjaan yang

dicadangkan kepada Pusat Pentadbiran Putrajaya dianggarkan RM1.554 bilion bagi tahun 2000. Sementara bayaran untuk tanggungan kumpulan Perwaja pula diuntukkan anggaran sebanyak RM1.167 bilion. Bagi dua item ini sahaja, sudah menelan RM2.7 bilion dicampur RM9 bilion untuk hutang tadi, menjadikan tiga item ini sudah mencecah RM11.7 bilion, ia menjadi 71% dari jumlah defisit kita.

Pemimpin Barisan Nasional sudah lama menganut polisi tidak ada salahnya berhutang untuk pembangunan negara. Pertanyaan saya ialah jika kita menggunakan sumber kekayaan kita mengikut ukuran kemampuan kita, adakah kita masih perlu berhutang sedemikian besar. Jika sudah mempunyai beban hutang yang besar adakah tidak lebih baik jika kita menjelaskan sebahagian hutang kita terlebih dahulu dengan mengecilkan saiz projek-projek besar yang menelan belanja wang negara dengan begitu banyak. Sebaliknya kita memulakan projek-projek baru yang menghasilkan kerugian kepada negara dari masa ke semasa.

Melihat kepada punca defisit kita, idea Yang Berhormat Tambun bahawa Belanjawan defisit adalah perlu untuk memajukan ekonomi tidak lagi relevan sepenuhnya, defisit itu tidak membawa kepada kesan berganda yang diharapkan kerana ia lebih merupakan kebocoran kepada aliran ekonomi kita.

Bercakap mengenai kesan pengganda, pada hemat saya jika kita menggunakan jumlah yang sama yang telah kita gunakan untuk membesarkan saiz projek mega kita dan kita menggunakan wang itu untuk menggantikan rumah pangsa satu bilik yang bertaburan di bandaraya kepada rumah-rumah yang lebih selesa meningkatkan kemudahan infra di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, melengkapkan kemudahan pendidikan termasuk di sekolah Tamil, China dan Islam, mengadakan pelabuhan perikanan laut dalam yang lengkap umpamanya, adakah kesan penggandanya tidak akan berlaku sehingga kita meletakkan prioriti yang salah terhadap sumber-sumber kita yang terhad.

Suka juga saya menarik perhatian kepada kegawatan ekonomi pada pertengahan 80-an yang telah didahulukan oleh Belanjawan defisit untuk lima tahun berturut-turut pada lima tahun pertama awal 80-an, sungguhpun perbelanjaan awam yang lebih besar dari perbelanjaan sektor swasta dalam

tempoh itu bukanlah faktor tunggal kepada kegawatan itu tetapi pengarang buku *Economic Crisis in Malaysia: Causes, Implication and Policy*, menyebut bahawa ianya telah memburukkan kegawatan itu dan mengakibatkan ketidakseimbangan struktural.

Tuan Yang di-Pertua, Perwaja pada hemat saya memerlukan pandangan keseluruhan semula, *review* yang ikhlas dan berterus terang. Adakah kita mesti meneruskan hasrat kita untuk melibatkan diri dalam industri berat berasaskan keluli dengan memperjudikan sumber-sumber kita atau kita berhenti sejenak untuk menilai sama ada penglibatan kita dalam industri ini adalah satu kesilapan yang tidak perlu kita lanjutkan lagi.

Seperti diketahui umum, Perwaja mempunyai tanggungan RM7 bilion dan kerugian RM3 bilion pada tahun 1996 dan pada masa yang sama melalui ucapan yang telah dibuat oleh Menteri Kewangan pada waktu itu, pada 16 Mei 1996 di Dewan ini juga, untuk ingatan Yang Berhormat semua, bahawa Perwaja telah terlibat dalam beberapa penyelewengan pengurusan dan saya bacakan 4 item yang telah disebut oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Dewan ini.

1. Bayaran sebanyak RM76.4 juta kepada satu syarikat yang tidak wujud di Hong Kong;
2. Arahan pembelian palsu kepada Eutochu Cooperation, bernilai USD23.4 juta;
3. Penyalahgunaan pinjaman USD96 juta bagi pembelian alat-alat untuk kemudahan pembuatan besi di Kemaman;
4. Skim perumahan kakitangan di Kemaman dan Gurun dengan kos pembinaan yang lebih tinggi iaitu RM121 ribu seunit sedangkan kos rumah murah ialah RM25 ribu seunit; dan
5. Pemberian kontrak tempatan berjumlah RM957 juta kepada kumpulan Mah Sun Enterprise dan syarikat syarikat berkaitan tanpa melalui jawatankuasa tender.

Ada dua aspek dalam Perwaja, aspek pertama ialah aspek kerugian dan aspek kedua ialah aspek penyelewengan. Mungkin rakyat boleh memaafkan

kerajaan dan pengurusan syarikat ini jika sekiranya ini adalah kerugian perniagaan biasa yang tidak dapat dielakkan sungguhpun mungkin pada mulanya lagi rakyat menaruh keraguan terhadap perniagaan ini.

Namun, jika sekiranya sebahagian kerugian itu disumbangkan oleh pengurusan berwenang dan berkepentingan, amatlah memilukan sekali wang negara dalam jumlah yang begitu besar terpaksa dikorbankan dalam satu perjudian tanpa penghujung dan tindakan pembetulan ke atas pembelotan tidak pernah diambil. Rakyat kerdil dan marhain mahukan wang negaranya dijaga dengan memberikan suara hatinya kepada pembangkang dianggap pembelot dan tidak tahu bersyukur tetapi penyangak yang menjadi kaya dan bebas lepas dalam negara kita, dianggap sebagai rakan-rakan yang baik. Adakah ini keadilan dan adakah ini akauntabiliti? [*Tepuk*]

Sebelum Dewan ini meluluskan peruntukan RM1.167 bilion tadi, kerajaan seharusnya menyediakan satu kertas putih ke atas Perwaja dan segala mistri yang menyelubungi projek yang telah menjadi tragedi negara ini untuk tujuan rekod bagi generasi kemudian Saya mempersoalkan dan menentang peruntukan RM1.167 bilion ini sebelum penelitian yang rapi dan penjelasan yang menyeluruh dibuat.

Melalui kesempatan yang amat ringkas ini suka saya mencadangkan hal-hal seperti berikut:

- (a) Menghapuskan yuran persekolahan dan yuran bagi semua pemeriksaan di sekolah-sekolah. Kerajaan hanya akan kehilangan hasil RM5 juta setahun jika dasar ini dilaksanakan, berbanding RM1.167 bilion yang kita terpaksa habiskan dalam peruntukan ini untuk Perwaja.
- (b) Mengizinkan ibu-ibu yang berkahwin semula terus mendapat kemudahan pencen bekas suami mereka yang telah meninggal dunia.
- (c) Menerima pakai cuti 2 hari seminggu sepenuhnya iaitu satu daripada kesan dasar ini ialah meningkatkan pelancongan domestik dalam negara kita.
- (d) Menubuhkan insurans pertanian negara untuk membantu semua petani yang ditimpa mala petaka dan

anggota lembaga insurans petanian negara ini hendaklah termasuk wakil-wakil dari pembangkang supaya ia dapat berlaku adil dan tidak ada pilih kasih.

- (e) Mengkaji semula permit *Harakah* untuk terbitan 2 kali seminggu bagi menyumbangkan kepada pemikiran alternatif. [*Tepuk*] Hujah yang digunakan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negara bahawa permit dua kali sebulan diberikan supaya selaras dengan penerbitan buletin parti UMNO, saya rasa adalah amat tidak logik dan tidak munasabah. Kalau UMNO boleh telur sebiji, pasal apa kita kena ikut UMNO telur sebiji, [*Tepuk*] kalau kita ada kapasiti bertelur lebih, kita bertelur lebih. [*Tepuk*] Ini tidak ada satu .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sila gulung.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Satu minit sahaja lagi.

- (f) Menyediakan satu skim gaji dan pencen yang selaras di seluruh negara untuk semua imam dan kakitangan masjid dan disalurkan melalui kerajaan-kerajaan negeri.
- (g) Semua masjid diperuntukan wang untuk tujuan menganjurkan program pembangunan insan bagi mukim masing-masing terutama untuk para remaja melalui modul-modul yang dirangka oleh pakar-pakar.
- (h) Menimbang semula peruntukan untuk semua universiti - Alhamdulillah, Timbalan Menteri Pendidikan ada, Menteri-Menteri seorang ada – dapat menimbang semula peruntukan untuk semua universiti yang telah dikurangkan seperti yang tertera dalam Belanjawan ini – barangkali semua Ahli Yang Berhormat baca – semua universiti telah dikurangkan peruntukan dalam Belanjawan kita dan ini bertentangan dengan nasabat



kita untuk melahirkan apa yang dikatakan keekonomi ataupun *knowledge society* yang telah dibincangkan.

- (i) Meningkatkan jumlah bantuan kebajikan dan jumlah penerima bantuan bagi golongan hilang upaya, cacat, tua dan daif. Bantuan bagi kumpulan ini telah tidak di *review* walaupun mereka adalah salah satu kumpulan yang memerlukan bantuan dan saya rasa inilah masanya untuk kita meningkatkan jumlah bantuan ini.

Ada banyak perkara yang ingin saya sentuh, termasuk perbadanan Putrajaya dan beberapa isu lain yang sangat penting untuk kita dedahkan kepada pengetahuan rakyat tetapi oleh kerana masa yang sangat terhad....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Itulah saha ja.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** ..... saya fikir kita kena sambung perbahasan kita sampai malam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah, cukuplah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak payahlah. Akhir sekali '*kalau paduka sayangkan negeri, usah bazirkan wang negara.*' Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sepang.

### 5.13 ptg.

**Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana saya juga ingin terlibat membahaskan usul Belanjawan Negara bagi tahun 2000. Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya negara kita akhirnya telah berjaya keluar daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak tahun 1997. Hari ini kita boleh berbangga kerana rizab negara sudah pun meningkat kepada RM34 bilion daripada RM20 bilion ketika gawat dan pencapaian dagangan pula mencatat lebih RM72.3 bilion pada tahun 1999 berbanding dengan defisit selama 10 tahun dari 1987 hingga 1997. Kejayaan pemulihan ekonomi negara setakat ini sudah cukup membuktikan bahawa negara kita

terus kukuh di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya sudah pun berlalu dan keputusannya juga telah pun diwartakan, sekarang adalah masanya bagi setiap wakil rakyat menjalankan kerja demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Tetapi malang sekali, sejak Dewan ini mula bersidang selepas pilihan raya baru-baru ini, saya merasa amat kecewa dengan cara telatah dan gelagat parti pembangkang yang telah mempamerkan imej yang kurang sopan dalam Dewan yang mulia ini. Dewan Rakyat yang mulia ini perlu dihormati kerana ia merupakan tempat percambahan idea dan berkongsi pandangan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Oleh yang demikian, adalah lebih baik sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya pembangkang, sentiasa dapat mendisiplinkan diri agar sesi Dewan Rakyat dapat dijalankan dengan keadaan yang lebih profesional dan tidak menimbulkan keadaan huru-hara yang boleh memberi gambaran yang mengelirukan sekiranya terdapat pelawat atau wakil kedutaan asing yang turut berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Setiap wakil rakyat yang dipilih hendaklah menampilkan imej diri yang baik dan bersopan di mana sahaja mereka berada termasuklah di dalam Dewan Rakyat. Pihak Pembangkang adalah digesa biarlah menjadi pembangkang yang berhemat yang boleh memberi sumbangan dalam sebarang pembentangan dasar atau rang undang-undang, bukan hanya setakat membantah apa sahaja usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang sebenarnya dilakukan semata-mata untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

Kaedah musyawarah yang kita amalkan selama ini janganlah disalahgunakan dengan memekik dan menjerit kepada mana-mana ahli Dewan yang lain termasuk Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapatkan penjelasan di atas sesuatu pandangan. Kalau pun ada perkara yang hendak dibantah atau pun *protest*, dengan izin, biarlah mengikut adab dan peraturan. Selama ini .....

**Puan Fong Po Kuan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Sepang .....

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Selama ini – saya minta maaf, saya tidak ada masa [*Disampuk*] [*Ketawa*].....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak beri.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Selama ini sikap pembangkang walaupun tidak semua – jelas menunjukkan yang mereka mengetepikan kepentingan negara dan rakyat. Kepentingan PAS pula tidak langsung mencerminkan ciri perjuangan parti berkenaan yang mendakwa parti Islam. Sikap mereka sudah keterlaluan dan tidak langsung mempamerkan akhlak dan budaya Islam. Oleh itu, marilah kita bertindak mengikut kematangan dan bukan dipengaruhi emosi yang meluap-luap untuk mendapat publisiti dan populariti murahan. Saya berdoa dan berharap perkara yang lepas-lepas tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Temerloh sebentar tadi berkenaan dengan .....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** [*Menyampuk*] Baca soalan siapa buat.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** .....usaha kerajaan ke arah ekonomi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pokok Sena.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** .....dan di sini saya juga ingin menambah dengan beberapa cadangan dan saranan.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi yang sedang berlaku sekarang ini telah memberi kesan yang positif bagi membantu kerajaan membawa perubahan paradigma di bidang ekonomi dari ekonomi kepada satu arah yang baru dan lebih berdaya maju iaitu k-ekonomi. Ekonomi memberi penekanan terhadap penggunaan kepandaian, ilmu pengetahuan dan daya intelek serta daya fikir yang tinggi dari seseorang. Oleh itu di masa-masa yang akan datang ianya akan menjadi.....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sepang, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangun.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** ....saya banyak perkara hendak bincang, Yang Berhormat. Saya minta maaf, kalau ada masa saya akan bagi.

Oleh itu, di masa-masa akan datang ianya akan menja di catalyst dalam membantu perkembangan ekonomi negara ke tahap yang lebih pesat lagi. Apabila ekonomi negara berubah dari penggunaan modal dan buruh yang intensif kepada penggunaan ilmu pengetahuan, maka tumpuan hendaklah diberikan kepada meningkatkan kepakaran di kalangan rakyat dalam pelbagai bidang yang mana kepakaran ini kemudiannya akan dapat dipasarkan di dalam dan di luar negara. Ini sekaligus akan menjadikan negara kita sebagai sebuah kuasa ekonomi yang lebih positif dan komparatif.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Britain telah menerbitkan satu Kertas Putih berkaitan k-ekonomi yang bertajuk ‘Building the knowledge driven economy’, dengan izin, yang menggariskan strategi-strategi mereka untuk menghadapi cabaran yang baru ini [*Disampuk*]. Selaras dengan itu, saya suka menyarankan kepada kerajaan supaya dapat menyediakan satu pelan induk di dalam bentuk Kertas Putih supaya dapat dibentang dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Kemajuan di bidang k-ekonomi bukan sahaja berpusat dalam satu bidang atau teknologi maklumat sahaja tetapi melibatkan semua bidang ekonomi yang ada. Teknologi maklumat selain menjadi satu bidang khusus untuk dimajukan juga akan menjadi penggerak utama dan pemangkin kepada kemajuan bidang ini. Malahan, tidak salah kalau saya katakan bahawa selagi ada bidang yang boleh difikirkan oleh manusia, selagi itulah ia harus dikaitkan dengan k-ekonomi.

Untuk itu, usaha kerajaan untuk meningkatkan penggunaan komputer dan kadar celik komputer di kalangan rakyat harus dipuji. Kemudahan mengeluarkan caruman KWSP sebenarnya adalah langkah bijak dan tepat pada masanya. Ini akan membolehkan semua rakyat sama ada penyokong mahupun penentang kerajaan mendapat manfaatnya sekaligus menggunakan wang berkenaan untuk tujuan teknologi maklumat dan k-ekonomi ini.

Penekanan terhadap [*Disampuk*] – gangguan banyaklah, Tuan Yang di-Pertua, ..... Penekanan terhadap penggunaan dan peningkatan ilmu

pengetahuan adalah sejajar dengan ajaran Islam. Ini adalah satu usaha kerajaan untuk menerapkan nilai Islam dan mengamalkan ajaran Islam secara berhemah. Ini sebenarnya selari dengan wahyu pertama Allah S.W.T. kepada Rasulullah S.A.W iaitu Iqra atau 'Bacalah' yang menyeru umat Islam menimba sebanyak ilmu pengetahuan yang mungkin, sekaligus ia selari dengan kehendak k-ekonomi.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memperkenalkan k-ekonomi yang selari dengan Islam tanpa perlu berteriak ke sana, ke mari untuk melabelkan sesuatu. Jika dikaji dari sejarah, ia juga menunjukkan ahli-ahli saintis Islam telah lama bergiat cergas di dalam k-ekonomi. Research and development, dengan izin, .....

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ....

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** .....dan juga meningkatkan teknologi sejak dahulu lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak berikan laluanakah?

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya ha biskan ini dahulu, Yang Berhormat. Saya habiskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan lagi daya saing kita dalam bidang k-ekonomi, saya mohon mencadangkan agar langkah-langkah berikut dapat dipertimbangkan.

Pertama, bumiputera hendaklah terus dibantu bagi meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang-bidang teknologi tinggi terutamanya dalam bidang yang masih kekurangan golongan bumiputera.

Saya suka mencadangkan:

- (i) agar UiTM mengambil langkah dalam mempertingkatkan mutu dan kuantiti kaum bumiputera dalam bidang ekonomi. Ini kerana UiTM telah berjaya membuktikan kemampuan dan dengan bilangan 188 kursus pengajian yang ditawarkan, saya percaya ia mampu merealisasikan matlamat berkenaan;

- (ii) kemudahan modal teroka untuk peniaga-peniaga bumiputera yang melibatkan diri dalam bidang ekonomi khususnya research and development, dengan izin, hendaklah dipertingkatkan bukan sahaja di bidang teknologi maklumat, malahan di dalam segenap bidang ilmu. Modal teroka yang disediakan pula hendaklah mudah diperolehi dijaja secara meluas dan mengetepikan kerena birokrasi;
- (iii) tumpuan juga harus diberikan kepada bidang-bidang profesional yang sedia ada seperti perakaunan, undang-undang dan kejuruteraan. Peningkatan bidang-bidang ini perlu untuk merangsang potensi industri khidmat nasihat;
- (iv) resolusi-resolusi yang telah dibentangkan dalam Kongres Ekonomi Melayu Bumiputera Ke-4 yang lepas dan Kongres Profesional Muda Melayu 2000, baru-baru ini hendaklah diberi perhatian yang serius oleh segenap lapisan masyarakat supaya dapat dilaksanakan dengan baik;
- (v) sekretariat tetap yang telah ditubuhkan di bawah arahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk Kongres Profesional Muda Melayu 2000 haruslah menjadi pemangkin kepada perkembangan k-ekonomi. Buah fikiran dari KPMM misalnya, boleh diminta dari masa ke semasa;
- (vi) guru-guru yang pakar dalam bidang-bidang tertentu hendaklah terus dilatih. Guru-guru yang melanjutkan pelajaran di bidang-bidang yang kritikal harus diberi insentif kenaikan gaji dan pangkat apabila mereka berjaya menamatkan pelajaran dan kembali bertugas; dan
- (vii) pengambilan pegawai-pegawai kerajaan harus dipilih dari kalangan yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang yang menjadi fokus dalam k-ekonomi. Sementara pegawai-pegawai yang sedia ada hendaklah diberikan latihan kepakaran dan setelah tamat mereka juga harus diberi insentif yang sepatutnya berdasarkan skim gaji yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sektor pendidikan dalam perbahasan saya. Sektor pendidikan merupakan elemen terpenting untuk merealisasikan wawasan negara apatah lagi arus ekonomi negara menghadapi evolusi k-ekonomi yang akan berasaskan kepintaran intelek, ilmu pengetahuan dan maklumat.

Justeru itu, institusi pendidikan akan menjadi lebih penting dalam melahirkan generasi yang bijak, menggunakan kepintaran dan kemahiran serta bermaklumat. Dalam hal ini, peruntukan yang sewajarnya harus dipertimbangkan dalam proses melahirkan generasi yang seimbang, bukan sahaja untuk memastikan masyarakat Malaysia berdaya saing dan punya ilmu pengetahuan yang cukup tetapi juga bagi menerapkan semangat dan nilai-nilai murni di dalam diri mereka.

Oleh yang demikian, saya melihat sektor ini perlu mendapat lebih perhatian bukan sahaja dari segi komitmen semua pihak tetapi juga penambahan dana yang cukup bagi menampung keperluan semasa. Ketika ini, dana yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan untuk sekolah-sekolah adalah berdasarkan surat pekeliling yang diedarkan sejak 1970. Jumlah yang diperuntukkan amat menyedihkan dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa kerana selain digunakan untuk menjelaskan pelbagai bil ianya juga turut digunakan untuk meneruskan aktiviti ko-kurikulum sekolah.

Selain daripada itu, pejabat pendidikan di setiap daerah juga perlu diperuntukkan sejumlah wang bagi mengurus aktiviti pemantapan institusi pendidikan di daerah selain merangsang program yang lebih pragmatik ke arah melahirkan generasi yang seimbang dan memenuhi keperluan pasaran tenaga mahir semasa selaras dengan kehendak k-ekonomi. Sekiranya pelaksanaan Dasar Pendidikan ini tidak dipelihara dan dibantu bagaimana mungkin kita mampu merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Negara. Oleh itu, saya ingin mencadangkan dari RM11,937 juta yang diperuntukkan untuk tujuan mengurus Kementerian Pendidikan agar dapat diagihkan untuk kegunaan sekolah dan pejabat pendidikan di setiap daerah seluruh negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung, masa sudah cukup untuk Yang Berhormat.

**Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:** Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar institusi perguruan negara diberi lebih kuasa untuk mendisiplin pelajar. Masalah disiplin atau kerehah remaja dewasa ini yang semakin berleluasa sebenarnya bukan hanya disebabkan oleh ibu bapa sahaja tetapi dasar kita yang kurang memberikan kuasa kepada guru untuk merotan dan mengambil tindakan ke atas pelajar.

Ini telah menyebabkan institusi pekerjaan ini diperlekehkan oleh masyarakat bahkan pelajar-pelajar sekalipun. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar bidang perguruan negara dikaji semula agar ianya mampu menarik minat para belia untuk memenuhi kekosongan yang ada.

Saya mencadangkan agar imbuhan para guru sekarang ditambah termasuk dari segi gaji pokok, tangga kenaikan dan pelbagai elaun yang mereka terima serta kemudahan prasarana penginapan bagi guru-guru di kawasan luar bandar. Selain itu juga usaha bersepadu untuk mengangkat semula martabat mereka harus difikirkan kerana golongan ini telah banyak berjasa pada negara kerana telah melahirkan beberapa Perdana Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, peguam, doktor dan pelbagai bidang profesional yang lain.

Oleh itu, adalah wajar pelbagai kempen, seminar, bengkel dan persidangan dirangka untuk meningkatkan rasa hormat masyarakat dan pelajar kepada guru, bukan sahaja di dalam sekolah tetapi juga di luar sekolah seperti zaman 60-an dan 80-an. Sekiranya ia berjaya dilaksanakan, saya percaya kita akan mampu mengurangkan peratus masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang dinamik dan berdaya maju yang tidak pernah kekeringan idea-idea baru yang canggih untuk meletakkan Malaysia di barisan hadapan dari kalangan negara membangun. Maka dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Gajah.

**5.26 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahas



Belanjawan 2000 ini. Di dalam perbahasan saya, saya hanya akan menekankan dua isu sahaja iaitu berkaitan dengan wanita dan sistem pendidikan, isu wanita tidak dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi langsung.

Jadi, saya hanya ingin menekankan kepentingan masalah yang dihadapi oleh wanita pada masa kini. Banyak yang telah diperkatakan mengenai hal-hal wanita tetapi bukan di Dewan yang mulia ini. Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dijadikan asas untuk menyangkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional melihat dengan pentingnya kesamaan dan pembangunan wanita.

Kedua-dua matlamat utama Dasar Wanita Negara menyatakan penjaminan perkongsian saksama dalam pelbagai keadaan dan integrasi wanita dalam semua sektor pembangunan negara. Prinsip dan garis panduan utama Dasar Wanita yang antaranya di dalam perenggan 3.1(g) menyatakan bahawa “*Sebarang diskriminasi yang berasaskan jantina yang merugikan kaum wanita dihapuskan dalam semua pertimbangan sewaktu membuat keputusan dan tindakan-tindakan selanjutnya*”. Di dalam dasar tersebut tertulis dengan jelas niat Kerajaan Barisan Nasional untuk menghapuskan diskriminasi yang berasaskan wanita tetapi pada hakikatnya Kerajaan Barisan Nasional sememangnya tidak serius atau bersedia untuk berbuat demikian terhadap menghapuskan diskriminasi terhadap wanita yang sedia wujud.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** [*Bangun*]

**Puan Fong Po Kuan:** Ini adalah kerana Kerajaan Barisan Nasional mempunyai *mens rea* tetapi tiada *actus reus* - mempunyai niat tetapi tiada tindakan yang sebenarnya dijalankan. [*Tepuk*] Matlamat Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

**Puan Fong Po Kuan:** Oh, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi laluan kerana masa telah dihadkan kepada 15 minit sahaja. Isu wanita kalau you hendak membahaskan sepatutnya telah dibangkitkan, tidak perlu meminta [*Tepuk*] penjelasan dari saya.

Matlamat Dasar Wanita Negara dan .....

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Saya ingat kalau Yang Berhormat hendak tahu, boleh beri peluang kepada saya.....

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Matlamat Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita akan berjaya jika Kerajaan Barisan Nasional bersedia untuk mengambil langkah mengetepikan penyimpanan reservation, dengan izin, yang dilakukan kepada Konvensyen Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita yang telah berkuat kuasa pada tahun 1981. Sehingga 8 Oktober 1999, sebanyak 165 buah negara .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat sambung hari esok.

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

Februari 2000

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Omn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Ye op, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Si Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)

- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)

- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato' Shanon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)



- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G. D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

#### **DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

*Setiausaha Dewan Rakyat*

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

*Ketua Penolong Setiausaha*

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

*Penolong Setiausaha*

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid II**

**Bil. 14**

**Selasa**

**7 Mac 2000**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
(Halaman 25)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000  
(Halaman 25)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2000  
(Halaman 25)